



**NEGERI PULAU PINANG**

# **PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,  
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
<b>SOALAN-SOALAN LISAN</b>	
Soalan No. 30 – Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)	6
Soalan No. 33 – Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	7
Soalan No. 34 – Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu)	8
Soalan No. 35 – Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad)	15
Soalan No. 36 – Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee)	15
Soalan No. 38 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	16
Soalan No. 44 – Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin)	18
Soalan No. 45 – Ahli Kawasan Kebun Bung (YB. Cheah Kah Peng)	20
Soalan No. 46 – Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria)	21
<b>SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018</b>	
Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	22
Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	31
<b>SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA</b>	
Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	35

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	46
<b>PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)</b>	49
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) menyambung semula perbahasan.	50
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	57
<b>SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA</b>	
Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Abd Hamid) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	64
Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	69
<b>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	81

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh** : 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)  
**Masa** : 9.30 Pagi  
**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

#### HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
13.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
14.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
15.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
16.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
17.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
18.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
19.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
20.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
21.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
22.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
23.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
24.	YB. Soon Lip Chee	Jawi

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
25.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
26.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
27.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
28.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
29.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
30.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
31.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
32.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
33.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
34.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

#### **TIDAK HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
2.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
3.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
4.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir

#### **AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

#### **HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

#### **TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan:**

"Bacaan Doa".

**Setiausaha Dewan:**

Soalan Lisan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin silakan soalan nombor 30.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan saya soalan 30.

No. 30. Apakah usaha yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya pintar (*smart city*)?

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Selamat pagi YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Dewan. Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB. KOMTAR, Kerajaan Negeri pada tahun 2016 telah memutuskan hala tuju Negeri Pulau Pinang menuju Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa dengan tema '*Data is King, Talent is Everything*'. Konsep bandar pintar di Negeri Pulau Pinang akan dibangunkan dengan mengutamakan infrastruktur ICT sebagai kemudahan asas bandar di samping kemudahan asas yang lain. Infrastruktur ICT tersebut bertujuan untuk merealisasikan sistem aplikasi kerajaan elektronik, sistem perdagangan elektronik dan sistem aplikasi pintar. Pembangunan konsep bandar pintar yang tidak meninggalkan aspek Pembangunan Masyarakat Global Bermaklumat. Pembangunan Masyarakat Global Bermaklumat memberi tumpuan kepada pembangunan manusia termasuk aspek pengetahuan, jasmani dan rohaniah. Bagi merealisasikan fungsi *Smart City* di Negeri Pulau Pinang, terdapat enam (6) *domain* yang telah dikenal pasti iaitu *Smart Governance, Smart Mobility, Smart People, Smart Environment, Smart Economy* dan *Smart Living*. Berdasarkan kepada *domain-domain* ini, Kerajaan Negeri telah mengadaptasikannya bagi merealisasikan hasrat *Smart City* melalui projek-projek berikut:

1. Mewujudkan Data Analitik Pintar (*Intelligent Data Analytics*) bagi melicinkan pengurusan lalu lintas dengan menggunakan Sistem *Intelligent Video Analytics* yang berkeupayaan mengenal pasti kesesakan lalu lintas, kenderaan diletak di luar petak, mengesan paras banjir, barang yang ditinggalkan, pembuangan sampah di tempat yang dilarang dan pencarian kenderaan.
2. Mengadakan Sistem *Smart Parking* atau Pengurusan Tempat Letak Kereta berkonsep 2E, 'Efektif dan Efisien'. Pelaksanaan sistem ini disekalikan dengan penguatkuasaan kompaun bersepadu serta aplikasi bayaran kompaun.
3. Memperkenalkan Sistem Pengurusan Sisa (*Waste Management*) yang meliputi pemantauan aktiviti pembersihan dengan penggunaan *apps* dan *sensor* serta *Big Data Analytic*.
4. Menggunakan Aplikasi *Waze* sebagai inisiatif telekomunikasi menuju ke arah Pulau Pinang sebagai sebuah bandar yang pintar adalah satu usaha untuk memberi tumpuan kepada penambahbaikan sistem aliran lalu lintas di mana jika terdapat kemalangan atau penutupan jalan, pemandu dapat mengelak jalan-jalan yang sesak dan merancang perjalanan dengan lebih baik.
5. Menggunakan *Global System For Mobile (GSM)* bagi memantau kerosakan lampu isyarat dan paras air parit monsun.
6. Mengadakan perkongsian maklumat *geospatial* di antara agensi kerajaan melalui Sistem GIS ataupun *eMaps*.

7. Melancarkan Perpustakaan Digital Pulau Pinang yang beroperasi 24 jam sehari untuk memastikan bidang pendidikan di Pulau Pinang selari dengan inisiatif sebuah *Smart City*.
8. Membina Pangkalan Data Tahap *Tier-4* di Negeri Pulau Pinang dan yang pertama di Malaysia yang merupakan satu inisiatif bagi tujuan *storage of data* dan pelaksanaan internet jalur lebar berkelajuan tinggi melalui pemasangan fiber optik dasar laut untuk kegunaan dan kebaikan Negeri Pulau Pinang pada masa akan datang.

Kerajaan Negeri berharap melalui inisiatif ini akan memberikan pelbagai manfaat dan keuntungan, termasuk potensi keuntungan kewangan dan pengurusan kos operasi yang boleh dikecapi dan dinikmati oleh rakyat, masyarakat itu sendiri dan juga pihak berkepentingan dalam komuniti perniagaan serta kerajaan di negeri ini.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Padang Kota. Saya ingin minta soalan seterusnya. Soalan 31, soalan daripada YB. Bertam. YB. Bertam tidak sempat masuk ke Dewan, soalan ini dilangkau. Soalan seterusnya 32, soalan YB. Bagan Dalam, telah pun dijawab bersama dengan soalan 1. So maka soalan 32 telah pun dijawab. Ingin saya persilakan soalan 33.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum Warahmatullah* dan Selamat Pagi, soalan 33.

- No. 33. Apakah status permohonan kemudahan awam KADUN Penanti:
- a) Baikpulih/naiktaraf dewan-dewan JKKK Guar Perahu, Sungai Lembu, Kuala Mengkuang?
  - b) Naiktaraf ataupun Baikpulih Padang Bola Taman Guar Perahu yang dipetisyen 93 belia Taman kepada Ketua Menteri masa Majlis Pecah Tanah?
  - c) Membina baru Balai Lintang serta Jeti di Sungai Kulim Kuala Mengkuang untuk rekreasi/sukan sungai?

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, terima kasih kepada Penanti mengenai dengan soalan 33. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan di Dewan JKKK Guar Perahu dan Kuala Mengkuang. Kerja-kerja tersebut dijangka siap dilaksanakan pada Disember 2017. Pembaikan Dewan JKKK Sungai Lembu pula telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun hadapan 2018. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah membuat lawatan tapak di padang bola Taman Guar Perahu dan memaklumkan kerja membaik pulih dan menaik taraf kawasan lapang tersebut yang memerlukan peruntukan minimum berjumlah RM750 ribu. Oleh itu bagi tujuan mendapatkan peruntukkan tersebut, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah perlu membuat penilaian ke atas keutamaan projek dan seterusnya permohonan ini akan diangkat untuk diperakukan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri bagi pertimbangan Kerajaan Negeri. Dan bahagian (c), cadangan untuk pembinaan baru Balai Lintang serta jeti di Sungai Kulim Kuala Mengkuang untuk tujuan rekreasi ataupun sukan sungai yang diterima pada 25 September 2017 daripada YB. ADUN Penanti sedang dalam semakan dan siasatan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah termasuk mendapatkan peruntukan bagi tahun 2018. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Terima kasih kepada YB. Pantai Jerejak atas jawapan yang sangat positif dan saya rasa penduduk di Penanti memang *especially* Sungai Lembu dan juga di Guar Perahu dan juga di Kuala Mengkuang. Saya harap dengan jawapan yang diberi tadi itu, maknanya projek itu betul-betul dilaksanakan. Saya memang harap dan padang bola itu, kalau kosnya sampai RM750,000 pun saya harap kalau sekurang-kurangnya buat padang bola yang macam *at least* letak rumput ke apa supaya mereka, *at least* lopak-lopak itu boleh dibaiki sementara takut nanti menunggu keperluan untuk RM750,000 kan, jadi saya harap sekurang-kurangnya cari, sekurang-kurangnya supaya *at least* padang bola itu boleh di bermain sebab petisyen yang saya terima ialah daripada 93 belia.

Soalan saya, saya mendapat, saya hendak tanya berkenaan dengan dewan-dewan lain yang saya ada tanya sebab saya tengok di Seberang Jaya, walaupun Siakap dan Tenggiri tu sebelah-sebelah sahaja tetapi masing-masing ada futsal dan dewan awam masing-masing. Maknanya saya memang

berterima kasih dan penduduk Penanti *especially* Taman Guar Perahu yang ada 4000 penduduk memang sangat berterima kasih yang Kerajaan Negeri, *Alhamdulillah* membina, sekarang sedang membina satu dewan serbaguna yang dipanggil Dewan Sains Cafe Taman Guar Perahu dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM2 juta dan dijangka siap pada Mac 2018. Ini memang sangat ditunggukan sejak taman ini dibina dari 1990-an.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Penanti, tanya soalan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Ya. Maknanya yang kalau di Siakap, Seberang Jaya, sebelah-sebelah pun boleh ada dewan sendiri, futsal sendiri kan, jadi saya harap yang dewan-dewan lain yang dipohon, dalam soalan bertulis yang kata tidak boleh dibina macam di Kubang Ulu untuk 1919 orang, Kampung Tanah Liat, 4630 penduduk dan Kubang Semang 2840 penduduk. Saya harap Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk meluluskan permohonan di kawasan-kawasan lain juga. Dan selain itu, ini soalan ketigalah kan?

Soalan ketiganya, selain daripada kemudahan awam disebabkan di tanah-tanah lapang macam sebagai contohnya, Taman Guar Perahu ada pembinaan dewan baharu, lepas itu kita ada baik pulih badminton, futsal semua tetapi situ tidak ada lampu-lampu. Jadi lampu-lampu, sebab saya rasala bila kita buat kemudahan awam seperti tanah lapang padang bola itu semua, saya harap juga dibekalkan lampu-lampu jalan supaya ada pencerahan, supaya malam-malam pun boleh dimain. Buat masa sekarang sebagai contoh di padang bola Sungai Memambu yang Dato' pergi pun hari itu kan, saya telah letak 10 lampu jalan baru di kawasan Kubang Semang, belakang Shell dan Sungai Semambu yang Dato' pergi yang kata bergelap malam itu kan...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Penanti, tanyakan soalan tambahan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya nak tanya, kalau TNB tidak boleh letak sebab meter jauh, boleh tak Kerajaan Negeri mempertimbangkan lampu solar ke? *You know*. Apa-apalah macam itu.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Ia tidak langsung mengenai dengan soalan bertulis. Apa-apa jua perancangan Yang Berhormat ada, ajukan dan bawa kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk dirancang di tahun hadapan. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey. Terima kasih YB. Pantai Jerejak. Seterusnya YB. Tanjong Bunga.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan. Soalan saya ke 34.

No. 34. Senaraikan semua pemaju dengan terperinci projek mereka (nama projek / lokasi / bilangan unit dibina / jenis pembangunan / lokasi /keluasan / bilangan Rumah Mampu Milik (RMM), Rumah Kos Sederhana Rendah (LMC) atau Rumah Kos Rendah (LC) dibina. Huraikan status sumbangan pembangunan dalam ekonomi negeri, strategi dan langkah-langkah agar polisi 'Satu Orang Satu Rumah' tercapai.

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Tanjong Bunga ke atas soalan ini. Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan ini adalah satu soalan yang begitu penting sekali iaitu berkenaan projek-projek pelbagai jenis rumah mampu milik daripada kos rendah sehingga rumah mampu milik sehingga RM300,000.00 yang telah pun dibina di Negeri Pulau Pinang. Berkenaan apakah langkah kita untuk memastikan semua orang dapat rumah di Negeri Pulau Pinang di bawah polisi satu orang satu rumah yang kita dilaksanakan.



YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengutamakan pembekalan perumahan mampu milik khususnya Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis A dan B yang terlebih dahulu dikenali sebagai kos rendah dan sederhana rendah telah memastikan bahawa dasar penyediaan rumah Kos Rendah/Rumah Kos Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan bandar ataupun 149 unit di kawasan luar bandar, *that is* kalau sampai 100 unit di kawasan bandar, sampai 150 unit kawasan luar bandar kita punya polisi memerlukan pemaju itu membina sebanyak 30% Rumah Mampu Milik Jenis A ataupun B ataupun kombinasi kedua-duanya di bawah polisi *that is we call it the compliance quota*, untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Selain daripada apa yang kita bina, itu adalah *compliance quota* yang mengkehendaki dan mensyaratkan pemaju swasta untuk membina rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, di bawah dasar ini, sebanyak 104 projek telahpun dibina dan memperolehi Sijil Layak Menduduki ataupun *Occupation Certificate* (OC) ataupun yang baru sekarang dikenali sebagai Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan, *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) yang melibatkan penyediaan sebanyak 24,227 Rumah Mampu Milik Jenis A dan B ataupun Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah dari 2008 hingga 2017. Untuk makluman Dewan dan semua ahli-ahli yang hadir, ini adalah angka yang terkini, *this is as of September 2017 from 2008. Everytime* saya datang.... (dengan izin) kepada Dewan saya hendak beri angka yang terkini, *this is the latest for low cost, low medium cost we have completed physically, CCC obtained*, itu adalah dari mana kita dapat statistik itu. Apabila CCC dapat, maka kita tafsirkan projek tersebut sebagai selesai dan ia akan masuk ke dalam *data base* saya.

So, saya gembira mengumumkan kepada keseluruhan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mendapat diselesaikan pembinaan secara fizikal dan pengeluaran CCC setakat September 2017, 24,227 rumah mampu milik. Daripada 24,227 unit ini untuk makluman secara terperinci, YB. Dato' Speaker, rumah mampu milik jenis kos rendah ialah 13,266. Manakala untuk rumah mampu milik jenis B rumah kos sederhana rendah ialah 10,961 unit. Ini adalah jauh berbeza YB. Dato' Speaker, dengan jumlah rumah mampu milik jenis A dan B yang telah siap dibina dari tahun 1999 hingga 2007 di bawah pentadbiran terdahulu di Negeri Pulau Pinang di mana untuk makluman YB. Dato' Speaker, hanya 5,154 unit sahaja telah siap dibina. Kita lebih daripada empat (4) kali ganda dalam satu tempoh masa yang hampir sama tetapi sehingga *in fact 2017 I would say one extra year* kita sudah hampir 5 kali ganda.

Selain daripada itu sebanyak 39 projek yang bakal menyediakan 17,686 unit rumah mampu milik Jenis A, B dan C. A ialah RM42,000.00 kos rendah, B ialah kos sederhana rendah RM72,500.00 dan C ialah pelbagai jenis daripada RM72,500 hingga RM300,000.00. Kita ada produk-produk RM150,000.00, RM200,000.00, RM250,000.00, RM300,000.00. *In fact* sebelum ini C mencecah sehingga RM400,000.00 tetapi tahun lepas Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk kurangkan had siling tersebut kepada RM300,000.00 projek-projek ataupun agar produk-produk dan stok baru yang masuk ke dalam pasaran adalah lebih mampu dapat dimiliki, YB. Dato' Speaker,

Dalam peringkat pembinaan daripada 17,686 unit pelbagai Jenis RMM A, B dan C, ini bukan.. tadi saya kata, 24,000 A dan B yang sudah siap dibina dengan CCC, *24,227 done deal in the last nearly 9 years, 17,686 on the way including the new product...*(dengan izin) C, *type C is the new product that came in* dalam tahun 2014. Daripada 17,686 unit ini dalam peringkat pembinaan ialah 2,971 unit jenis A iaitu RM42,000.00 iaitu kos rendah dan kos sederhana rendah ialah 3,563 unit iaitu RM72,500.00 dan sehingga maksimum RM300,000.00 dalam peringkat pembinaan YB. Dato' Speaker, ialah 11,152 unit. *All in we have already 24,227 done, 17,686 on the way.*

Berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri dan pemaju swasta, ini penting juga YB. Dato' Speaker, nanti saya akan berucap sedikit kita kerana memang kita telah diabai, kalau saya boleh guna perkataan itu, dari segi stok ataupun pembekalan rumah-rumah mampu milik daripada program-program Pusat. Kita perlu bekerjasama dengan pemaju swasta. Seperti mana di Dewan tahun ini saya telah mengumumkan sebelum ini kita ada satu garis panduan 100% pemajuan rumah mampu milik oleh pihak swasta di mana kita beri insentif-insentif tertentu kerana kalau tidak tidak *viable*, tidak *feasible*, mereka tidak akan lakukan. Dan saya gembira hari ini untuk menyatakan tadi *done deal 24,227* kos rendah dan sederhana rendah, *because this is a fact that everybody needs to know. These are facts that nobody can run away from...*(dengan izin), *17,686 on the way* dan di bawah garis panduan 100% kita telah pun luluskan di peringkat ini Kebenaran Merancang untuk projek di bawah swasta sebanyak 35 projek yang bakal YB. Dato' Speaker, menyediakan selain daripada 24,227 unit yang telahpun dibina, selain daripada 17,686 yang sedang dibina, yang telah kita lulus KM untuk swasta 35 projek YB. Dato' Speaker, setakat ini, 32,248 unit. So, kita *calculate* tengok, kita ada 25 campur 18 campur 32 berapa kita ada? 25 campur 18 itu, 43, *43 plus 32 is 75,000 units, 75,000 units* sudah bina, sedang bina dan akan dibina di bawah

Kerajaan Negeri ini, pelbagai jenis rumah mampu milik. Daripada pemaju swasta ini, daripada 35 projek yang bakal menyediakan 32,248 unit yang saya sebutkan tadi, ia terdiri daripada Rumah Mampu Milik Jenis A, 5,092 unit, Rumah Mampu Milik Jenis B iaitu kos sederhana rendah 8,817 unit dan pelbagai jenis Rumah Mampu Milik Jenis C 18,339 unit. Senarai terperinci semua projek-projek perumahan mampu milik yang telah, sedang dan akan dibina adalah seperti di dalam Lampiran, saya telah beri senarai terperinci kerana selalu mereka ada pertanyaan tentang sila beri perincian projek tersebut kerana saya selalu beri angka. Kali ini saya telah minta pihak Perumahan *to detail down and it is all there, actual projects, actual numbers*, semua ada dan semua boleh lihat.

Selain daripada ini YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri seperti mana saya nyatakan dalam Sidang Dewan sebelum ini, saya telahpun *update* apa projek-projek rumah mampu milik yang kita ada di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Untuk makluman semua yang hadir, yang terkini kita ada 17 projek. Saya kalau tidak silap pada bulan Mei apabila saya buat perbahasan di peringkat itu kalau tidak silap ada 14, kita sudah tambah lagi 17. Seperti mana saya katakan angka ini bukanlah satu angka statik, ia adalah satu angka yang hidup, *its a live number, we are always planning. As I speak now, on the table there are many other plans that we are looking into. The next sitting, when I come back, hopefully, hopefully I can give you a bigger number, and give you a bigger number not only on the projects* yang kita ada, YB. Dato' Speaker....(dengan izin) tetapi *also our latest figure of what we have actually completed* dan bina...(dengan izin) YB. Dato' Speaker.

Berbalik kepada Kerajaan Negeri, kita sendiri seperti mana yang saya nyatakan telah pun merancang di peringkat ini 17 projek perumahan pelbagai jenis mampu milik. Daripada 17 projek ini ia bakal sediakan selain daripada apa saya nyatakan tadi, *I repeat*, 24,227 sudah dibina, sedang dibina 17,686, projek swasta 32,248 dan kita punya projek 27,000 tambah lagi 27,230 unit pelbagai jenis mampu milik di mana ia terdiri YB. Dato' Speaker, daripada kos rendah ataupun Jenis A, 867 unit, kos sederhana rendah ataupun jenis B, 9,283 unit dan pelbagai jenis Rumah Mampu Milik Jenis C, 17,080 unit. Jumlah projek dan bilangan unit ini adalah dinamik. Seperti mana saya nyatakan kita akan kaji keperluan untuk tambah projek-projek untuk memenuhi permintaan rakyat Pulau Pinang. Daripada terutamanya dari golongan yang berpendapatan rendah kerana kita lihat bahawasanya memang pasaran hartanah memang begitu hangat. Tempoh hari Dato' Timbalan Ketua Menteri 1 telah pun menjawab dalam salah satu soalnya, merujuk kepada data daripada NAPIC apa yang sedang berlaku. Tetapi apabila saya nyatakan, apabila saya mula sebagai EXCO Perumahan dengan kerjasama Y.A.B. Lim Guan Eng kita telah pun melaksanakan beberapa langkah-langkah penyejukan, *cooling measures*, YB. Dato' Speaker, dan salah satu *cooling measures*....(dengan izin) yang terpenting tersebut yang saya sebut tadi ialah untuk kawal harga. Kawal harga, bagaimana? Dengan ada harga terkawal, kita boleh kawal harga dengan ada harga yang terkawal. *We can control the price by having a price control, very simple. I am very happy today, nearly five (5) years, four and a half years into my EXCO seat for Housing to give you these numbers, all are price controlled* yang kita begitu pentingkan supaya stok yang ada adalah stok yang mampu dapat dimiliki oleh rakyat Negeri Pulau Pinang terutamanya seperti mana yang saya katakan tadi golongan yang berpendapatan rendah, B40 dan juga M30, ini penting kepada kita.

Daripada 17 projek tersebut saya kembali kepada 17 projek Kerajaan Negeri, ingin saya nyatakan juga dan laporkan pada Dewan ini bukan sahaja dari segi ia dirancang ataupun ia diumumkan tapi daripada 17 projek itu lima (5) projek sudah pun di dalam proses pembinaan.

Dan saya begitu gembira menyatakan satu projek adalah sudah hampir 100% siap *in fact* kepada saya fizikal sudah 100% siap. Sekarang kita sedang bertungkus lumus untuk dapat Hakmilik Strata dan juga pemilikan kosong dapat kita jangka pada akhir tahun ini iaitu untuk projek di Batu Kawan iaitu Bandar Cassia Fasa I ataupun Suria yang dikenali dan kita *we are working very hard to come out*....(dengan izin) *with the strata title simultaneously with vacant possession which is require*...(dengan izin) sekarang di bawah Akta Strata ataupun Akta Hakmilik Strata yang baharu.

Dan saya difahamkan kalau kita boleh capai buat dapat VP dan *strata itu by the end of this year we will be one of first states in Malaysia to achieve this under the new Act. So hopefully we can again lead* Penang *will again lead* kalau ini boleh berlaku. Selain daripada Bandar Cassia Fasa I kita ada satu projek lagi di Teluk Kumbar yang dikenali sebagai Duo Residensi dan Teluk Kumbar sekarang berada saya gembira untuk nyatakan di peringkat 62% pemajuan. Di Kampung Jawa kita ada lagi satu projek iaitu di bahagian Seberang, Jiran Residensi itu lagi *progressive* iaitu 83% pemajuan dan kita ada *of course* The Rise SP Chelliah Patani Road di bahagian Pulau kita ada 45% pemajuan dan yang kelima baru-baru ini kerja-kerja tanah telah dimulakan di *Sandiland Foreshore* di mana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah baru-baru ini merasmikan pecah tanahnya iaitu pada 23 September yang lalu. Semua projek senarai ini adalah yang telah siap dan dibina seperti di lampiran dan akan diletakkan ke atas di atas meja kesemua Ahli-ahli Dewan.

YB. Dato' Speaker, sektor pembinaan sememangnya merupakan pemangkin kepesatan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan statistik data asas sosio ekonomik Negeri Pulau Pinang 2015 dan 2016, sektor pembinaan menyumbang kepada sebanyak RM2.06 bilion ataupun 2.9% daripada RM69.8 bilion Keluaran Dalam Negeri Kasar Pulau Pinang iaitu satu pertumbuhan 5.5% dari tahun 2014 sebelumnya. Pencapaian yang memberangsangkan ini semestinya antara lain YB. Dato' Speaker, terhasil daripada langkah-langkah Kerajaan Negeri di dalam menggalakkan pemajuan pelbagai Rumah Mampu Milik di Pulau Pinang di mana saya telah pun senaraikan dengan terperinci tadi semua statistik-statistik pelbagai jenis Rumah Mampu Milik yang telah pun dibina dan sedang akan dibina. Dalam pada itu YB. Dato' Speaker, sasaran satu keluarga satu rumah Kerajaan Negeri pada dasarnya adalah untuk membantu rakyat dari kalangan berpendapatan rendah dan sederhana.

Strategi produktif yang dirangka Kerajaan Negeri dalam menjayakan hasrat ini adalah seperti berikut. Iaitu sepertimana saya nyatakan tadi perancangan untuk membina di pihak Kerajaan sendiri Projek Perumahan Mampu Milik sepertimana saya nyatakan tadi 17 projek 27,230 unit yang akan dibekalkan sehingga tempoh 2023 yang mana lima (5) telah pun bermula dan akan ada satu (1) atau dua (2) yang tidak lama lagi akan selesai. Nombor dua (2), garis panduan Rumah Mampu Milik 100% sepertimana saya nyatakan tadi *very, very important guideline* untuk menarik minat pemaju swasta membekalkan Rumah Mampu Milik pelbagai jenis sehingga maksimum RM300,000 di bahagian Pulau dan di Seberang *in fact is* maksimum RM250,000.00.

Juga baru-baru ini YB. Dato' Speaker, satu produk baru Rumah Mampu Milik C yang ataupun kita kenali dia sebagai RMMC1 produk baharu iaitu RM150,000.00 telah pun diperkenalkan dan beberapa produk ini telah pun mula Kebenaran Merancang telah pun mula diberi. Dan ia memberi alternatif YB. Dato' Speaker, kepada mereka yang tidak layak untuk memohon Rumah Mampu Milik B *there is* RM72,500 *the problem is* ada jurang. Dahulu kita ada Rumah Mampu Milik A iaitu kos rendah RM42,000.00, *and then* kita ada Rumah Mampu Milik B Rumah Kos Sederhana Rendah RM72,500. *The next product* Dato' Speaker *was* Rumah Mampu Milik C *cheapest of which was* RM200,000.00. Jadi kita lihat ada satu jurang yang besar iaitu daripada RM72,500 tiba-tiba kita pergi ke RM200,000.00, kalau RM72,500 Dato' Speaker, had pendapatan untuk layak ialah RM3,500 dan ke bawah.

Kalau kita pergi kepada RM200,000.00 had pendapatan yang layak asal ialah RM8,000 walaupun ia telah dikurangkan kepada RM6,000.00 sekarang. *So*, kita ada satu jurang di mana kalau saya pendapatan saya RM3,000.00 saya pendapatan saya lebih daripada RM3,500, tetapi dia tak sampai RM6,000.00 saya dalam satu keadaan di mana saya tidak ada produk untuk *access* jadi kita kenali satu produk baru iaitu Rumah Mampu Milik C1 iaitu yang berharga RM150,000.00. Dan sebagai contoh pemajuan ada beberapa projek yang telah pun kita luluskan salah satu dia ialah di Changkat Sungai Ara di Daerah Barat Daya *which will be the first project* perintis pertama untuk produk RM150,000.00 ini bakal menawarkan 117 unit Rumah Mampu Milik C1.

Selain daripada perkara yang saya nyatakan kita juga ada dasar *compliance quota* saya tidak akan ulangi di mana sepertimana saya nyatakan 100 dan lebih di bandar dan di luar bandar 150 dan lebih perlu 30% akan disyaratkan kos rendah, kos sederhana rendah untuk dibina oleh pemaju swasta. *And of course* yang terakhir untuk kita memberangsangkan dan membantu rakyat yang terutamanya berpendapatan rendah sepertimana saya nyatakan tempoh hari atau semalam apabila ada satu soalan berkenaan dengan PPR yang dinyatakan kita negeri yang mempunyai PPR ataupun Program Perumahan Rakyat yang adalah satu skim penyewaan yang adalah di bawah tanggungjawab Persekutuan tapi penyelenggaraan di Negara Malaysia adalah negeri ke negerilah.

Tapi malangnya kita adalah negeri yang mempunyai PPR yang terendah dan sepertimana YB. Penanti ada tanya juga ada apa cara lain kita boleh cuba tingkatkan stok unit-unit yang dapat disewakan pada mereka tak mampu pun beli rumah kos rendah RM42,000.00 saya telah nyatakan dan saya ulangi. *The other aspect* yang kita lihat kepada ialah pengenalan semula sepertimana saya nyatakan semalam skim sewa beli dan skim sewa beli ini kita ada dua (2) projek iaitu 51 unit di Taman Seruling Emas di Kawasan Jawi dan 104 unit *townhouse* di Taman Sungai Duri juga di Jawi di Daerah Seberang Perai Selatan. Sekian, YB. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan Tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Tanjong Bunga.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih kepada huraian oleh YB. Dato' Keramat. Saya kalau boleh selain daripada kawalan harga dan juga *high control* adakah dikawal juga. Dan saya juga harap kalau RMM B itu kalau sudah tetap KM dan saya harap tidak adalah pindaan kepada RMM C oleh pemaju kerana B itu memang ada *demand* dan saya juga harap kerajaan boleh juga pertimbangkan satu polisi minimum gaji supaya RM1,000 itu dinaikkan RM1,500 supaya selaras dengan mampu dalam syarat A,B,C, C1 dan selain daripada itu saya harap juga bolehkah YB. Datok Keramat huraikan dan juga bandingkan polisi RMM Pusat di bawah PRIMA atau dan juga *maintenance* di bawah TPI dengan yang dilaksanakan Kerajaan Negeri?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Tanjong Bunga lebih dari tiga (3). Tak apa, sila YB. Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Dato' Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Okey. Cukup baik soalan-soalan ditujukan oleh pihak YB. Tanjong Bunga *thank you very much*. Okey berkenaan dengan soalan pertama dengan soalan keperluan kita ada *high control*. Untuk makluman Dato' Speaker dan semua Dewan Undangan Negeri memang ada *high control* di beberapa kawasan kita tak benarkan melebihi sesuatu ketinggian seperti saya beri satu contoh di Balik Pulau. Di kawasan Balik Pulau kita tak benarkan lebih daripada 16 tingkat. Okey. Dan kita begitu ketat, tegas dengan polisi tersebut.

Saya begitu terperanjat *because coming to your third question just now on PRIMA which I will come too later but talking about high control* saya begitu terperanjat YB. Dato' Speaker, walaupun kita ada garis panduan ini kita ada Projek JV swasta dengan PRIMA iaitu Projek Program Perumahan Mampu Milik Pusat yang mohon di kawasan Balik Pulau iaitu di kawasan Sungai Pinang *I think* Datuk ialah.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Itu cerita lama YB.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Never mind* tetapi relevan kerana dia tanya tentang *height control*. *Sorry your area I think but anyway thank you* mungkin di kawasan Balik Pulau yang mana YB. Pulau Betong pun setuju dengan saya *I am very happy* kita *we are consistent where this concerned*. *Height control for sure but, let me remind the Dewan you know what they did 16 storeys height control in Balik Pulau Dato' Speaker? 16 storeys*, semua orang tahu dia orang masuk satu projek berapa tingkat? Ada ingat?. Tak ingatkah tak pa saya *remind...* (gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*It's okay*, YB. Pulau Betong sudah dengan berapa kali.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dia buat permohonan 27 tingkat di Balik Pulau. Takkan dia punya arkitek, dia punya *consultant* tak tau kita punya garis panduan? *That is why I say, we have height control and we will ensure that this is followed*. *In fact* saya tak tolak dia punya permohonan, saya tangguh saya minta JPBD maklum kepada mereka *go and* semak *because* kita alu-alukan mana-mana RMM kita alu-alukan terutamanya dari Pusat kerana sudah lama kita diabaikan saya kata tadi. Tapi sehingga hari walaupun tadi YB. Pulau Betong kata cerita lama dan mereka tak balik dengan *plan* baru. Okey *good*. *Now we are talking about the high control* Balik Pulau.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*Finish what are you going to say. You are too long*.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I got two (2) others coming. High control is one I given example* Balik Pulau *coming back to* kawasan luar dari Balik Pulau *I think* itu pun adalah YB. Tanjong Bunga tanya kerana, *I know you are concerned there are buildings that are quite tall, high rises that have been approved to be built*. Tapi ia semua mengikut semua garis panduan yang kita ada di walhal di JPBD ataupun di Majlis Bandaran Pulau

Pinang mereka perlu mematuhi semua garis panduan yang disyaratkan. Itu memang kita akan teruskan di dalam segi dari segi pematuhan. Nombor soalan satu (1) itu soalan satu (1) berkenaan *high control*. *The second question* tadi ada berkenaan gaji *which I was not too clear on the question may be* YB. Tanjong Bunga *just want to clarify a bit*. RM1,000 to RM1,500.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Minimum gaji kalau Kerajaan Negeri boleh naik polisi kita naikkan polisi kita naikkan minimum gaji RM1,000 – RM1,500 ini pun juga apa itu *pledge* oleh Pakatan Harapan untuk GE14. Minimum gaji kalau kita boleh ada satu polisi barulah kita minimumkan RM1,500 kerana dengan adanya RMM CA one atau RMM B ada yang juga tak mampu membeli.

**Ahli Kawasan Dato' Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Okey, okey. Ini bukan had kelayakkan lah, *is in relation to general* gaji, okey, okey *Understand*. *Of course* Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menjadi keluar daripada belunggu kita *middle income earnest* iaitu Y.A.B. Ketua Menteri telah pun ulangi itu adalah hasrat kita, memang saya setuju dengan itu. Tapi sepertimana saya nyatakan tadi sehingga kita boleh capai itu kita ada pelbagai skim balik kepada perumahan untuk menjaga dan membantu golongan yang berpendapatan rendah yang tak boleh sampai pun RM1,500 iaitu *very good question I was just point out one fact here*. *For your information* tadi saya ada sebut PPR. PPR adalah projek pusat iaitu skim penyewaan selain daripada PPR kita juga ada beberapa skim Kerajaan Negeri umpamanya di bawah perumahan seperti di Padang Tembak, walau ada Kebun Bunga ada di mana daripada 9 Blok ada dua blok adalah untuk sewa. *This is State Government*, dan kita juga ada beberapa projek di bawah MBPP yang juga adalah untuk sewa seperti di Taman Free School. *Now for your information* YB. Dato' Speaker, selama ini kita lihat kepada pemohon yang dapat dipertimbangkan untuk skim-skim sewa ini had pendapatan mereka perlu RM1,500 dan ke bawah. *That means we are only catering for the hard core for the extreme poor category*. *Do you know* YB. Dato' Speaker dan rakan-rakan saya di Dewan ini, pertengahan tahun ini Kerajaan Pusat ataupun awal tahun ini Kerajaan Pusat telah membuat satu keputusan untuk PPR had kelayakan gaji pendapatan boleh dipertimbangkan sehingga sekiranya berapa? RM3,000. Tau atau tidak, *just for your information* tapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kata tidak. Kita tidak akan setuju dengan apa yang mereka putus itu. Kita akan kekalkan PPR yang sewa ini kepada mereka yang betul-betul golongan berpendapatan rendah iaitu RM1,500 dan ke bawah. Kita tidak akan naikkan kepada RM3,000. *That not make senses* kalau kita boleh sewa beri *quite it this, just short....*(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Atau nanti bila gulung.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I gulung short* lah. Kalau kita nak sewa *at up to three thousand, does not make sense you know why* YB. Dato' Speaker, *because for* RMM A or kos rendah, *your had* pendapatan *is* RM2,500 and below *that means, if I earn* RM2,500 and below *I layak to buy unit but the person who actually earns* RM2,700 or RM2,900 *who actually layak to buy I can give him a rental*. *This is at the disadvantage of the person who is earning one thousand five and below*. *This is the reason the rational* mengapa kita tidak akan setuju dengan keputusan tersebut. Itu soalan ketiga, *you very very good question, this one my take time I might as well talk about it now*. Iaitu PR1MA dan TP1Malaysia. *I have to answer because they did ask the question*.

Untuk makluman YB. Dato' Speaker, PR1MA kita ada banyak pengumuman-pengumuman daripada pihak Kerajaan Pusat mahupun daripada Putrajaya ataupun Kerajaan Pusat di Pulau Pinang wakil-wakil mereka. Banyak pengumuman yang mengelirukan berkenaan berapa projek di bawah PR1MA yang mereka telah masuk di Negeri Pulau Pinang kepada kita YB. Dato' Speaker semakan saya di peringkat PBT kedua-dua PBT yang meluluskan KM untuk projek-projek semua projek termasuk projek PR1MA, kita cuma dapat *identify* dua (2) saja projek PR1MA di dua tapak. Satu di Bukit Gelugor dan satu di Batu Feringghi di mana di dalam KM pelan yang dimasukkan PR1MA disebut. Walhal saya nampak banyak *statement* daripada Dato' Zainal Abidin dan juga baru-baru ini Menteri Perumahan sendiri, telah menyatakan ada banyak projek sampai lebih daripada dua (2) yang telah pun dimasukkan dan disebut angka yang ataupun bilangan unit yang bakal dibina di bawah PR1MA dalam lingkungan 16,000 yang mana kita tak ada rekod langsung kerana daripada dua projek di Batu Feringghi dan Bukit Gelugor itu dalam lingkungan 3,000 lebih saja. So kita tak tau dari mana mereka dapat statistik ini tapi saya minta YB. Pulau Betong dan semua ahli rakan saya daripada pihak sebelah kalau boleh dapat maklumat tersebut. *Why*, kerana ia penting saya kata kita alu-alukan projek Pusat. Bukan kita tak nak tapi yang perlu patuhi

garis panduan nombor satu dan kalau saya tahu *then* saya boleh bantu untuk *fast track*. *So let me know because as far I am concerned, saya ada black and white* YB. Dato' Speaker, daripada kedua-dua PBT, MPSP satu pun projek tak ada tapi kalau saya lihat pada *statement – statement* yang dibuat daripada Dato' Seri Zainal dia kata di Seberang ada projek. Walhal saya ada *black and white* daripada MPSP kata tak ada dia punya semakan tak ada apa-apa PR1MA projek di Seberang. Kita nak tau kalau mereka hendak JV ataupun apa pun kaedah yang mereka hendak guna maklum pada kita supaya kita tau itu adalah satu projek di bawah PR1MA.

Tapi yang penting sekali sepertimana saya nyatakan tadi sudah bina, sedang bina, akan bina, di Negeri Pulau Pinang lebih daripada 70,000 unit. *In fact* sudah bina sudah 25,000, yang sedang 16,000 saya nyatakan tadi untuk makluman YB. Dato' Speaker, walaupun rekod kita tunjukkan ada dua (2) projek PR1MA yang kita tau iaitu Batu Feringghi, Bukit Gelugor itu satu pun belum mula dibina itu perbezaan dia. Kita sedang *walk the talk, we are delivering while they are announcing and I think it is too little too late if I may say*. Malangnya tetapi *let it be said*, kita masih alu-alukan kalau ada *then please let me know*. *The last question of course is related to perumahan very important* TP1Malaysia, TP1Malaysia adalah satu projek penyelenggaraan YB. Dato' Speaker dan ingin saya nyatakan untuk rekod Dewan ini ia adalah penting kerana kita di Negeri Pulau Pinang pun juga ada program projek penyelenggaraan itu program 80/20 di mana Kerajaan Negeri akan beri 80%, 20% akan diberi oleh pihak penduduk, untuk rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dan baru-baru ini perluaskan kepada rumah yang tidak bernilai RM150,000 dan lebih pada tarikh pembelian *principal*. *Give more opportunity although the more expensive unit may not necessarily get 20% they will get lesser as compared to the expensive units because we need to help the lower income group more*.

TP1Malaysia, Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia *is a* pusat tabung. *I just want to express my disappointment here unfortunately*. Untuk makluman YB. Dato' Speaker, 2014 TP1Malaysia seluruh Malaysia RM32 juta dibelanja. *For all Malaysia not just Penang*. 2014, 2015 RM41 juta, saya ada angka-angka ini minda saya *cause we know it is in fact*. *Good it increased for the whole Malaysia*. 2015, 2013, 2014, *sorry* 2015, 2015 RM52 million *good*. *Basing an increase thirty two, forty one to fifty million an increase that's what it should be* tapi daripada tahun ke tahun 2015 *year on year* 2015, 2016 saya nak maklum pada YB. Dato' Speaker, terkejut apabila kita dapati bahawa TP1Malaysia ini 4 juta sahaja. Di keseluruhan Malaysia iaitu satu penjunaman kepada 2015 kepada 2016 92%, *ninety two percent so what happened to the money?* Saya begitu kuatir sama ada TP1Malaysia masih berfungsi atau tidak? Dan saya menulis beberapa surat kepada pusat nak dapat tahu sama ada ia berfungsi atau tidak kerana penting. Kalau dalam TP1Malaysia mereka luluskan iaitu di bawah TP1Malaysia kos rendah kalau ada projek 90% akan diluluskan, untuk kos sederhana rendah 70% akan diluluskan. Baki untuk seluruh Malaysia baki akan dibiayai oleh penduduk tapi baki untuk Negeri Pulau Pinang kita ada satu tabung yang dikenali sebagai HAPPY di mana kita akan tampung baki 10% dan 30% itu yang menyebabkan penduduk satu sen pun tak perlu keluar. *So* kita perlu tahu sama ada projek ini masih berjalan atau tidak, *why?* Kerana di Negeri Pulau Pinang daripada 144 *application* sekarang melalui dua-dua PTB, MBPP dan MPSP ada dalam 110 yang masih belum diluluskan. *This a critical project and I just want to end by saying this*, dalam bajet yang diumumkan Perdana Menteri 2018 Bajet Negara, Belanjawan Negara, banyak perkara berkenaan perumahan tapi saya sentuh berkenaan TP1Malaysia, PR1MA pun ada, dia kata 80,000 untuk tahun ini dan untuk makluman saya ada rekod *coming back to PR1MA before I end TP1M because now we want budget, budget 80,000 2018 there is all these numbers in my head very difficult to clear it out in my head and I need to clear it now*. *And in fact before 2012 now we have been following PR1MA started in 2012, 2013 is a first announcement* sehingga hari ini dia buat pengumuman demi pengumuman demi pengumuman *as of 2018* kalau saya campur dari 2013 sampai sekarang 625,000 unit PR1MA dia umum akan dibina tapi saya ada satu soalan satu jawapan Parlimen daripada Menteri Dalam Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahidan. Dia kata YB. Steven Sim, *no not*, Sim Tze Tzin baiklah dia kata *written answer* cuma 1,300 telah dibina dan 800 kunci diserahkan tapi umum cukup baik saya kira satu tahun, satu tahun, satu tahun *up to now 2018, 625,000 and that written answer but then Shahidan then when I make a statement he denied*.

*That is why I said very confusing I don't know where you are keeping all the secret PR1MA houses I don't know where they are. The answer is there 1,300 in writing, now where is the balance few hundred thousand* tak tau *coming back to TP1M last one, last one*. Belanjawan, *again* saya tadi nyatakan RM30 juta baik naik RM40 juta baik naik RM50 juta baik tapi junam 2016 pada RM4 juta dan bukan sahaja Negeri Pulau Pinang tapi sembilan negeri termasuk lapan negeri lain termasuk yang di bawah pimpinan Barisan Nasional. Kosong projek diluluskan pada tahun 2016 itu adalah begitu mengkhawatirkan membimbangkan kita nak tau dan saya tadi tanya sama ada TP1Malaysia masih berfungsi atau tidak? Dan saya ada jawapan TP1Malaysia masih berfungsi kerana di dalam Bajet Belanjawan 2018 diumumkan

sebanyak RM200 juta akan disalurkan kepada TP1Malaysia saya kata kalau itu betul saya minta pusat sekarang juga luluskan 110 lot projek di Negeri Pulau Pinang yang belum diluluskan, sekian terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. YB. Pulau Betong sila.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' Speaker, soalan saya nombor 35.

No. 35. Adakah Kerajaan Negeri mungkir janji di dalam isu pemulangan hartanah 50 Lebu Love, George Town kepada Majlis Klan Cina Pulau Pinang setelah Majlis Klan diberi jaminan oleh Kerajaan Negeri agar memberi laluan kepada Pejabat Tanah untuk merampas hartanah tersebut di bawah Kanun Tanah Negara dan kemudiannya akan dipulangkan melalui permohonan pemberian milik. Jelaskan yang sebenarnya.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih kepada YB. Pulau Betong bertanya mengenai dengan hal tanah. Kerajaan Negeri bersedia memindahkan milik hartanah tersebut dengan premium nominal RM1 kepada Majlis Klan Cina Pulau Pinang mengikut lunas perundangan. Kerajaan Negeri sedang menunggu peguam Majlis Klan Cina Pulau Pinang berjumpa dengan Pejabat Tanah Daerah Timur Laut. Dalam hal ini Pihak Berkuasa Negeri berhak untuk memberi milik tanah Kerajaan Negeri kepada mana-mana pihak selagi mana ianya mematuhi perundangan dan tidak bercanggah dengan peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965. Sekian terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat, saya nak apa yang menghalang sebenarnya, apa syarat-syarat yang dikenakan kepada Klan Cina ini sehingga masih hari ini tidak dapat diluluskan. Apa yang menghalang sebenarnya?

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Dalam jawapan yang saya sebut tadi diselesaikan melalui perundangan bukan melalui pentadbiran. Jadi sebab itu pembuktian kepada mereka yang berada di atas tanah tersebut perlu mematuhi apa yang perlu apa yang dipohon diminta oleh Pejabat Daerah dan Tanah kerana disebut tadi mengikut lunas perundangan kalau secara pentadbiran sedikit berbeza. kerana perundangan perlu kepada pembuktian bahawa *their actually...*(dengan izin) *actually standing there* dan benda ini memang kita bersetuju untuk memindahkan milik hartanah tersebut dengan *premium nominal* RM1.00. Jadi proses ini perlu pembuktian daripada penduduk tersebut.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Pantai Jerejak, saya nak tahu pembuktian yang macam mana itu. Mereka telah berada di sana sekian lama, boleh senaraikan apa dia perkara-perkara yang dikehendaki itu untuk membuktikan.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi *they have to go...*(dengan izin) kena berurusan dengan Pejabat Tanah pembuktian bahawa secara dokumen mereka telah tinggal di sana dan perlu diselesaikan mengikut cara perundangan. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, terima kasih YB. Pantai Jerejak. Sila YB. Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya soalan 36.

No. 36. Terdapat berapa kilang tanpa lesen dan berlesen yang sedang menajalnkkan aktiviti yang mencemarkan udara dan air di sekeliling kawasan perumahan disetiap daerah? Sila nyatakan.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Ini soalan ini kepada Yang Berhormat...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Jawi.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

YB. Jawi. Soalan YB. Jawi. Ini saya jawab bagi pihak. Jumlah keseluruhan kilang tanpa lesen dan berlesen yang menjalankan aktiviti yang mencemarkan udara dan air di sekeliling kawasan perumahan di Negeri Pulau Pinang, adalah sebanyak 16 buah iaitu sebuah di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan 15 buah lagi di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Maklumat terperinci kilang-kilang tersebut mengikut daerah adalah seperti berikut.

Barat Daya kilang tidak berlesen 1, Timur Laut tiada apa-apa, Seberang Perai Utara, kilang berlesen tiga (3), kilang tidak berlesen dua (2), jumlah lima (5). Seberang Perai Tengah, kilang berlesen tiga (3), kilang tidak berlesen satu (1), jumlah empat (4). Seberang Perai Selatan, kilang berlesen enam (6), jumlah enam (6) dan kilang berlesen jumlah ada 12, kilang tidak berlesen empat (4), jumlah ada 16.

Untuk makluman, pihak MBPP dan MPSP telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun dan notis perubahan atas kilang-kilang tersebut atas kesalahan menjalankan aktiviti tanpa mendapatkan kelulusan pihak berkuasa PBT. Walau bagaimanapun aktiviti-aktiviti pencemaran, kilang-kilang tersebut telah dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan lanjut di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Soalan tambahan saya, di kawasan Seberang Perai *area* terutama sekali di Seberang Perai Selatan terdapat banyak kilang-kilang tanpa lesen dan kilang-kilang tersebut akan mencemarkan udara dan air dan lokasi kilang-kilang tersebut terletak di kawasan pertanian dan bukan di zon perindustrian dan sudah lama mereka berniaga dan juga buat *bisness*....(dengan izin) YB. Dato' Speaker.

Maka apakah tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar dan juga PBT kerana sudah lama mereka beroperasi tanpa lesen dan mencemarkan kepada kesihatan penduduk-penduduk kawasan perumahan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Dari jawapan tadi kita tahu bahawa sama ada kilang berlesen atau sebaliknya, kemungkinan menyebabkan pencemaran berlaku. Sedangkan dia berlesen, dia mungkin melepaskan sisa-sisa pencemaran. Jadi kita berharap sementara MPSP menjalankan pemutihan, iaitu baru-baru ini telah pun kemukakan satu garis panduan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri bagi tujuan pemutihan khususnya kilang-kilang yang masih tidak berlesen, maka dari segi pencemaran kepada alam sekitar ianya akan diberi perhatian supaya dalam proses pemutihan ini bahagian pencemaran itupun perlu dipatuhi.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Padang Kota dan ingin saya persilakan soalan seterusnya dari YB. Permatang Berangan, memandangkan tidak sempat masuk ke Dewan, soalan 37 akan dilangkau. Dan seterusnya, silakan soalan 38.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan 38.

No. 38. Senaraikan syarikat start-up yang dibangunkan di Pulau Pinang mengikut jenis perniagaan dan modal pelaburan syarikat tersebut. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyiapkan syarikat start-up serta menyediakan satu persekitaran yang mesra start-up? Nyatakan co-working space yang ada di Pulau Pinang mengikut luas permukaan, occupancy rate dan lokasi ruang-ruang tersebut.



## **YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih YB. Machang Bubuk di atas soalan yang ditanyai. Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan syarikat *start-up* yang dibangunkan di Pulau Pinang mengikut jenis perniagaan dan juga modal pelaburan syarikat-syarikat tersebut. Sebaliknya Kerajaan Negeri mempunyai maklumat berkaitan *start-up* tempatan yang kini beroperasi di *SME Centre* di Pulau Pinang seperti jadual berikut, saya akan bacakan.

Senarai ini adalah sama dengan senarai yang lapan (8) syarikat yang berada di *SME Centre*, kecuali dua (2) yang *start-up* kerana yang dua (2) lain bukan merupakan *start-up*. Yang pertama adalah Syarikat Innogrity, Pembuatan *Test Handler* Semikonduktor, modal berbayar RM50,000.00 *this is a start-up*. Yang kedua, LSP Advance Sdn. Bhd. modal berbayar RM10,000.00, pembuatan *Test Equipment*. Yang ketiga Fabtronic yang semalam di sebut kata flatronic sebenarnya ia Fabtronic, modal berbayar adalah RM1 juta, semikonduktor. Yang keempat syarikat *start-up* Macrogine Sdn. Bhd. RM2,000.00 *start-up* sokongan kepada industri semikonduktor. Yang keempat, NLY Tech Solution dengan modal berbayar *start-up* RM150,000.00, sokongan kepada industri semikonduktor. Yang keenam, Yusoff Engineering Sdn. Bhd. RM200,000.00 Peranti Perubahan, maaf Peranti Perubatan. Jadi, antara usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan persekitaran yang mesra *start-up* adalah seperti berikut :

Membantu pembangunan perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan dalam sektor-sektor yang strategik terutamanya dari segi pengurangan kos operasi dengan menyediakan kawasan kondusif dan juga ruang operasi pada kadar sewa yang bersubsidi. Sebenarnya mereka juga boleh pergi ke bangunan-bangunan lain seperti di *PDC Techno Center, One Presint, The One, Sun Tech, GDS Mayang* yang sedang dalam pembinaan tetapi oleh kerana kita membantu mereka, *they would prefer start-up* ini di *SME Centre*. *SME Center* juga membantu syarikat *start-up* tempatan melalui pembinaan satu blok 4 tingkat yang telah saya sebutkan tadi di Taman Perindustrian Bayan Lepas dengan ruang penyewaan 125,843 kaki persegi sebagai satu kemudahan dan juga sokongan khususnya kepada pengusaha IKS *start-up* tempatan ini.

Jadi ruang yang telah diambil adalah 50% di premis ini, dan ada lagi baki 50% lagi yang belum diisi. Juga menyediakan subsidi bagi penyewaan premis ini dalam bentuk Bayaran Perkhidmatan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan juga PDC, iaitu kadar sewa yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding dengan kadar pasaran semasa sekitar RM1.80 sehingga RM2.00 sekaki persegi, *subsidized by PDC* dan juga Kerajaan Negeri.

Membantu dan merancang kemudahan dan khidmat sokongan berterusan kepada IKS sebagai sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan penjana pendapatan kepada para pengusaha tempatan. Kerajaan Negeri melalui pembangunan PDC dan *Invest Penang* telah melancarkan program *@CAT Penang* di Aras 3, Wisma Yeap Chor Ee yang menyediakan *co-working space* kerana soalan yang ditanya adalah berkenaan *co-working space* yang menyediakan program, aktiviti dan juga bengkel untuk membantu usahawan kecil yang setaraf, yang terlibat terutamanya dalam bidang teknologi, e-dagang, pengekodan, animasi, kandungan/aplikasi mudah alih, *internet of things* serta perisian perkakasan.

Ruang *co-working space* ini seluas 7,000 kaki persegi daripada jumlah keseluruhan lantai 12,120 kaki persegi. Bagi bulan September 2017, kadar purata penggunaan harian yang dicatatkan di ruang *co-working space* tersebut adalah 94%. Terima kasih.

## **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Pantai Jerejak.

## **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T Jayabalan A/L A Thambyappa):**

Soalan tambahan. Kenapakah syarikat-syarikat ini perlu subsidi macam semalam YB sebut, dia *out sourcing company so it's out sourcing to multinational*.

## **YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Menjawab soalan yang ditanya oleh YB. Batu Uban, dalam lapan (8) syarikat yang saya sebut kelmarin, dua (2) daripadanya tidak disenarai kerana kita mengambil kira satu syarikat disebut *Boston Scientific*. *Boston Scientific* ialah kita menggunakan *SME space* ini untuk secara sementara berada di situ, mereka akan memasuki semula kawasan kilang yang telah mereka berada di kawasan Batu Kawan. Dan bila sebut subsidi itu tadi ialah memang untuk *start-up* kepada enam (6) buah syarikat yang telah saya sebutkan tadi untuk membantu mereka dalam *mode* yang dalam permulaan untuk membina

perniagaan mereka sebab itu kita membantu mereka untuk memulakan pembikinan ataupun pembuatan syarikat mereka sendiri. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Dalam enam (6) *company*, bukan berapa yang *outsourcing*.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Dalam enam (6) *company*, saya lihat kebanyakan mereka adalah *start-up*. So, *outsourcing* yang saya sebut tadi adalah satu (1) yang kelmarin saya sebutkan iaitu mereka *supply* balik kepada *multinational*. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Pantai Jerejak. Sila.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau soalan pokok dari YB. Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) :**

Okey, terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Saya cuma nak tanya kepada YB. Pantai Jerejak bahawa kita memang tahu tentang *start-up* ini juga merupakan *company* yang cepatnya akan ditutup walaupun dia boleh ditubuhkan dengan cepat, dia pun boleh ditutup dengan cepat. Macam gulung tikar la. So, apakah salah satu faktor daripada *start-up* ini adalah kelajuan internet yang juga perlu dinaiktarafkan. So, apakah pandangan daripada YB. Pantai Jerejak tentang kelajuan internet yang ada di Pulau Pinang ini adakah ia cukup memadai permintaan syarikat-syarikat *start-up* ini.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas soalan tambahan tersebut. Memang salah satu daripada keperluan dalam industri adalah *the capability of the broadband* iaitu membantu mereka untuk menggunakan prasarana ini. Sememangnya broadband tidak dalam tahap yang sangat baik pada masa kini dalam perancangan ini sebagaimana yang Kerajaan Negeri juga sedang mengenalpasti untuk membangunkan, untuk meningkatkan prasarana ini termasuk dalam konsep *smart cities*.

Jadi untuk Bahagian Kerajaan Tempatan juga kita sedang dalam merancang untuk mengadakan menambahbaikkan sistem kelajuan internet dan secara langsung dapat membantu mereka memajukan perniagaan mereka.

So, *it's should be in the plan* kerana seperti penambahan data *center* dan sebagainya terutamanya bila menggunakan prasarana *this a fiber optic* ataupun *fiberation of the whole industry* dalam Negeri Pulau Pinang. Jadi itu juga sepatutnya akan dikenal pasti untuk memajukan lagi industri ini. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Sudah. Seterusnya saya ingin persilakan soalan 39 daripada YB. Paya Terubong, YB. Paya Terubong tiada dalam Dewan. Soalan dilangkau, soalan 40 soalan daripada YB. Berapit juga tidak ada akan dilangkau soalan 41 soalan YB. Penaga tidak ada, dilangkau soalan seterusnya 42. Soalan YB. Permatang Pasir, tidak ada. Soalan dilangkau, seterusnya soalan 43 soalan daripada YB. Telok Bahang. YB. Telok Bahang juga tidak ada, soalan akan dilangkau seterusnya persilakan Pinang Tunggal.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Satu tepukan. Saya hadir ye, YB. Dato' Speaker. Terima kasih banyak. Soalan saya nombor 44, terima kasih.

No. 44. Nyatakan jumlah keluasan tanah sawah sehingga kini yang masih mengusahakan dengan tanaman padi di kawasan DUN Pinang Tunggal. Jumlah keluasan tanah sawah yang telah ditambun. Apakah usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih YB. Pinang Tunggal di atas soalan yang ditanya ini. Semakan pada tahun 2016, di DUN Pinang Tunggal mendapati keluasan tanah sawah adalah 3,154 ekar, manakala jumlah keluasan tanah sawah yang telah ditambun di kawasan DUN Pinang Tunggal adalah 9.0 ekar. Terima kasih YB. Pinang Tunggal di atas soalan yang ditanya ini. Semakan pada tahun 2016 di DUN Pinang Tunggal mendapati keluasan tanah sawah adalah 3,154 ekar manakala jumlah terusan tanah sawah yang telah ditambun di kawasan DUN Pinang Tunggal adalah 9.9 ekar dan tidak mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi antara tindakan yang diambil ialah melaksanakan Program Pembangunan Industri Tanaman Padi bagi mengatasi masalah tanah jerlus dan serangan penyakit perosak dengan menambahbaik infrastruktur saluran dalam petak sawah, menyediakan input pertanian seperti baja dan racun serta khidmat nasihat dan bimbingan kepada petani untuk mengamalkan amalan pertanian yang baik.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Soalan tambahan. Kita sedia maklum bahawasanya tanaman padi menghasilkan beras dan merupakan makanan harian kita, makanan utama kita. Jadi saya dapati di kawasan saya terlalu bebas kawasan-kawasan tanaman padi ini ditambak dengan sesuka hati. Jadi kita biasa buat pertemuan dengan MPSP dengan Pejabat Tanah dan sebagainya tetapi kerja-kerja penambakan masih berterusan bukan di kawasan saya saja malah di sekitar kawasan Kepala Batas terutama sekali di Penaga dan sebagainya.

Jadi saya hendak pastikan dengan ada keluasan begitu terhadap tanaman padi di kawasan kita di Pulau Pinang ini kalau dibiarkan terus penambakan dibuat untuk apa-apa pembangunan saya bimbang satu hari nanti kita tidak ada lagi kawasan tanaman padi yang pertama. Kedua, saya juga hendak pastikan bahawasanya tanah-tanah pertanian ini tanah bendang ini dipelihara dengan memberi kemudahan-kemudahan seperti perparitan dan jalan ladang yang sempurna. Jadi soalan saya supaya perkara ini dapat dikawal selia. Terima kasih.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Pinang Tunggal sebagaimana saya beri jawapan tadi sememangnya kita prihatin tentang (dengan izin)...*preservation* tanah-tanah sawah yang masih aktif. Kita tidak sewenang-wenangnya memberikan kelulusan jika padi itu masih aktif dan kita akan luluskan sebab itu kita sebut tadi dengan hanya 9.9 ekar dan tidak mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Saya menyambut baik cadangan itu untuk memastikan bahawa tanah-tanah padi ini dapat dikekalkan sebagai tanah yang aktif di kawasan padi. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Dato' Speaker, hendak dapat penjelasan daripada Pantai Jerejak. Boleh YB. Dato' Speaker, tanah sawah bendang padi ini kita nyatakan dalam geran tanah itu bahawa kawasan ini hanya untuk padi, tidak dibenar dengan sektor pertanian dan pembangunan. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Mengikut dalam geran tanah Yang Berhormat, memang dinyatakan sebagai pertanian. Kalau cadangan hendak dikhas kepada penanam padi itu perlu dibawa kepada cadangan ia perlu mematuhi Akta Kanun Tanah Negara. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Cadangan ini. Sungai Aceh mencadangkan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tidak mengapa.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Minta Pantai Jerejak rujuk kepada LA dan PTG pastikan, ada negeri-negeri lain sebenarnya memang ada dinyatakan dalam geran hanya untuk bendang untuk padi. Dengan cara itu kita dapat menyekat daripada pembangunan. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Sungai Aceh. Sesi soalan YB. Kebun Bunga.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya soalan 45. Terima kasih.

No. 45. Apakah projek penaiktarafan dan / atau rancangan pembangunan / pemajuan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di Ladang Hong Seng selepas berlakunya banyak kes-kes tanah runtuh dan kejadian kes tanah mendapan baru-baru ini yang cukup membebankan Kerajaan Negeri?

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Menjawab soalan YB. Kebun Bunga. Setakat ini tiada permohonan kebenaran merancang dikemukakan oleh mana-mana pihak untuk pembangunan di kawasan Ladang Hong Seng. Berdasarkan semakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), kes mendapan tanah yang berlaku pada 29 September baru-baru ini bukan disebabkan oleh pembangunan baru tetapi berkemungkinan besar berpunca daripada kerosakan paip bawah tanah yang melalui kawasan perumahan sedia ada. Dalam hal ini, kerja-kerja mitigasi dan penambahbaikan saliran akan dijalankan di kawasan Ladang Hong Seng. Sekian.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih YB. Padang Kota. Saya ada satu soalan tambahan iaitu setahu saya, bencana *sinking hole* ini di kawasan ini ia tidak muncul sebelum saya tanya soalan ini, selepas itu kita ada bencana hanya saya kena bertanya di dalam format soalan, bolehkah Kerajaan Negeri dengan secepat mungkin merancang sesuatu untuk memang Kerajaan Negeri sentiasa memantau tapi saya hendak (dengan izin)...*push* sikit bolehkah Kerajaan Negeri mewujudkan satu Pasukan Pemantauan Khas ke atas Ladang Hong Seng kerana nampaknya ada (dengan izin)...*underground water* banyak di kawasan ini. Memang kawasan ini adalah tanah swasta 40, 50 ekar di mana lebih kurang 500 sampai 600 unit rumah dibina atas lereng bukit. Pendek kata, ringkasnya soalan saya adalah bolehkah kerajaan mewujudkan satu *team special* untuk tengok dengan keseluruhannya dan tidak keluar dengan *report* sampai keluar dengan keseluruhannya bagaimana kita hendak menyelamatkan kawasan ini sekira kita dengan *anticipasi* kalau ada apa-apa iklim cuaca yang tidak baik untuk kawasan ini. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila YB. Padang Kota.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada YB. Kebun Bunga atas soalan tambahan. Kita sedia maklum bahawa tapak ini merupakan tanah persendirian dan rumah-rumah yang dibina sebenarnya bukan skim perumahan yang teratur tetapi dibina oleh penyewa-penyewa sejak 40 dan 50 tahun dahulu yang tidak merupakan satu pembangunan yang dirancang dari segi Akta Perancangan. Namun atas pertimbangan Akta Keselamatan awam kerana kejadian ini mengancam keselamatan penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar insiden di mana *sinking hole* berlaku akibat daripada pecahnya sistem perparitan bawah tanah di kawasan itu dan sejak insiden berlaku MBPP melalui Jabatan Kejuruteraan dengan *consultant* yang dilantik oleh MBPP memang memantau dan sekarang memikirkan satu penyelesaian kejuruteraan yang terbaik bagi menangani isu ini. Kerja-kerja awalan meditasi sudah dijalankan dan kita memang akan meneruskan tanggungjawab ini walaupun ianya berlaku di tanah persendirian tetapi atas pertimbangan keselamatan kita akan memantau sehingga projek indikasi disempurnakan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Padang Kota. Seterusnya YB. Sungai Acheh ada *change*.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Soalan saya soalan 46.

No. 46. Kawasan manakah yang sering berlaku banjir dalam Negeri Pulau Pinang. Sila senaraikan kawasan yang berlaku banjir mengikut Parlimen dan Kawasan DUN.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua, jawapan ini disediakan sebelum banjir besar pada 4, 5 haribulan. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, terdapat 236 kawasan dikenalpasti sering berlaku banjir di Negeri Pulau Pinang iaitu 22 di Parlimen Bayan Baru, 18 kawasan di Parlimen Balik Pulau, 28 kawasan di Parlimen Tanjong, 40 kawasan di Parlimen Jelutong, 10 kawasan di Bukit Gelugor, 31 kawasan di Parlimen Nibong Tebal, 15 kawasan di Parlimen Batu Kawan, 11 kawasan di Parlimen Bukit Mertajam, 18 kawasan di Parlimen Permatang Pauh, 20 kawasan di Parlimen Bagan, 13 kawasan di Parlimen Kepala Batas dan 10 kawasan di Parlimen Tasek Gelugor. Senarai lengkap akan disampaikan kepada Yang Berhormat di mana mengikut KADUN dan juga kawasan-kawasan atau lokasi yang terbabit.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Acheh. Tidak mahu? Soalan tambahan tak nak? YB20. Tanjong Bunga.

**Ahli Kawasan Tanjong Bungah (YB. Teh Yee Cheu):**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya fikir satu kawasan Parlimen telah tercicir. Bukit Bendera.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bukit Bendera. Tercicir.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Urusetia akan semak dan kalau ada di Bukit Bendera akan disampaikan kepada Dewan yang mulia ini.

**Ahli Kawasan Tanjong Bungah (YB. Teh Yee Cheu):**

Memang ada. Ada aduan satu di Taman Seri Setia yang di bawah bukit tidak patutnya banjir kilat, satu di Batu Ferringhi Kampung Kubur.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Nyatakan jawapan. Disediakan sebelum insiden 4 dan 5 haribulan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu jam 30 minit untuk soalan lisan ditamatkan selaras dengan Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Seterusnya saya silakan Yang Berhormat.

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja ahli-ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Pantai Jerejak. Sesi perbahasan akan disambungkan dengan silakan YB. Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* Terima kasih dan salam sejahtera. Terima kasih YB. Dato' Speaker, kerana memberi laluan kepada saya untuk berhujah dan saya akan Insha Allah patuhi siap sebelum 12.15 tengahari.

YB. Dato' Speaker, saya hendak mulakan dengan menyampaikan salam takziah kepada semua mangsa banjir dan saya tahu bahawasanya hari ini masih ramai lagi yang terkandas masih lagi ramai yang sedang mencuci rumah mereka. Kita mengharap mereka bersabar dengan dugaan ini dan kita juga berharap yang keadaan akan pulih seperti sedia kala dalam masa yang terdekat.

YB. Dato' Speaker, izinkan saya bermula perbincangan saya pagi ini dengan merujuk kepada satu *posting* yang dibuat oleh satu orang ataupun pasukan orang-orang yang tidak bertanggungjawab dipos dalam media sosial "UMNO Halang Penang Beri Bonus Kepada Penjawat Awam".

Ini satu tuduhan yang amat-amat tidak patut, amat-amat tidak berhati perut. Bila pula yang kami UMNO menghalang untuk beri bonus kepada penjawat awam? Ini dikeluarkan oleh media sosial penerangan DAP Kerajaan Negeri saya rasa, saya nak minta kalau boleh nak lantik YB. Seri Delima untuk saman siapa yang buat ini, tohmahan ini, tuduhan ini...(gangguan). Kita akan siasat siapa ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan, penjelasan, ada apa-apa. Tetapi Yang Berhormat tidak boleh terus tuduh kata DAP yang buat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kita ambil daripada laman sosial siapa? kalau cerita ni dibuat dan dipaparkan muka Ketua Pembangkang dan muka saya, seolah kami yang menghalang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan saya, adakah apa-apa logo roket atau DAP dalam berita itu Yang Berhormat, kalau tidak tak baik tuduh Yang Berhormat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Siapa yang tak nak BN ini, orang BN akan buat? Ni logo ini?...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Mungkin *cyber trooper* yang menyokong kami la, bukan kami yang buat mungkin *cyber trooper* jadi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penyokong-penyokong or pengacau-pengacau DAP...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, saya rasa ini klasik contoh klasik *false news*, fitnah dan sengaja diputarbelitkan dan untuk diviralkan, diputarbelitkan oleh *cyber trooper* DAP....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ini semua membuatkan mereka marah kepada kami, rakyat pun tak tahu tiba-tiba marah....((gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Berhormat saya juga minta supaya tidak mengulangi tuduhan ke atas DAP.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang ini apa? Saya baca yang ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, soalan saya, adakah apa-apa logo roket pada paparan itu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Baling batu, sembunyi tangan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Pulau Betong ada bukti, jelaskan...(gangguan). Jangan susahkan semua....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kami sama sekali tidak menghalang....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jelas ini di sini, jelas ini di sini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey jangan buat kerja macam ini. Ini satu perangai yang cukup-cukup hodohla, YB. Dato' Speaker...(gangguan). Saya mengucapkan tahniah kepada semua penjawat awam yang menerima bonus...(gangguan). Sama ada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat yang kami pertikaikan adalah cukuplah....(gangguan), yang kami pertikaikan adalah kenapa bajet untuk tahunan, tahun kewangan 2018 tapi nak bayar kepada dalam tahun 2017. Dalam Dewan yang mulia ini kita bincang dan kita akan luluskan untuk kegunaan wang Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama ada untuk pengurusan dan perolehan adalah untuk tahun 2018 yang bermula 1 Januari 2018, kalau nak bayar pada Disember bermakna Kerajaan Negeri akan menggunakan peruntukan semasa iaitu tahun 2017. Mana boleh kita luluskan untuk kegunaan dalam tahun 2018 tetapi digunakan dalam tahun 2017. Itu yang kami pertikaikan, bukan menghalang. Saya serahkan kepada *lawyer* saya untuk bincang.

YB. Dato' Speaker, begitu juga dalam akhbar 3 November 2017, Y.A.B Ketua Menteri membuat kenyataan akhbar bahawa dalam hal yang sama juga, "Saya sudah bentang belanjawan 2017 tahun lepas. Jika benar saya tidak berbuat demikian mesti ditegur dalam Laporan Audit tetapi dibuat". YB. Dato' Speaker, teguran audit dibuat ke atas belanjawan yang telah dibuat dan kalau baru nak buat mana boleh audit nak tegur. Apa yang dibajetkan 2017 hanya akan dikeluarkan laporan audit pada tahun berikutnya, itu pun pihak audit tidak meneliti semua perkara, mereka hanya memilih perkara-perkara atas sabit-sabit tertentu sahaja untuk diaudit. Jadi ini yang sebenarnya berlaku. So saya rasa jangan nak memutarbelitkan kenyataan. Semalam juga Y.A.B Ketua Menteri telah pun membuat kenyataan dalam Dewan bahawasanya dia telah pun bersetuju untuk memberi pemberian sebanyak RM500 kepada semua mangsa banjir. Walaupun saya minta dalam usul saya RM5,000 supaya tapi RM500 walaupun sedikit tetapi dapat membantu dan saya mengucapkan terima kasih dan saya berharap masyarakat Pulau Pinang dapat menerima sumbangan ini dengan hati yang terbuka.

Namun, yang saya hairan adalah dalam ucapan semalam ini adalah sikap suka menuding jari oleh Y.A.B Ketua Menteri. Saya ingat dia dah insaf tapi dia masih lagi mahu mencari lagi salah orang. Baru dua (2) hari saja berlalu dia sudah pun menyalahkan air banjir itu kepada Negeri Kedah. Petikan akhbar, "Selama ini Pulau Pinang perlu bayar untuk bekalan air dibekalkan Kedah". Adakah kerana banjir kita perlu bayar juga. Ini saya tak faham. Sejak bila pula Pulau Pinang membayar air kepada Kedah? Setahu saya air yang mengalir ataupun *natural flow* itu daripada Kedah tidak perlu diberikan apa-apa bayaran. Tidak dikenakan bayaran oleh Kedah. Kalau Pulau Pinang meminta bekalan air kepada Kedah, barulah dicaj. So janganlah cari gaduh dengan negeri lain pula, saya takut nanti Kedah pula marah kita yang bukan-bukan, masalah sendiri dalam negeri sendiri pun tak selesai, kita cari masalah dengan orang Kedah pula. Terimalah bahawasanya hujan yang lebat ini adalah *act of God* yang turun dan menimpa semua orang. Kenapa nak tunding jari salah orang itu, salah orang ini.

YB. Dato' Speaker, saya nak terus kepada jawapan kepada soalan bertulis....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, *that you said act of God just now? I just want ask you*, jadi mengakui bahawa ia adalah *act of God*. Apa yang berlaku ini, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Apa dia? Maksud saya Yang Berhormat ini adalah perkara yang berlaku hujan yang menimpa kita semua. Bukan disebabkan oleh Kedah yang hantar air dekat kita. Banjir bukan disebabkan oleh Kedah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukan juga disebabkan oleh pembangunan saja di Pulau Pinang. Setuju atau tidak Yang Berhormat? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' Speaker, yang ni kalau nak sembang nak berhujah dengan YB. Seri Delima sampai esok pagi pun tak boleh selesai.

YB. Dato' Speaker, saya merujuk kepada jawapan kepada soalan nombor tiga (3) yang dijawab oleh YB. Dr. Afif Bahardin, dia tak ada di sini, saya cuma nak minta penjelasan tentang status penyakit MOKO yang menyerang kawasan sawah, pokok pisang. Sehingga kini, semakan saya terakhir semalam masih tidak ada lagi tanaman pisang yang ditanam di situ. Yang keduanya, ulat MOKO masih lagi tak dihapuskan dan saya tidak nampak inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan ataupun membasmi ulat MOKO ini sehingga ke akar umbi. Dan hari ini petani semua kehilangan pendapatan mereka berterusan sampai dah lepas tiga (3) tahun dah. Sepatutnya kalau dihapuskan tiga (3) tahun dulu kalau ikut kajian, selepas tiga (3) tahun ia mesti dihapuskan tetapi pokok pisang tak dimusnahkan tidak ada usaha pun untuk memulihkan tanah itu. Jadi saya minta penjelasan seterusnya daripada YB. EXCO.

Yang kedua, saya melihat kepada soalan nombor tujuh (7), yang dijawab oleh YB. Chow Kon Yeow bagi pihak Ketua Menteri bagi tentang soalan perancangan oleh Perda dan Perda Ventures sejak tahun 2008. Saya diberikan maklumat-maklumat di sini dan saya rasa YB. EXCO, saya rasa banyak sangat permohonan-permohonan yang dibuat oleh pihak Perda DVI dari tarikh yang saya dapat 2013, 2014 yang masih belum diluluskan. Sebabnya ramai di kalangan masyarakat kita yang bergantung kepada perumahan yang dibuat oleh pihak Perda dan Perda Ventures, saya minta kalau boleh tolonglah sehingga akhir penggal ini diberi kelulusan membolehkan Perda dan Perda Ventures untuk membina rumah-rumah yang diharapkan oleh masyarakat kita....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan, memang semakin diluluskan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Semakin diluluskan dan kalau boleh kesemua permohonan ada senarai di tangan saya ini diluluskan untuk membolehkan kita meneruskan program kita untuk membina lebih banyak rumah bagi mereka-mereka yang memerlukan. Soalan nombor lapan (8), saya bertanya, "Senaraikan projek-projek warisan dan kebudayaan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008. Berikan lokasi, kos dan impak projek". Saya diberi jawapan 2, 4, 6, 8, 10 baris sahaja. Saya rasa saya mintalah saya tak mau minta banyak-banyak lagi, saya minta Y.A.B Ketua Menteri tolong jawab soalan saya, berikan lokasi, kos dan impak projek yang saya harapkan.

Begitu juga soalan nombor 13, usul YB. Pulau Betong ditarik dan digantikan usul kerajaan pada sidang 20 Mei 2016, "Berapa kalikah Majlis Pengangkutan Negeri (PTC) bermesyuarat dan apakah urusan yang telah dibuat?" Pada 2016, 2 kali dan 2017, sekali sahaja. Itu jawapan yang diberikan kepada saya dan saya tak pastilah samaada majlis ini berfungsi ataupun hanya sekadar untuk memenuhi kehendak usul sahaja. Saya rasa kalau betul Majlis Pengangkutan Negeri ini serius untuk bersama melihat perjalanan dan sebagainya mereka akan bermesyuarat banyak kali bahkan dalam mesyuarat pada 26 Julai 2017 disebut di sini perkara nombor lima (5) memutuskan agar Mesyuarat PDC diadakan dengan lebih kerap ini depa ahli, kalau bermesyuarat setahun sekali itu saya rasa tak bermakna. Jawapan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan ini adalah sebab kita pun telah kemukakan beberapa permohonan yang masih menunggu kelulusan, tanpa kelulusan itu kita sebenarnya sudah habis kerja yang patut buat, kalau takda kelulusan memang kita tersangkutlah di tempat yang sama.



**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih. YB. Dato' Speaker, saya mintalah jangan dikacau sebab saya cuma ada lagi satu jam lima minit.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada banyak lagi.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tujuh minit ya. YB. Dato' Speaker. Soalan nombor 19 saya tanya, "Berapakah bilangan kakitangan pejabat Y.A.B Ketua Menteri yang diberi gaji oleh Kerajaan Negeri, nyatakan jawatan dan bilangan pegawai, jenis perjawatan tetap atau kontrak, jumlah tanggung gaji dan elaun Kerajaan Negeri". Jawapan yang diberikan pada 2017 bilangan kakitangan pejabat Y.A.B Ketua Menteri adalah seramai 23 orang manakala keseluruhan emolumen adalah sebanyak RM102,655.10 sebulan. Yang sama juga saya tanya berapa kakitangan MMK Penerangan juga diberikan 23 orang tetapi gaji keseluruhannya berjumlah RM86,097.25 sebulan. So saya tidak tahu sama ada ada pertindihan tapi kalau ada sebab gajinya berlainan, jumlah perjawatan yang sama saya menganggarkan bahawasanya 23 di Pejabat Ketua Menteri, 23 dicampur dengan 23 lagi Penerangan bermakna ada 46 orang yang membantu Ketua Menteri dalam kerja-kerja beliau. Mungkin saya minta kalau boleh Ketua Menteri memberikan jawapan a, b, c yang saya minta itu.

YB. Lim Hock Seng, jawapan anda nombor satu (1) tentang kedudukan MARRIS, saya nak maklumkan kepada YB. Lim Hock Seng, Bagan Jermal...(gangguan). Ada banyak jalan-jalan yang dibuat di bawah MARRIS ini, yang tak elok. Saya minta supaya pemantauan dibuat supaya jalan-jalan yang diturap semula itu dibuat dengan *grading* yang sempurna dan tidak ada tebal, nipis. Yang keduanya, saya mendapati ada kerja di Kampung Terang di Balik Pulau, di Pondok Upeh kerja-kerja pemasangan paip, mereka mengorek jalan, tanam paip dan menampal jalan itu semula tetapi tampalan itu terlalu teruk sangat-sangat sehingga ada yang berlaku *accident* di sana. So saya minta supaya jalan-jalan yang dikorek apa tujuan sekali pun Telekom ka, PBA ka ditampal dan disempurnakan dengan kadar segera, jangan biarkan terlalu lama sangat. saya rasa di Kampung Pondok Upeh, di Kampung Terang itu terlalu lama. Hampir enam (6) bulan. So ini mengganggu perjalanan masyarakat untuk kerja mereka seharian.

YB. Dato' Speaker, saya nak teruskan kepada Bajet 2018, dalam Buku Bajet 2018 dimaklumkan bahawa jumlah pendapatan adalah RM503,764,820 dan ditolak dengan jumlah perbelanjaan pengurusan adalah sebanyak RM1,252,304,589 bilion. Maka defisit ini adalah sebanyak RM748,540,039.99 ini untuk Perbelanjaan Mengurus. Dalam bahagian Bajet 2018 untuk pembangunan pula muka surat 126, pendapatan yang dianggarkan adalah RM684,974,100 manakala Anggaran Perbelanjaan Pembangunan yang dianggarkan adalah RM684,974,100 dan ini bermakna tiada lebihan atau kurangan dalam bajet ini. Setelah saya mengambil kira jumlah hasil tahun 2018 adalah sebanyak RM503,724,820 dan ditolak dengan jumlah pengurusan dan jumlah perbelanjaan pembangunan, jumlah defisit sebenar adalah RM1,433,514,139 bilion jumlah ini adalah 2.84 kali jumlah hasil negeri atau 284% lebih besar daripada jumlah hasil dan ini adalah amat-amat tidak sihat.

Merujuk kepada muka surat 126, saya perlukan penjelasan tentang pendapatan yang dianggarkan untuk tahun 2018, bayaran balik pinjaman daripada PDC perkara empat (4) RM639,314 bayaran balik daripada PBAPP perkara lima (5) RM2.2 juta dan pindaan pindahan dari akaun disatukan perkara lapan (8) RM600 juta. Ini menunjukkan bahawa terdapat RM600 juta yang akan diambil daripada Tabungan Negeri iaitu akaun yang disatukan, kita harus ingat bahawa tahun lepas 2017 pihak PDC telah diberi pinjaman sebanyak RM600 juta dan PBA juga telah membuat pinjaman sebanyak RM30 juta, so kalau campur dua-dua ini dah berapa dah RM600 juta tahun ini 2018, tahun lepas RM600 juta dan RM30 juta lagi. So ini adalah RM1.03 billion telah diambil untuk membiayai projek apa ini.

Merujuk kepada muka surat 127 Ringkasan Perbelanjaan *item* P01, Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, kenapa pada tahun 2017 perbelanjaan yang dipohon adalah RM707,611,830 tetapi pada tahun 2018 hanya memerlukan RM420,949,050. Jumlah ini adalah penurunan sebanyak RM286,662,780 ini pengurangan sebanyak 40% daripada Bajet 2017. Adakah perbelanjaan tahun 2017 *inflated* Yang Berhormat...(dengan izin) atau bantuan tahun ini terkurang anggaran sebanyak RM280 juta. Saya mohon penjelasan.

Merujuk kepada *page* 128, pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di mana pinjaman untuk tahun 2018 dianggarkan sebanyak RM300 juta. Perbelanjaan sebenar 2016 adalah RM70 juta dan anggaran Bajet 2017 adalah sebanyak RM600 juta. Ini bermakna selama tiga (3) tahun berturut-

turut PDC telah mengambil pinjaman daripada Kerajaan Negeri hampir RM1billion. Saya mahu penjelasan selama begitu banyak pinjaman yang diberikan kepada PDC dan juga PBA, berapa tinggal lagi dalam tabung Kerajaan Negeri? Ini tidak pernah berlaku sewaktu pemerintahan Barisan Nasional dahulu. Bagaimana PDC akan membayar balik pinjaman yang berjumlah besar ini? Apa sudah jadi dengan pendapatan PDC sejak beberapa tahun kebelakangan ini? Adakah PDC hampir muflis? *Wallahualam*. Hanya Kerajaan Negeri tahu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih YB. Pulau Betong. Sebelum ini PDC sebagai sebuah Perbadanan Pembangunan Negeri yang antara yang termaju di Persekutuan adalah satu badan yang telah dapat membangun Negeri Pulau Pinang, Bayan Baru dibangunkan oleh PDC, Seberang Jaya dibangunkan oleh PDC dan PDC telah dapat menyumbang kepada Kerajaan Negeri di dalam beberapa banyak tabung dan membantu Kerajaan Negeri tetapi sekarang PDC dah terbalik. PDC pula minta pinjam, PDC pula *in the raid*. Jadi saya pun tak faham. Saya kena minta penjelasan Kerajaan yang dikatakan cekap dan mengamalkan semua amalan-amalan yang terbaik tetapi tidak dapat meletakkan Perbadanan Pembangunan Negeri ke satu-satu tahap yang tinggi sepertimana Johor ya, *Johor Corporation* yang telah dapat melaksanakan pembangunan ataupun pelaburan di seluruh negara. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' Speaker, jadi saya bersetuju dengan pandangan YB. Ketua Pembangkang tadi. Saya mahukan perincian kepada perbelanjaan ini. Kemanakah wang ini digunakan oleh PDC? Adakah untuk pelaburan, pinjaman atau pihak ketiga atau apa-apa sahaja? Adakah PDC hari ini tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh yang stabil sehinggakan ada yang mengatakan PDC terpaksa meminjam untuk membayar gaji. *Wallahualam*. Mohon penjelasan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat ini hari Jumaat, so Yang Berhormat macam ini, saya nak tanya Yang Berhormat keutamaan Kerajaan Negeri kalau duit RM600 juta itu diberi kepada PDC keutamaannya untuk membuat pembangunan, perumahan dan sebagainya. Tapi permasalahan rakyat Pulau Pinang yang utamanya menghadapi masalah banjir. Kenapa duit yang banyak itu tidak diletakkan keutamaan rakyat menghadapi apa-apa bencana? Kalau kita rasa rakyat tak cukup rumah betul, rakyat tak cukup rumah tapi rumah yang dibuat, harga pula tak *reflect* kepada pendapatan rakyat Pulau Pinang. Rata-rata pendapatan rakyat Pulau Pinang bawah RM5,000 ke bawah lebih kurang hampir 40%. RM5,000 ke bawah rumah yang dia hanya mampu beli RM150,000 sahaja. So saya tak faham keutamaan mana, letak di mana, ke mana? Tapi kalau kita tengok masalah Pulau Pinang daripada *start* sebelum memerintah, selepas memerintah, orang Pulau Pinang memang dikenali dengan *Penang Flood Friendly*, banjir kawan-kawan punya banjirlah. So Pulau Pinang majoriti hat tu. Kalau Yang Berhormat EXCO nak bercakap, minta laluan. Sat lagi saya duduklah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Cabar saya, saya berdiri sudah lari kuat-kuat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, Yang Berhormat, Pulau Pinang kita tukar namalah. Darul Banjir atau Darul Bah.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Telok Bahang sila pendekkan. Minta penjelasan. Sila YB. Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih. Dewan panas sikit tak apa. Jadi saya nak perlukan penjelasan daripada Kerajaan Negeri, kedudukan pendapatan yang telah terhasil daripada penjualan tanah-tanah milik Kerajaan, tanah PDC termasuklah penjualan Bayan Mutiara yang berjumlah RM1.02 bilion. PDC telahpun menjual *sharenya* dalam tanah Pulau Jerejak, tak sepatutnya PDC jual tanah tapi jual *sharenya* tapi saya nak tau mana duit itu. Takkan tak cukup lagi? Dan setahu saya tak pernah pun PDC jual tanah, bahkan malahan Tapak Pejabat PDC juga telah jual.

YB. Dato' Speaker, satu lagi kepada *financial statement*. Saya cuba menganalisa *financial statement* daripada tahun 2010 hingga 2018. Cuba tengok belakang, saya melihat 2010 bajet *surplus* RM34 juta, 2011 bajet *surplus* RM138 juta, bermula 2013 bajet defisit RM262 juta, diikuti 2014 bajet

defisit *minus* -RM235 juta, 2017 *forecast* defisit RM667 juta dan tahun 2018 bajet defisit RM748.54 juta. Semakin lama pemerintahan oleh DAP semakin tinggi semakin banyak defisitnya. Akhirnya tergendai negeri, bankrup.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat minta laluan sedikit pasal bajet ini Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat, YB. Dato' Speaker, saya minta kenyataan DAP pemerintah DAP itu ditarik balik.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Siapa sebut DAP? Pakatan Harapan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Okey bagus....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya mohon penjelasan YB. Dato' Speaker, terimaan bukan hasil perkara 80,000, saya melihat pendapatan 2016, perkara 81,201 penerimaan peruntukan lebih daripada Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM28,687,162.81 juta pendapatan 2016, terimaan 2017 disemak hanyalah RM1.5 juta. *Only* 5%. Begitu juga deposit tak dituntut daripada pendapatan 2016 RM1.163 juta turun kepada RM9,970, 0.8% dan bayaran balik yang lain daripada pendapatan 2016 daripada RM422,299 turun kepada RM10,000, hanya 2%. Mohon penjelasan apa yang berlaku sebenarnya.

Begitu juga dengan perkara butiran anggaran hasil tahun 2018, perkara 82,372, pelbagai terimaan daripada lain agensi Kerajaan pendapatan 2016 RM202,855,414.28 andainya disemak 2017 RM10 juta. Anggaran 2018 adalah juga RM10 juta. Kenapa terlalu rendah? Apakah sudah hilang hasil punca hasil dan agensi lain tidak lagi menyumbangkan lagi kepada Kerajaan Negeri. Jadi saya minta penjelasan ini Yang Berhormat.

*Revenue* Kerajaan Negeri saya melihat dari tahun 2010 RM116 juta, 2011 RM118 juta, 2012 RM116 juta, 2013 RM134 juta, 2016 RM133 juta, 2017 RM138 juta dan *forecast* 2018 RM134 juta. So ini bermakna pendapatan negeri seimbang, *through out the year* daripada tahun 2010 sehingga hari ini, lapan (8) tahun dia agak *consistent* dari tahun 2010. Namun begitu hasil bukan cukai, jika dilihat pada tahun 2018 adalah sebanyak RM416.43 juta dan meningkat kepada 2016 kepada RM879.80 juta. So meningkat RM416.43 juta tahun 2012 meningkat kepada 2013 *sorry* 2016 meningkat RM879 juta. Macam mana pun pada tahun 2018 *forecast* jatuh kepada RM273.65 juta, naik, naik tiba-tiba *short* begitu drastik menurun hampir separuh daripada 2016. Adakah tidak ada lagi barang yang untuk dijual? Ini di bawah tajuk Hasil Bukan Cukai Perolehan daripada Jualan Barang-Barang. Yang *contribute* kepada pengurangan ini adalah daripada yang saya sebut tadi sebagai perolehan dari barang jualan dan saya juga melihat premium tukar syarat 2016 *for actual* RM54.29 juta, 2017 *forecast* RM22.2 juta dan 2018 *forecast* RM37.48. Premium cukai juga semakin berkurangan begitu juga dengan pemberian premium tanah pemberian bayaran 2016 RM284.46 juta, *forecast* 2018 RM17.68 juta. Satu penurunan yang cukup drastik. Adakah pemberian milik tanah semakin berkurangan? *From* RM284.46 2016 *actual* kepada *forecast* 2018 RM17.68 juta sahaja. Begitu juga dengan terimaan bukan hasil saya melihat dia punya senario dia, saya melihat terimaan daripada Agensi Kerajaan daripada 2016 RM274.58 juta turun kepada *forecast* 2018 RM95.01 juta. So ini juga penurunan yang amat-amat mengejutkan.

Bayaran pengurusan, ada tiga (3) jenis kategori perbelanjaan iaitu Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan juga Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Saya melihat juga begitu drastiknya meningkat kalau 2010 hanya RM188.29 juta, 2011 RM260.54 juta dan 2013 meningkat RM696.02 juta, 2017 *forecast* RM1014.53 bilion dan 2018 RM902 juta, so kita melihat perbelanjaan mengurus untuk Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan dan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berterusan meningkat dengan banyak sekali. So saya minta YB. Dato' Speaker, untuk diberi penjelasan oleh Kerajaan Negeri tentang isu-isu yang saya bangkitkan berkenaan dengan isu perbelanjaan tadi.

YB. Dato' Speaker, mungkin penggal ini adalah penggal yang terakhir kita bersidang dalam Dewan ini. Dulu di awal-awal kita mendengar bagaimana dalam Dewan ini Y.A.B. Ketua Menteri menyebut yang kita akan mencontohi Khalifah Umar Abdul Aziz. Hari ini tenggelam terus, mungkin tenggelam dengan banjir kerana banjir baru berlaku atau kita tak pasti ke mana hilangnya lagi. Begitu juga dengan ucapan mula saya ingat 2014, Y.A.B. Ketua Menteri mengumumkan yang kita akan

mendengar suara-suara NGO, tapi hari ini NGO dah bersuara. Seolah Y.A.B. Ketua Menteri tidak lagi mendengar pesanan mereka dalam apa jua isu. So saya berharaplah Y.A.B. Ketua Menteri balik kepada pangkal jalan. Kalau nak bangkit pun bangkit ikut apa yang dicapik dulu bukan bangkit yang macam mana saya tak pastilah.

YB. Dato' Speaker, isu seterusnya tentang kenderaan lama. Terdapat begitu banyak sekali kenderaan-kenderaan lama seperti lori, kereta, van, bas dan motosikal lama yang tidak digunakan dan dibiarkan di atas jalan. Kalau kita pergi ke perumahan-perumahan seperti di Bandar Baru dan Air Itam dan sebagainya. Saya *roughly* suruh orang cuba *check* ada lebih kurang 100 buah kenderaan terbiar. Jadi kenderaan ini YB. Dato' Speaker, ia mengambil ruang tempat kereta yang tidak mencukupi dan juga menjadi sasaran serangga, ular, lipas dan sebagainya dan ianya juga mencemarkan pandangan. So saya cadangkan kepada pihak MBPP dan juga MPSP di tanah Seberang untuk mengambil tindakan yang segera samada pekerja MBPP ataupun kontraktor untuk mengambil, mengangkat dan mengupah kalau boleh melupuskan kereta tersebut. Dengan mungkin membeli mesin *compressor* dan sebagainya dan kalau boleh membuat undang-undang untuk membolehkan kereta-kereta ini di ambil. Setelah dibiarkan sekian lama supaya ruang yang diisi oleh kereta yang tak digunakan ini boleh di ambil alih oleh kenderaan-kenderaan diguna setiap hari. Saya rasa ini mohon tindakan segera daripada Kerajaan Negeri.

YB. Dato' Speaker, Perumahan Kos Rendah. YB. Jagdeep masuk, YB. Jagdeep. Kalau boleh EXCO masuk. Kalau tengok muka dia senang nak cakap sikit. Ketinggian. Saya nak merujuk kepada Perumahan di Kampung Terang. Juga rumah di Kampung Terang, Balik Pulau sedia ada adalah sebanyak 313 rumah dengan jumlah penduduk sekitar 600 orang. Tetapi bangunan yang dibina di atas tanah Kampung Terang ini bersebelah dengan masjid. Menara A, 9 tingkat ada 63 unit kos rendah dan 126 unit. *Sorry*. 63 Unit kos sederhana rendah, 125 unit kos rendah. Menara B, 9 tingkat 207 unit rumah kos rendah. Menara C, 9 tingkat 198 unit rumah kos rendah dan Menara D, 9 tingkat 206 unit kos rendah. Ini berdasarkan kepada pelan yang saya ada. Saya kira jumlah unit sebanyak 855 unit keluasan tanah lebih kurang dalam lima (5) ekar. Jumlah penduduk Kampung Terang hari ini rumah ada 313 rumah dengan penduduk seramai 600 orang. Ini bermakna rumah yang akan dibina di sana ini adalah lebih kurang dua kali ganda daripada jumlah yang ada di Kampung Terang. So *big* ada 338 rumah tapi tanah yang di 5 ekar ada 855 rumah. Ini bermakna mesti ada ketumpatan tinggi ditumpukan di situ.

Kelulusan pembinaan rumah pangsa ini telah mengakibatkan beberapa kesan negatif kepada mangsa ini. Satu. Tidak ada masjid baru dibina untuk menampung pertambahan penduduk baru Kampung Terang yang sedia ada dan juga pertambahan penduduk flat baru ini. Yang kedua. Pertambahan penduduk Kampung Terang akan bertambah sekali ganda berbanding dengan penduduk sedia ada. *Infrastructure* yang baru tidak ada, jalan tidak dibesarkan atau dilebarkan. Jalan yang sedia ada digunakan. Air daripada perparitan perumahan dibuang sebahagiannya ke dalam parit tepi jalan tetapi parit juga tidak *upgraderkan*. Dan ini merupakan perumahan yang pertama di Balik Pulau dengan ketinggian lebih dari enam (6) tingkat. Selama ini Balik Pulau di bawah Barisan Nasional kita minta supaya *no more than five* atau enam (6) tingkat. Hari ini dibina sebanyak 16 tingkat. Ataupun *sorry*, 12 tingkat. Ini juga akan menyebabkan sekolah sedia ada Genting dan Sekolah Balik Pulau akan melimpah murid. Tiada perancangan pembinaan sekolah baru. Dan ada yang menjadi rungutan yang diberikan kepada saya adalah kerana aras jalan akhir ditapak itu adalah 5.7 meter hingga 6.3 meter. Aras akhir adalah tapak itu adalah 5.15 meter tetapi aras masjid, aras tanah masjid dihadapannya adalah 3.8 meter. Berbeza sebanyak 2.35 meter. Aras tanah di lorong bangunan ditepi jalan adalah 3.6 berbeza dengan lot yang dibuat baru ini adalah 2.4 meter dan aras lot dibelakang adalah serendah 2.6 meter berbeza 2.4 meter dengan aras tapak yang baru ini.

Apabila berlaku hujan, penduduk baru tidak akan menjadi mangsa kerana mereka berada di atas yang tinggi, tetapi penduduk asal yang ada di situ yang jadi mangsa, penduduk baru tidak kena. Penduduk asal jadi mangsa dan mereka yang akan menghadapi masalah dan baru ini banjir pun disebabkan air daripada kawasan itu menerjah ke kawasan perumahan yang lain semua rosak. Mereka datang jumpa saya, YB. minta pampasan sikit. Bukan saya buat. So saya minta benda ini diambil kira.

Saya minta supaya kesemua kemudahan-kemudahan awam yang di *associatekan* dengan itu harus disediakan. Cari jalan untuk sediakan. Dan saya difahamkan pula perumahan rumah kos rendah dipindahkan dari tempat yang sepatutnya di bina di kawasan lain ke Balik Pulau. Saya difahamkan sepatutnya dibina di Sungai Tiram dan sekitarnya. Apakah dia tidak memerlukan rumah kos rendah? Kenapa dipindahkan? Sepatutnya satu perumahan yang besar, dia kena ada *high cost*, *medium cost* dan *low medium cost* tapi ini tidak, *low cost* dibina di Balik Pulau, *high cost* dibina di Sungai Tiram. Apakah penduduk Sungai Tiram tidak memerlukan rumah kos rendah. Saya rasa ini juga polisi yang perlu dihentikan.

YB. Dato' Speaker, isu seterusnya. Kemalangan di Granito Permai. Kita bersimpati dengan apa yang berlaku di mana 11 orang mangsa telahpun meninggal dunia. Pada hari yang berlaku kejadian berlaku pada hari Sabtu 21 Oktober 2017. Saya telah pun melawat tapak pada hari Ahad. Dan saya telah berjumpa dengan Setiausaha Politik Ketua Menteri YB. Wong yang telah pun berada di situ dengan Ahli Parlimen YB. Zairil di situ. Terima Kasih. Semuanya prihatin dan saya juga melihat premis-premis. Saya berjumpa dengan YB. Wong dia kata, saya kata ini *low cost, No*. Dia kata *affordable home* dia kata *affordable*, Ok saya terimalah. So saya melihat dalam *website*, menara berkembar dibina setinggi 50 tingkat ya. Daripada 980 unit kondominium berkeluasan 894 kaki persegi. Jadi yang paling dijual mahal dijual diantara 468 ribu atau 542 ringgit satu kaki persegi. Betul Yang Berhormat ya? Harga yang dapat dalam internet la. Dan harga yang paling murah ialah sebanyak RM428,000 dan atau RM465 satu kaki persegi. So this is a *Affordable Home* oleh Kerajaan Negeri. Harga yang macam ini, keluasan yang macam itu. Jadi saya beri laluan terhadap penjelasan. Sikit je lah.

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Extra more on this. On this.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ya ini sahaja, adakah ini dikategorikan sebagai rumah *Affordable Home* oleh Kerajaan Negeri. Keluasan yang sebegitu, harga yang sebegitu.

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya boleh jawab?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sikit je.

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Ingin saya nyatakan bahawa polisi kita bahawa pada asalnya saya sebut tadi rumah mampu milik dalam garis panduan kita adalah sehingga RM400,000. Tetapi tahun lepas dikurangkan syiling kepada RM300,000. So kita perlu semak ini projek mendapat kebenaran merancang pada tarikh bila. *Either is four hundred or three hundred*, tapi yang penting saya nak nyatakan disini ada projek-projek rumah mampu milik di mana unit kosong, *bare unit*...(dengan izin) YB. Dato' Speaker. *Bare unit* adalah mengikut takrifan harga had syiling yang kita tetapkan walaupun 250, 300 ataupun 400 pada garis panduan dahulu. Tapi ada pemaju-pemaju yang juga *offer* tawarkan beberapa pakej sebagai pakej pengubahsuaian *renovation* kerana unit-unit adalah unit kosong *bare unit*. *So if you don't, if you can choose to take the package or you if you don't, you have renovate on your own anyway*...(dengan izin). Atau ada unit-unit *by the way* unit-unit ini semua datang dengan satu tempat letak kereta. Tetapi ada projek-projek yang mereka ada tambahan tempat letak kereta yang mana mereka jual. Dan itupun kita tegas nyatakan kepada pemaju. Patut mereka jual pada kadar harga yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan kalaupun, ada pembeli yang hendak mengambil pakej pengubahsuaian ataupun membeli tempat letak kereta yang tambahan mereka perlu buat secara rela diri. *Willing buyer willing seller basis*. Itu kita sebut secara spesifik atau dan khusus dalam surat tawaran kita yang keluar kepada pembeli dan yang mana diberikan sesalinan kepada pemaju juga. Dan *you also ask about size is it*...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tidak Yang terhormat. *Size*. Ya *size*.

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Size of the unit*. Ok *the size the unit* macam ni, kita ada beberapa produk. *The size is ranging 750, or rather than 750, to 900 minimum size*. Kita syatkan *size* minima. Kita tak mahu satu keadaan seperti Hong Kong. Singapore *I'm not sure*. But Hong Kong mereka rumah mampu milik mereka saiz dia 300 kaki persegi. Dan 10 orang tinggal dalam 1 unit macam tu. *chicken coop*....(dengan izin). *We are not allowing it that. That's why we introduce guideline not only we have price control but we also have size control*. Jadi terpulang la kepada harga dia ia 750, 850 to 900 hundred. *But of course some developer rumah mampu milik yang saya terima kasih kepada mereka mereka bina some developer more than 900 hundred. Its a good deal*.

## Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. Saya bagi laluan kepada YB. Datuk Keramat kerana dia rajin buat kerja. *Thank You. Anyway* saya difahamkan yang rumah itu dipasarkan dalam sebagai kemewahan dalam kemampuan. Lebih kurang macam tu la. Mampu tapi rumah yang mewah. Isu yang kedua tentang tapak kuari. Tapak kuari teik granite ini yang bersebelah dengan tapak ini beroperasi lebih daripada 50 tahun. Tapak operasi di sana saya difahamkan kerja-kerja letupan batu *blasting* dijalankan dua (2) kali sebulan dan kerja-kerja menghancurkan batu-batuan kepada *crusher run* dan sebagainya dijalankan setiap hari.

YB. Dato' Speaker, letupan tu menyeramkan oleh projek kuari ini. Boleh bergegar dan secara langsung melonggarkan batuan tanah. *Crusher run* pula, *crusher* yang memecahkan batu dilakukan setiap hari. Namun begitu, kuari telah berada dan beroperasi di sana sejak sekian lama, lama sebelum perumahan dibina dan dibangunkan dikawasan itu. Kuari ini merupakan pembekal batu-batuan yang diperlukan untuk pembinaan oleh hampir semua kawasan pembinaan di George Town menggunakan batu daripada kuari ini. Ini bermakna bagi perumahan dan pembeli di kawasan itu telah sedar akan pencemaran bunyi dan habuk yang dijalankan oleh kuari ini. Letupan berlaku dalam jarak 300 meter dari pangsapuri. *Crushing* batu-batu berlaku sekitar lebih kurang 200 meter. Bayangkanlah penduduk yang tinggal di tingkat 15 hampir sama dengan paras apa ni bukit kuari itu, bagaimana mereka hendak menerima pencemaran habuk dan sebagainya. Bunyi dan sebagainya. Saya bersetuju dan memahami mengapa Jabatan Alam Sekitar menolak cadangan pembangunan ini yang setinggi 50 tingkat ini. Persoalannya kenapa MBPP masih mahu meluluskan permohonan, mampu milik bercirikan mewah dengan memberikan kelulusan khas berdensiti tinggi dengan 50 tingkat. Siapakah yang memberi kelulusan ini? Apakah keistimewaan pemaju ini? Dan mendapat keistimewaan sehinggakan menolak Jabatan Alam Sekitar masih lagi diberi kelulusan. Saya juga melihat tentang kriteria tata cara pembinaan.

YB. Dato' Speaker, saya difahamkan sewaktu kerja-kerja bangunan dijalankan, kerja-kerja *slope* masih belum sempurna. Kontraktor cuma letakan plastik biru sahaja itu. Proses keseluruhan untuk mengukuhkan *slope* itu tanah itu masih berjalan. Kalau ia masih berjalan kenapa dibiarkan orang bekerja di bawah. Di mana pengawal keselamatan? Di mana pegawai yang ada *certificate DOSH* ini? Bahawasanya kerja dibuat mengikut peraturan. Tak sepatutnya kerja-kerja mengorek ditepi lereng bukit dibuat padahal masih belum sempurna. Saya rasa benda ini yang tak dapat kita terima. Dan saya bersimpati kepada orang yang malang itu kerana bukan kerana kemalangan kerana prosedur - prosedur yang sepatutnya kita ikuti tak kita ikut. So, saya berharaplah kepada pihak berkuasa mengambil serius kepada perkara ini apatah lagi kita meluluskan projek ini dalam skim khas ataupun densiti yang begitu tinggi sekali.

YB. Dato' Speaker. Isu perumahan. Terima Kasih EXCO ada di sini. Saya dapat maklumat terkini bahawa pihak Kerajaan Negeri telah membuat prosedur baru. Saya semak tak ada. Mungkin ada di dalam polisi jawatankuasa. Untuk rumah kos tinggi pelepasan ke atas lot bumi hanya diberikan apabila mencapai *progres* mungkin dalam 80% dan perlu memohon pelepasan sebelum dijual kepada bukan Bumiputera. Untuk rumah kos rendah kelulusan nama pemohon dipegang dan meluluskan mengikut Kerajaan Negeri. Tapi untuk *affordable home*, saya difahamkan pelepasan kouta Bumiputera adalah automatik dan tidak perlu membuat permohonan. Jadi saya minta EXCO tolong beri penjelasan tentang perkara ini. YB. Dato' Speaker, saya nak merujuk kepada isu-isu penyumbang kos kenaikan pembangunan dan kesannya ke atas harga rumah yang melambung. Saya pun hairan kenapa rumah di Pulau Pinang terlalu mahal berbanding dengan negeri-negeri lain. Saya cuba analisa balik. Apakah *charges-charges* yang dikenakan kepada pemaju sehingga menyumbang kepada kenaikan harga rumah kita. Saya cuba membandingkan sebelum tahun 2008 dengan sekarang punya *guideline. Development charges* tahun 2008 RM5 *per square feet*. harini RM15 *per square feet*. Untuk komersial RM7.00 *per square feet*, hari ni RM21.00 *per square feet*. *There's a contribution*, dulu *before* 2008, RM10,000 per ekar, hari ini RM50,000 per ekar. *Car parking contribution*, dulu RM15,000 *per bay*, hari ni RM25,000 *per bay*. *Contribution for hawkers stores*, dulu *before* 2008, RM25 *per square feet*, ataupun lebih kurang RM3,000 *per store* tertakluk kepada *location*, hari ini RM58 ribu *per store* di Daerah Timur Laut dan RM35,000 *per store* di Daerah Barat Daya. *Contribution for communities facilities etc*, dulu sebelum 2008, RM25 *per square feet*, hari ini RM500 *per square feet* tertakluk kepada lokasi. *Contribution for kindergarten*, dulu tak ada, hari ini RM500 *per square feet*. *Rezoning fees*, dulu 25% beza antara nilai zon asal dengan nilai zon baru mengikut Peraturan 1996 dan kenaikan kadar dinaikkan daripada 25% kepada 50%, 2009. Hari ini, rumah mampu milik baru pemaju Pulau Pinang 12.5% berbanding luar Pulau Pinang 25%. Rumah kos rendah, kos sederhana rendah, pemaju luar Pulau Pinang 12.5%, untuk Badan Persatuan Pemaju Pulau Pinang 33.3%, pemaju luar Pulau Pinang 50%. Industri, perumahan, perniagaan dan institusi, pemaju Pulau Pinang 33.3% pemaju luar Pulau Pinang 50%. *Contribution for low medium cost and low cost*, dulu tak kena, hari ini kena RM120,000 *per unit* untuk *Penang developers* dan RM150,000 *per unit* untuk *non*

*Penang developers*, pemaju luar Pulau Pinang. *Contribution for affordable homes*, dulu tak ada, hari ini ada RM200,000 per unit minimum dan juga satu lagi adalah RM300,000 per unit minimum RM850 per square feet dan *infra contribution* dulu tak applicable, hari ini RM15 per square feet. Saya kira balik secara kasarnya, saya mendapati kesemua kos *contribution* ini menyumbang sekitar RM135 per square feet tidak termasuk kos bangunan dan kos tanah. Ini adalah bagi saya menyumbang kepada jumlah harga jualan yang begitu tinggi sekali di Pulau Pinang ini. So saya berpandangan bahawa *contribution* yang sebegini harus dikaji semula kerana biarlah penduduk Pulau Pinang ini yang memerlukan rumah, mereka mendapat rumah ini dengan harga yang munasabah dan bukan harga yang terlalu tinggi.

YB. Dato' Speaker, saya nak berhenti di situ dulu. Saya nak beri peluang kepada kawan saya sebab dia marah kat saya tadi dia kata jangan panjang-panjang sangat nak sembahyang Jumaat hari ini. Dia seorang yang alim dan saya berharap apa yang saya minta dalam perbahasan saya ini dijawab oleh pihak EXCO dan juga pihak Kerajaan Negeri dan sekali lagi terima kasih di atas peluang yang diberikan dan kalau ini merupakan sidang terakhir untuk saya berada di Dewan, saya ucap terima kasih banyak-banyak kepada semua kakitangan kerajaan yang telah pun memberi khidmat membantu saya sebagai ADUN Pulau Betong selama ini dan saya amat menghargai sumbangan tuan-tuan dan puan-puan semua dan kepada Dato' Yang di-Pertua Dewan terima kasih di atas pengendalian Dewan dengan baik.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Pulau Betong. Saya minta YB. Pinang Tunggal, sila.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Pulau Betong kerana beri kesempatan kepada saya. Kita rehat pukul berapa YB. Dato' Speaker? 12.00?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

12.15.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

12.15.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup, jauh dari cukup.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Jauh dari cukup. Saya ingat lima (5) minit ja kot.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tadi kata lima (5) minit. Okey sila.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. *Bismillahirrahmanirahim*. Saya berasa syukur kepada Allah SWT, terima kasih banyak kepada Dato' Yang di-Pertua Dewan atas kesempatan yang telah diberikan kepada saya pada kali ini untuk sama-sama berbahas, ambil bahagian, mengeluarkan pendapat, pandangan dan buah fikiran untuk Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-13 ini.

Isu pertama yang nak saya sebut iaitu saya nak merujuk kepada soalan-soalan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kerajaan Negeri sebelum ini. Saya melihat Kerajaan Negeri yang ada hari ini apabila diberi tanggungjawab di dalam Dewan yang mulia ini pihak Kerajaan Negeri apabila diberi soalan, saya dapati soalan-soalan yang dikemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, berubah-ubah. Ada unsur-unsur seolah-olah macam nak melindungi sesuatu perkara, jawapan yang tidak tepat dan menyembunyikan banyak fakta. Saya suka ambil contoh, yang pertamanya saya merujuk kepada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ke-13 pada 15 November 2015 iaitu soalan daripada Ahli Kawasan Pengkalan Kota yang bertanyakan iaitu tentang beberapa unit rumah warisan kategori 2 di Lebu Magazine sampai Lebu Sandiland yang telah dibeli oleh syarikat luar negara. Jawapan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, Ahli daripada Air Putih menyatakan bahawasanya setakat itu tidak ada rekod yang menunjukkan pembelian oleh syarikat atau individu luar negara. Ini persoalan saya yang pertama.

Yang kedua, apabila YB. Sungai Aceh mengemukakan soalan yang bersangkutan-paut juga dengan kawasan warisan ini, kerana saya diberi mandat, tugas dan tanggungjawab mempengerusikan *focus group*, pelancongan kebudayaan dan warisan Bumiputera Pulau Pinang saya cukup ambil berat isu-isu ini. Yang Berhormat daripada Sungai Aceh juga bertanya tentang bilangan rumah yang terdapat dalam kawasan zon *heritage* ini, berapa bilangan yang telah dibeli oleh warga asing. Kita nak ambil tau, tapi dalam masa yang sama, Yang Berhormat daripada Padang Kota mewakili Y.A.B. Ketua Menteri menjawab, hanya terdapat 18 buah rumah sahaja. 18 buah rumah sahaja yang dijual ataupun dibeli oleh warga asing dalam kawasan zon warisan ini. Ini yang kedua. Nampak ada perbezaan tak antara soalan pertama yang saya sebutkan tadi dengan persoalan kedua dan dalam masa yang sama juga soalan daripada Ketua Pembangkang iaitu Telok Ayer Tawar juga tanya bersangkutan-paut dengan berapa banyak bilangan hartanah yang telah pun dijual kepada warga asing ataupun syarikat asing sejak tahun 2008 sehingga kini? Soalan daripada YB. Ketua Pembangkang, Telok Ayer Tawar dikemukakan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-13 pada 15 November 2016. Jawapan yang diberikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri berdasarkan rekod sebanyak 42 hartanah, ada perbezaan lagi. Sebelum ini hanya 18 dan yang ketiga yang saya kemukakan ini dah menjadi 42.

Untuk sidang Dewan kali ini, saya kemukakan soalan lebih kurang sama juga, saya mohon Kerajaan Negeri untuk senaraikan secara terperinci bilangan hartanah semua jenis yang telah dimiliki oleh warga asing. Ini syarikat asing sejak tahun 2008 di zon warisan iaitu iaitu penampian dan teras mengikut seksyen. Nombor *lot*, jenis pegangan tanah, jenis bangunan, jenis kategori, premis warisan, kategori 1,2 atau lain-lain kategori, nama pemilik atau nama syarikat, alamat premis, tarikh transaksi atau nilai transaksi. Saya kemukakan soalan yang sedemikian. Tapi kali ini YB. Padang Kota tidak menjawab, Y.A.B. Ketua Menteri tidak menjawab, Ahli Datok Keramat pula menjawab dan saya dapati keikhlasan yang ada pada Ahli Kawasan Datok Keramat lebih baik daripada dua-dua wakil rakyat yang terdahulu menjawab kerana saya dapati jawapan yang diberikan oleh Ahli Kawasan Datok Keramat kerana dia baik dengan saya dan saya juga baik lebih kurang dengan dia, dia jawab, sejak tahun 2008 sehingga September 2017 sebanyak 163 hartanah yang dimiliki oleh warga asing, syarikat asing di zon warisan penampian dan teras dengan nilai transaksi sebanyak lebih daripada RM1 bilion. Perincian transaksi adalah seperti diberikan kepada saya. Makna kata lebih daripada RM1 bilion. Jawapan yang agak tepat tetapi kalau nak bandingkan dengan pembohongan, penipuan yang dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat Air Putih, Y.A.B. Ketua Menteri dan juga Ahli Kawasan Padang Kota, ternyata sekali mereka melakukan pembohongan di dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang ada disebalik pembohongan fakta dalam sidang DUN yang mulia ini.

Saya nak bagitau, kalau mengikut apa yang saya sediakan sehingga 2015 berdasarkan soalan 1, 2 dan 3 yang saya sebutkan tadi. 2015 bilangan transaksi 21, sudah ada 154 buah rumah telah pun dijual jadi saya nak maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya pembohongan demi pembohongan, penipuan demi penipuan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri yang mentadbir yang ada pada hari ini tentang tanah-tanah warisan, tapak warisan yang ada hari ini. Untuk apa? Kerana kita tau Kerajaan Negeri sepatutnya kena jaga, kena melindungi harta pusaka rakyat Pulau Pinang ini kerana kita tau kalau di Pulau Pinang ini fokus kepada George Town merupakan lubang emas, merupakan lubang emas untuk penduduk Pulau Pinang. Kita tau warisan fizikal iaitu rumah dan bangunan, warisan kebudayaan, cara hidup. Kita tau di Campbell Street, rumah dah nilainya RM1 million walaupun rumah agak lama, tapi nilai begitu tinggi. Orang yang berada di kawasan perumahan ini bekerja dengan cara yang lama kita tau, dengan cara yang tradisi. Maksud saya tetapi apabila dijual kepada syarikat-syarikat yang peratusnya begitu tinggi ataupun menjadi milik syarikat oleh Singapura, saya ada bahan bukti terlalu banyak saya senaraikan ini. Saya dapat semua ini. Beratus-ratus syarikat daripada Singapura yang membeli bangunan dan tanah-tanah di kawasan ini. Jadi mereka tau, mereka boleh bangunkan kawasan ini dengan begitu baik sekali kerana ini merupakan lubang emas kepada kita di Pulau Pinang ini dengan membina bangunan-bangunan baru dalam bentuk hotel dan sebagainya dan kalau nak disewakan balik kepada penyewa-penyewa tempatan juga, kita tau disewakan dengan sewa yang begitu tinggi. Ini merugikan rakyat Negeri Pulau Pinang. Kita tau rakyat di sana di luar sana mungkin tidak memahami perkara ini, tidak tau keseluruhan perkara ini. Inilah yang dilakukan oleh pimpinan Kerajaan Negeri yang ada hari ini. Pembohongan dan penipuan tetapi saya suka sebut dalam Dewan yang mulia ini kalau perkara yang sedemikian berlaku di pihak kami, sudah tentulah tindakan diambil.

Sepertimana saya sendiri, saya sendiri biasa dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan oleh kerana menimbulkan perkara yang bagi saya amat penting untuk rakyat dalam bab kesihatan umpama kata. Biasa saya menyebut perkara-perkara yang benar tetapi tindakan diambil kepada saya dan dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Walaupun saya dipanggil menghadap dalam



jawatankuasa hak ini, saya memberi jawapan yang sebenar-benarnya. Saya tau jawatankuasa yang menilai kedudukan dan keadaan apa yang saya jawab. Mereka dapat menerima. Tetapi Kerajaan Negeri yang ada hari ini juga menghukum saya dengan menggantung saya walaupun tak enam (6) bulan, tapi satu hari, saya ingat Dato' Speaker masih ingat.

Oleh yang demikian, hari ini saya membuat keputusan untuk mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk mengadakan juga dua orang, bukan tiga. Seorang jawab dekat-dekat nak betul la Ahli Kawasan Datok Keramat. Tapi kalau yang dua ini, yang pertama Ahli Yang Berhormat Air Putih, Y.A.B. Ketua Menteri dan yang keduanya Ahli Kawasan Padang kota yang menipu, membuat pembohongan dalam Dewan kepada soalan-soalan yang kita kemukakan, saya juga nak mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan, catit ya, saya serius ni.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Boleh saya menyokong?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah lah, sudah.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya serius YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dalam hal ini. Jadi YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria menyokong, kawan-kawan yang lain tepuk meja tanda menyokong. Jadi bukan di pihak kami sahaja apabila tidak melakukan kesalahan dan kesilapan tetapi dianggap melakukan kesilapan terus dihadapkan di hadapan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, maka di pihak kami juga ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia supaya dua (2) Ahli Yang Berhormat ini juga dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana yang sedia kita maklum dalam pembentangan bajet Y.A.B. Ketua Menteri baru-baru ini Y.A.B. ada menyebut di awal sebutan, di awal ucapannya Yang Amat Berhormat ada mengatakan mandat yang diberikan kepada mereka Ahli-ahli Yang Berhormat di pihak kerajaan, mereka adalah terdiri daripada ahli-ahli wakil rakyat, Ahli Yang Berhormat yang tidak ada pengalaman dalam mentadbir, tidak ada pengalaman dalam rasuah, ini dua (2) perkara yang saya sebut. Suka juga saya sebut dalam Dewan yang mulia ni, kita diwar-warkan oleh Kerajaan Negeri yang sedia ada ini slogan CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus) tetapi dipenghujung penggal kedua, Y.A.B. Ketua Menteri menyebut mereka selama ini adalah terdiri daripada mereka-mereka yang tidak ada pengalaman dalam mentadbir dan sebagainya. Jadi nampak sehari ke sehari Y.A.B. Ketua Menteri menunjukkan dirinya yang sebenarnya. Jadi kita minta supaya rakyat di luar sana dapat menilai kedudukan dan keadaan yang Y.A.B. Ketua Menteri dalam perkara-perkara yang sedemikian.

Contohnya yang terbaru kita dapat melihat bagaimana seorang yang Y.A.B. Ketua Menteri yang kita tahu apabila bencana menimpa negeri kita musibah melanda negeri kita, dengan banjir yang sebegitu rupa, kita tidak sangka sama sekali bukan setakat di belah pulau ini, di kawasan saya juga terlibat malah rumah saya juga terlibat, di kawasan saya sahaja yang melibatkan 1,764 buah rumah yang melibatkan hampir 10,000 manusia. Dalam masa yang sama kita lihat diviralkan di merata tempat satu dunia dapat melihat sifat sebenar Y.A.B. Ketua Menteri saya tahu apabila kita dapat melihat sedu sedan Y.A.B. Ketua Menteri sedih bukan sandiwara saya tahu Y.A.B. Ketua Menteri bukan sandiwara itulah sifatnya yang sebenar memohon pertolongan daripada Kerajaan Persekutuan melalui pemimpin-pemimpin yang ada di peringkat persekutuan sana Y.A.B. Ketua Menteri, Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri apabila turun kita dapat lihat bagaimana sambutan yang diberikan bagaimana kita dapat melihat Y.A.B. Ketua Menteri dapat berpeluk-peluk tanda keikhlasan.

Jadi saya suka hendak sebut dalam Dewan yang mulia ini, saya juga hendak maklumkan kepada rakyat di luar sana supaya kita memahami akan perkara ini. Saya hendak sentuh satu perkara YB. Dato' Speaker, sebelum-sebelum ini di pihak sana di pihak Kerajaan Negeri di pihak penyokong Kerajaan Negeri saya tidak mahu sebut siapa-siapa tetapi apabila saya sebut terasa sendiri lah bagaimana menghentam Y.A.B. Perdana Menteri, bagaimana menghentam Kerajaan Persekutuan yang akhirnya tuhan yang maha kuasa menunjukkan bukti yang sebenar kedudukan dan keadaan yang sebenar kita tahu macam mana Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri terutamanya isteri kepada Y.A.B. Perdana Menteri difitnah, dihina, dicaci, dikeji....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Minta laluan, YB. Dato' Speaker, yang YB. Pinang Tunggal bercakap begitu hebat ini adakah bukti kah yang benda ini berlaku, minta tunjukkan bukti.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih YB. Sungai Acheh saya bawa dalam Dewan yang mulia ini bukti-bukti, saya tahu di luar sana gambar-gambar ini sudah pun dilihat oleh semua manusia bagaimana sambutan, sila tengok, kalau hendak pegang sorang satu pun boleh, pakat berdiri, pegang. Ada masa lagi.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Okey.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain duduk.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Bukankah tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk menolong negeri-negeri apabila ada sesuatu bencana seperti ini, ini adalah *federal state stake*, *federal* mestilah menolong bukan datang Dewan bersandiwara Y.A.B. Perdana Menteri sudah datang tolong, apa jadi kepada cukai orang Pulau Pinang? Semua disorok oleh Kerajaan Persekutuan

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jangan emosi, YB. Pinang Tunggal, *slow and steady*.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Saya memang *slow and steady*. Saya tidak buat saya tidak melakukan perkara-perkara lama, perkara-perkara terdahulu yang memberontak sedemikian rupa. YB. Dato' Speaker, tahu. YB. Dato' Speaker, masih ingat, saya tidak buat lagi dan tidak akan buat.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta penjelasan, saya hendak YB. Bagan Dalam tarik balik perkataan sorok tadi. Ini satu fitnah yang tidak ada bukti langsung. Kenapa mengatakan itu.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Akan tarik balik.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Kalau tidak mahu tarik balik, ini adalah suatu perkataan yang menyakitkan hati kita, ini fitnah. Peraturan Dewan, saya minta guna Peraturan Dewan, saya minta tarik balik perkataan sorok.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih YB. Teluk Ayer Tawar dan YB. Dato' Speaker, kerana melibatkan diri dan saya suka hendak sebut bagaimana perasaan mereka YB. Dato' Speaker, saya tidak mahu bersedih dah macam mana Y.A.B. Ketua Menteri bersedih berduka saya tahu itu bukan sandiwara saya tahu itu benar dan suka saya sebutkan juga dalam Dewan yang mulia ini bagaimana perasaan Y.A.B. Perdana Menteri, bagaimana perasaan Yang Amat Berbahagia isteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri apabila mereka dituduh, difitnah dan dihina sebegitu rupa, gambar dilukis dengan saya hendak sebut pun berasa jijik, lukis gambar tetapi hari ini saya tidak mahu merasa ataupun melahirkan perasaan sedih saya, saya mahu melahirkan perasaan bangga kami semua hendak melahirkan perasaan bangga bahawasanya apa yang telah pun dituduh yang dibuat oleh pihak belah sana kepada pimpinan Kerajaan Persekutuan hari ini seluruh rakyat dapat melihat apa yang berlaku ini.

Jadi saya hendak rasa sedih YB. Dato' Speaker, tetapi rasa bangga kerana apa yang berlaku ini semua adalah kehendak tuhan. Kita tahu di pihak sana berkali-kali melanggar segala peradaban dan sebagainya. Kalau contoh di Bukit Bendera sana di bukit-bukit yang tinggi sana dibotakkan, dipotong bukit. Kawan-kawan saya sudah sebut banyak jadi saya tidak perlu ulang lagi dah tetapi ini merupakan salah satu merosakkan dan menimpa bencana ini kita mendapat apa yang berlaku ini, kita merasai sama apa yang berlaku.

Jadi saya tidak berhasrat seperti mana yang YB. Dato' Speaker, sebut dihujung penggal kita ini, kita tahu kita memahami dan kita kena penuh dengan disiplin saya juga ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih. Saya juga seperti YB. Pulau Betong sebut dia tiga (3) penggal, saya pun tiga (3) penggal juga, tidak tahulah hendak mai dak lagi tetapi saya tahu YB. Pulau Jerejak mereka hendak hantar menjadi Ahli Parlimen di Johor. Jadi YB. Pulau Jerejak kena minta maaf banyak-banyak dengan kami semua juga pasal YB. Pulau Jerejak bohong dengan kami banyak juga, melawak sahaja ya. Jadi saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk ucapkan terima kasih banyak-banyak terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu membangunkan kawasan saya, kepada ketua-ketua jabatan, staf dan kakitangan semua.

Jadi terima kasih banyak saya mohon minta ampun maaf salah silap, saya sudahi dengan *Wabillahitaufik Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Pinang Tunggal, Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak tangguhkan Dewan dan kita akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti. Kesilapan, perlu ulang untuk tujuan rekod. YB. Pinang Tunggal, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya hendak tangguhkan Dewan dan kita akan bersidang semula pada jam 3.00 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.15 tengahari.***

***Dewan disambung semula pada jam 3.00 petang.***

#### **Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

#### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Dewan disambung semula. YB. Sungai Acheh, silakan.

#### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Negaraku Malaysia, Sehati Sejiwa. YB. Dato' Timbalan Speaker dan seluruh rakan-rakan ahli mesyuarat yang dihormati sekalian. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk memulakan perbahasan berkaitan dengan belanjawan 2018 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 2hb November.

YB. Dato' Timbalan Speaker, bajet yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Air Putih telah pun dinamakan sebagai Bajet Marhaen atau Belanjawan Marhaen. Masa pembentangan yang dibuat oleh Y.A.B. Air Putih, kadang-kadang sebutannya tak jelas. Nak sebut marhaen ke marhen ke saya tak tau, takut hilang maknanya. Namun begitu YB. Dato' Timbalan Speaker, setelah bajet dibentangkan, ramailah rakyat di kalangan orang-orang kampung kata bajet ini bajet orang biasa. Di kira marhaen ni dikira biasalah. Dan sudah tentu maksudnya nak bagi orang biasa ni seronok dengan bajet ni. Tapi ada juga setengah-setengah orang kampung kata bajet marhaen ni bajet biasa. Bajet yang tidak ada peningkatan, bajet yang tidak ada kualiti. Marhaen, marhaen, biasa la, takdak luar biasa. Bagi saya cakap dulu YB. Perai. YB. Perai pun dengar dok tengok *handset*, saya dok bercakap. Kata nak tumpu saya bercakap. Ambil nota. Jadi orang kampung buat perbandingan bahawa bajet marhaen ini bajet biasa yang sudah tentu tak dapat menandingi bajet yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Pusat. Tahniah kepada Kerajaan Pusat kerana berjaya membentangkan satu bajet yang luar biasa yang telah memikat ramai rakyat, pembayar-pembayar cukai khususnya.

YB. Dato' Timbalan Speaker, kita Ahli-ahli Dewan baru-baru ini telah didatangi dengan suasana yang mendung, sedih kerana banjir yang berlaku di Negeri Pulau Pinang dan isu banjir di Pulau Pinang menjadi isu yang cukup besar. Sebab itulah YB. Padang Kota telah tampil membuat usul tergepar kaitan banjir dan sebagaimana kita sedia maklum, usul yang dibawa itu telah mendapat sokongan padu dari semua Ahli Dewan, tahniah.

Dalam isu ini YB. Dato' Timbalan Speaker, saya sebagai salah seorang rakyat di Pulau Pinang ini yang pertama sesungguhnya, saya amat simpati yang amat sangat kepada rakan kita YB. Penanti, dia tak ada, mudah-mudahan dia dengar. Kadang-kadang YB. Penanti sering menimbulkan isu banjir ini dari dulu lagi. Dan dalam sesi sidang sudah, YB. Penanti menangis teresak-esak kerana banjir yang berlaku di kawasannya tidak ada pembelaan sebenar daripada rakan-rakannya Kerajaan Negeri. Sedih dan kesian sekali. Beliau meminta secara serius bantuan daripada Kerajaan Negeri supaya dapat menyelesaikan masalah banjir yang sering berlaku di dalam ADUN Penanti dan jawapannya rakyat melihat seolah-olah Kerajaan Negeri tidak respon langsung pada Wakil Rakyat Penanti yang kebetulan ADUN Penanti juga merupakan dalam pakatan, dulu Pakatan Rakyat dan sekarang Pakatan Harapan. Maka, musnahlah harapan bila punah harapan, maka harapan itu tidak berpakat lagi. Kesian dan kesian. Apa tidaknya, mula Pakatan Rakyat, kerana tak sesuai nama boh Pakatan Harapan. Kalau dulu YB. Dato' Timbalan Speaker, kalau anak-anak kecil ni, kalau dia suka teriak malam, dia ubah nama. Dari dia Dato' Mokhtar kepada Dato' Ishak kerana nak elak daripada nama, nak elak daripada sakit teriak. Barangkali inilah sebabnya Pakatan Rakyat ini diubah Pakatan Harapan kerana dah tak boleh dah nak bergerak. Maka hiduplah dalam satu harapan yang harapannya telah musnah. Tahniah.

YB. Dato' Timbalan Speaker, kemudian baru-baru ini Y.A.B. Air Putih telah menangis dengan satu perasaan yang cukup sedih. Saya tak tau samada berlakon atau tidak. Ada setengah rakyat kata berlakon, ada setengah rakyat kata tidak berlakon. Ni rakyat kata YB. Seri Delima. Tetapi bila Y.A.B. Air Putih ini menangis dan *divirakan*, respon cukup hebat. Perdana Menteri turun mai, Timbalan Perdana Menteri turun mai, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri, Nor Omar Menteri apa? Menteri Perumahan dan semua pemimpin pembesar dari Putrajaya turun mai. Hasil respon kepada Y.A.B. Air Putih menangis. Wahai YB. Penanti, kesianlah kamu YB. Penanti, kamu menyokong mereka, tapi mereka tidak memberi respon atas tangisan kamu wahai YB. Penanti, sedih tidak terhingga, dan, kebetulan pemimpin-pemimpin besar yang datang sama ada termasuklah pemimpin dari Kuala Lumpur, Putrajaya dan seluruh negeri. Mereka merupakan adalah pemimpin Barisan Nasional yang dulu Y.A.B Air Putih cukup marah sungguh. Saya merujuk kepada YB. Pinang Tunggal tadi, dia '*naik syeikh*' tunjuk gambar tapi sebenarnya ada ulasan lagi. Bayangkanlah bila Dato' Seri Zahid mai, Ahli Kawasan Air Putih berpeluk-pelukan yang cukup penuh dengan kemesraan. Saya tak tau sapa peluk rapat, Lim Guan Eng ka peluk rapat atau Zahid Hamidi ka tak tau. Tapi ramai depa kata Y.A.B. Air Putih peluk lebih rapat. Tapi ada juga kata Dato' Seri Zahid Hamidi peluk rapat. Tapi saya tak tau Dato' Timbalan Speaker, semasa peluk yang rapat itu apakah bisikan sebenar yang mereka bisik tanpa diketahui oleh YB. Seri Delima. Adakah mungkin atas kesanggupan pemimpin besar mai ke sini, Y.A.B Air Putih bisik 'takpa lepas ni aku ikut hang', bahasa kampung. Saya tak tau lah. Pasal depa dekat, tak siapa *nobody* boleh dengar. Termasuklah Timbalan Ketua Menteri II pun tak diberitahu secara bertulis. Mungkin depa pakat apa saya tak tau lah YB. Perai. Berhati-hatilah YB. Perai. Jadi takpa, apa pun takpa. Kita nak menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat ini tanpa mengira parti, tanpa mengira kaum, tanpa mengira agama, atas dasar kemanusiaan, mereka sanggup turun padang untuk membantu. Mana-mana rakyat walaupun rakyat Pulau Pinang diperintah oleh Pakatan Harapan atau tunjangnya DAP.

Dan selepas itu YB. Dato' Timbalan Speaker, hari Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak, saya dok dekat dengan Y.A.B. Air Putih. Ada gambar ambil. Gambar saya dok dekat Ahli Kawasan Air Putih tu. Ahli Kawasan Air Putih dok sini, Y.A.B., depan ni, depan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ha yang ni ka Yang Berhormat. Yang ni, cincin, pegang cincin ka? Saya nak tanya pegang cincin ka?

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ni gambar saya ni, bukan koman. Saya dok depan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Ambil lah.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ni nampak. Macam mana pelancongan tak nampak? Pelancong tak mai la lepas ni. Ni dia..tu. YB. Batu Maung tengok la. Yang ni Y.A.B. Air Putih, yang ni Sungai Aceh, bukan Perai..tu. Ni nak bagitaulah. Kalau dah tau saya tak bagitaulah. Nampak ni.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tak nampak muka pun.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tak nampak, belakang sebab yang kamera ni mungkin Y.A.B. ni bayar lebih, saya bayar sikit, gambar saya belakanglah. Saya kata mungkin. Bayangkan, macam mana Lim Guan Eng pegang, bukan pegang gitu ja. Tu pegang dua tangan, dua-dua belah tangan. Yang saya bimbang takut tersentuh cincin berlian tu. YB. Batu Maung dok sebut tu. Tak tau lah. Tanya Ahli Kawasan Air Putih beretuh tak..saya pun tengok takda..yang dulu la punya marah takda kira dah. Tu yang kata, orang Islam kata, Allah Taala Maha Kaya. Tak marah tapi nak cerita sebab apa sebelum ni kami kena teruk dalam Dewan ni. Kami rasa macam nak bisik kat Datin Seri Rosmah, tak boleh dok kata kat kita tapi tak gamak, bukan cara tu sebab orang Barisan Nasional ni baik-baik belaka, kita nak harmoni. Apa tak da. cuba kena belah kami, satu dunia hangpa *viral*, minta maaf, tengok YB. Dato' Timbalan Speaker, jawab dah, hat yang Dato Najib tak tunjuk pasai apa nampak sangat nanti kena fitnah. Tak pa, jadi tak pa, jadi ni nak bergambarkan bahawa muka ini yang pernah dimaki hamun dicaci oleh pihak tertentu mai juga, inilah sifat berjiwa besar orang Islam dari Parti Barisan Nasional yang akan menang majoriti terlebih. Ini sebenarnya beri markah kepada Barisan Nasional rakyat tengok, ini pun produk pelancongan jangan duduk main-main, nak habaq orang *Penang* ni harmoni berkelahi macam mana pun okey. Macam YB. Seri Delima berkelahi dengan YB. Teluk Bahang, P. Ramasamy berkelahi lama dah. Tapi di luar depa boleh makan sekali, harmoni YB. Seri Delima.

Jadi lupalah, toksah kata dah lah lepas ni, saya mintalah hat pembangkang toksah kata lebih-lebih dia ada had. Sebab dalam politik ni, tok ayah saya ajar, saya ingat, Pak Sheikh pun ajar kat Malik tu, kerana kita sama-sama zaman Ketua Pemuda, dia tidak ada kawan yang kekal dan tidak ada musuh yang kekal, awat tidak tu Tun Mahathir pi tang lain begitulah cerita dia kan. Tak mustahil Lim Guan Eng mai dengan Najib, tak mustahil saya cakap kuasa Allah masa tu, Malik nak duk tang mana? Ingat habis-habis takut tertinggal.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, Terima kasih, betul tak YB. Sungai Aceh ada pepatah Melayu mengatakan paku dulang, "Paku serpih, mengata orang dia yang lebih".

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Yang ini saya ingat bekas pensyarah Pusat Negeri, Prof tahu kot makna dia, terima kasih. Dan Kerajaan Negeri pun telah bersetuju nak bagi wang ehsan Kerajaan Pusat sekarang ni dah hantar macam-macam barang hari ni saya berpuluh-puluh treler mai hantar, Biro Kebajikan pun ada yang melalui Dato' Azeez pun ada terlalu banyak membantu mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang sepatutnya selepas ini YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, Dewan ini buat satu usul tergepar mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat walaupun kami marah kat hangpa tetapi hangpa tetap menyokong dan membantu kami, ayat aturlah nanti YB. Malik akan atur nanti. Malik, Batu Maung, YB. Batu Maung kena buat usul, hari tu buat usul tergepar YB. Padang Kota dia bakal Ketua Menteri lepas ini YB. Pantai Jerejak nak pi Johor ka mana, Parlimen jadi YB. Batu Maung lah buat usul tunjuk kebolehan, kemampuan YB. Batu Maung saya cabar. Yang tu bukan kerja dia, Timbalan Ketua Menteri bukan macam tu kan? Dia kena *firm*, berani.

Jadi Kerajaan Negeri dah setuju yang hat berlaku September dulu ka nak bagi RM400. Lepas tu hat yang baru pula RM500, tidak bolehkah bagi sama YB. Dato' Timbalan Speaker, kasihan, sat ni yang hat RM400 kata nanti sat dulu pelancongan saya nak sebut, jadi baru nampak adil walhal yang hat rosak tu terutamanya yang banyak kawasan YB. Dato' Timbalan Speaker, ingat saya duk berjuang habis-habisan, depa tak respon tak *respect*, kawasan YB. Dato' Timbalan Speaker, banyak. Bagi adil bagi sama lah sat ni rosak sama, kalau air dah masuk dalam rumah ni dia rosak sama saja, peti ais pun rosak, peti ais rosak, kerusi-kerusi yang sedap semua rosak tilam rosak, sama hat September rosak hat ni pun sama, pasal apa nak bezakan untuk RM400, RM500, bagi lah.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Penjelasan, YB. Sungai Aceh, September 19 yang terlibatnya kawasan yang tak sama macam kawasan Batu Lancang September 15 ada berpuluh-puluh rumah terlibat tapi kali ni hanya 40 rumah kedai saja yang terlibat, tak sama. Macam YB. Jawi pun sama dan YB. Bertam kelmarin pun kata tak terlibat so itu bayaran tak sama.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

EXCO Pelancongan jawab macam tak ada kualiti ja. Begini, walau tak sama dari jumlahnya tetapi hat rosak ni sama. Kalau kayu kerusi dah rosak dia tak boleh pakai dah, kena tukar TV sama la kalau air masuk, tak apa lepas ini pergi saya bagi satu tarbiyah didikan kepada pelancongan nak nilai macam mana orang masuk air ataupun jom pergi tempat banjir duduk dua hari sana tengok macam mana rasa.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta penjelasan Yang Berhormat, saya pun tak tau *figure* RM400 dan RM500 tu ambil daripada mana, adakah Yang Berhormat rasa Kerajaan Negeri yang tidak ada pengalaman pentadbiran dia *simply pluck the figure...*(dengan izin) ataupun dia kira satu rumah *average* berapa banyak yang rosak, sebagai contoh kalau tengok pukul rata pun TV pun dekat RM1,000 satu peti ais pun dekat RM1,000, dapur lagi tak kira, kusyen tak kira, pinggan mangkuk yang pecah tak kira, habis-habis kuat satu rumah boleh sampai RM10,000 peralatan, kereta yang kena *overhaul* pun tak kira lagi, so dia orang macam mana dia orang buat, agak-agak depa ada dak pengalaman tu? Saya tak kata lah Tok Mud kata.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih, yang depa sebut tidak pengalaman YB. Dato' Timbalan Speaker, sebab marhaen. Marhaen tak ada pengalaman lah tak apa jadi saya nak mencadangkan saya mencadangkan yang nak bagi Kerajaan Negeri saya sekurang-kurangnya orang yang jadi mangsa banjir menyokong, membela mereka tapi pelancongan tidak membela mereka yang menimpa banjir. Saya nak mencadangkan RM400 jadi RM500 supaya bayar semua senang, siapa tak adil siapa tak boleh kata tak adil. Lepas itu saya nak mencadangkan juga sekarang ini bila banjir rumah kotor hat rosak, rosaklah hat kotor tu dulu nak bersih dan sudah tentulah nak bersih menggunakan air. Jadi nak cadang kepada Kerajaan Negeri supaya pembayaran bil air dua (2) bulan dikecualikan kata kita nak membantu mereka. EXCO JPS tak *respond* pun, tak pa lah sat lagi lah.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):**

Bukankah Y.A.B. Ketua Menteri sudah mengumumkan bahawa rumah-rumah kediaman diberi 50% diskaun dan juga WCS dikecualikan, bagi rumah komersial 25% dikecualikan, itu pun kira hitung panjang pun sudah RM10 juta. Kerajaan Pusat sehingga sekarang tak bagi apa-apa duit pun jangan kata RM500.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya minta dua (2) bulan, CM 50%. Saya minta tak sama bukan kalau ikut buat ilmu hisab matematik tidak betul lah hat saya, saya. Tengok YB. Dato' Timbalan Speaker, baru berbaik dah pertikai dah Kerajaan Pusat bagi lah masa tak dan nak buat apa lagi kata ikhlas. Baru JKR EXCO, ha peluk pun tak habis lagi bau peluk pun masih ada. Saya malam tu YB. Dato' Timbalan Speaker, saya sempat pergi jumpa saya peluk tak percaya tengok gambar, tapi saya rasa saya peluk berbeza di antara Lim Guan Eng dan Dato Seri, saya nak tunjuk gambar, (ketawa) betul. Saya bukan reka cerita, izinkan YB. Dato' Timbalan Speaker, ini perabih kita, kita belum tentukan kan, bagi peluang, dengan izin YB. Dato' Timbalan Speaker, saya nak tunjuk gambar. Gambar lari dengar Rayer pasal apa...(gangguan). Tidak apa bagilah peluang...(ketawa) nampak bukan peluk kuat-kuat, masih hangat-hangat, pelukkan, saya pun bisik kat dia, saya kata Dato Seri berhati-hati pelukan Lim Guan Eng, sat ni kot bahaya, saya suruh hati-hati, dia kata tak apa sebab dia nak mai kat kita...(gangguan) Betul? Dulu kan kita bersama, saya, *you* YB. Batu Maung jadi, dulu sekali kita berlakon (gangguan) zaman Pak Sheikh. Ya! Berlakon di Dewan, lepas tu filem lain habis lah saya, YB. Batu Maung kena mengaku YB. Batu Maung kita bersama, jangan menafi. Ha sama, tapi dia belum habis, dia mai kot ni, cuma dia peluang kurang lebih sepatutnya jadi Timbalan Ketua Menteri tak jadi *seniority*, habis dia tak apa lah kita doa selepas ni, *Insya-Allah*.

Okey selepas itu YB. Dato' Timbalan Speaker, saya nak minta Kerajaan Negeri adakan peruntukan khusus untuk bantuan kebajikan ini tak mau nak tarik duit daripada vot di bawah peruntukan Pegawai Kewangan ka, vot Ketua Menteri ka, kita adakan khusus. Banjir tetap berlaku, sedikit dan banyak. 20 kali dah. Walaupun memanglah tidak ada di bawah Tabung TYT, korporat pun tinggal RM35,000 berapa pun. Yang ini YB. Pantai Jerejak kena usaha. Kena aktif. Dulu YB. Timbalan Ketua Menteri kami dulu dia cari duit banyak. Panggil untuk hendak bantu. Ini YB. Pantai Jerejak tidak tolong cari. Cari dia tidak boleh guna, dia bencana alam kan? Oh, kebakaran sahaja? Tidak apa, kalau begitu adakan tabung khusus. Siapa dia? Kalau saya tahu, saya tidak tanya YB. Pantai Jerejak. Saya tidak tahu, saya tanya YB. Pantai Jerejak. Tetapi tidak mengapa, maknanya YB. Pantai Jerejak secara tidak langsung telah menyokong saya supaya peruntukan bantuan untuk kebajikan ini diwujudkan khas sebab

tidak boleh menafikan bahawa Tabung TYT tidak boleh guna. Yang Pelancongan lagi sebut. Amboi. Okey tidak mengapa, kalau sudah wujud, terus wujud. Jadi saya harap itu. Dalam bajet tidak ada? Itu hendak letak di bawah mana? JKM? Di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ke? Oh, Kewangan? Terima kasih.

Jadi *Insyallah*, maknanya kalau banjir berlaku selepas ini, tidak ada masalah. Tidak payah dah pukul 3.00 pagi *you* hendak telefon Menteri Besar pula, kita sudah ada duit, Kerajaan Negeri mampu cari duit. Seterusnya YB. Dato' Timbalan Speaker, berkait dengan banjir juga, penghujung kita berpeluk, sayang *sayonara*. Iyalah *sayonara* kena peluklah bukan? YB. Dato' Timbalan Speaker, berkait dengan soalan saya, saya tanya pasal apa akhir ini bencana banjir sering berlaku dalam Negeri Pulau Pinang, kenapa dan apakah punca sebenar? Macam-macamlah punca, teknikal, saya baca (dengan izin), pertama, taburan hujan yang tinggi, kemudian pengaruh Taufan Doksuri, kemudian air pasang tinggi, tidak mengapa, yang itu adalah kehendak Allah SWT. Sebagai orang Islam semua adalah kehendak Allah SWT, betul YB. Dato' Timbalan Speaker? Ustaz saya dahulu. Tetapi kita sebagai manusia yang bersifat harus, yang diberi akal dan fikiran, yang sudah belajar tinggi, kena mencari jalan untuk mengatasi masalah ini. Sebab Allah SWT kata kena ikhtiar. Kalau tidak ikhtiar, kita duduk sahaja duit hendak datang begitukah, makanan hendak datang begitukah? Tidak boleh, kita kena ikhtiar. Ramai kumpulan pemikir dalam Kerajaan Negeri hebat-hebat belaka, sudah tentu ada pandangan tertentu untuk mengatasi masalah ini. Yang banjir telah berlaku hampir 20 kali. Betul? Hendak minta yang itu. Tidak mahu dah dok cerita pasal itu. Tetapi ada pengakuan juga di sini. Dia kata, "Sebahagian di sungai-sungai dan sistem saliran di dalam taman-taman dan kampung-kampung sedia ada tidak dapat menampung kadar jumlah air". Maknanya mengaku kelemahan. Longkang yang sedia ada tidak mampu untuk hendak simpan air, untuk air hendak mengalir. Kemudian, dari segi kadar aliran permukaannya, kemudian, yang berlaku di George Town terutamanya semuanya tidak direkabentuk untuk menampung air hujan. Sudah bagi pengakuan, *design* tidak buat awal-awal, untuk hendak tengok apa hendak berlaku ke depan, kita kena fikir ke depan. Sedangkan kalau kita hendak bina jalan raya pun kita fikir 20 tahun, 50 tahun ke depan termasuklah projek tebatan banjir yang dibuat sekarang ini, kerana fikir 50 tahun akan datang air naik sini, buat awal-awal. Kalaulah benda itu sudah berlaku, kita buatlah sekarang. Kita buat, yang kita dok perhabis duit hendak buat terowonglah, hendak buat apa lagi buat apa? Perkara ini tidak selesai, ini yang utama. Kalau sistem pengangkutan baik, terowong ada, tetapi insan-insan yang tinggal dalam Negeri Pulau Pinang ini hidup dengan tidak selesa dan tidak sejahtera, apa nilai dan maknanya? Orang boleh puji hebat kita ada terowong, kita ada pelan pengangkutan yang hebat tetapi manusia yang tinggal di sini cukup marhaen, marhaen, marhaen. Marhaenlah sebab teruk. Jadi kita kena fikir.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya parit, longkang, saliran itu dinaiktarafkan segera. Gunalah duit untuk naik taraf setidak-tidaknya kita ikhtiar. Kemudian dari segi penguatkuasaannya kerana YB. Dato' Timbalan Speaker, YB. Padang Kota juga pernah bagi pengakuan kerana pembangunan dan sama ada pembangunan itu halal atau haram. Yang haram ini kita kuatkuasa kerana pembangunan yang haram ini menjadi penghalang kepada pengaliran air yang menyebabkan banjir maka penguatkuasaan yang telah ada itu, bertindak untuk ambil tindakan supaya bonus RM2,000 tetap dapat tanpa dinilai cara macam lain.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Boleh bagi laluan?

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Boleh.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Sungai Aceh. Saya tertarik dengan isu banjir. Ramai sudah bercakap tentang isu banjir ini. Saya rasa Ahli Dewan yang mulia ini termasuklah kita semua masih ingat tahun sudah dalam ucapan Bajet 2017 telah diperuntukkan sebanyak RM220 juta untuk projek mitigasi banjir di Negeri Pulau Pinang. Kalau kita tengok, tempoh pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, sehingga ke hari ini kita boleh katakan 10 tahunlah. Kalau tahun sudah maknanya 9 tahun. Jadi soalan saya, selepas sembilan tahun baru hendak merancang projek mitigasi adakah itu satu inisiatif atau usaha yang baik untuk Negeri Pulau Pinang. Saya hendak tanya YB. Sungai Aceh? Adakah usaha itu sudah lewat?

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih YB. Penaga. Yang itu merupakan tindakan yang marhaen. Marhaen, biasalah. Kalau luar biasa, dia fikir ke depan, 50 tahun ke depan. Terima kasih. YB. Dato' Timbalan Speaker, termasuklah disebut juga masalah sampah. Jadi kita kena pertingkatkan kerja pembersihan.

Penguatkuasaan kena buat. Kemudian, kerapkan jadual pembersihan oleh agensi PBT atau swasta. Kemudian, kita kena pertingkatkan kesedaran rakyat. Mereka ini patut ditarbiyahkan. Jangan jemu-jemu sebab mereka juga ambil berat, tanggungjawab bersama untuk jaga kebersihan kerana ini merupakan tanggungjawab bersama.

YB. Dato' Timbalan Speaker, pasal banjir lagi. Saya ada buat pertanyaan, apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku di Kampung Surau, Sungai Udang dalam KADUN Sungai Acheh? Tadi jawapan lisan, YB. Padang Kota bagi, dalam KADUN saya dia tidak sebut pun Kampung Surau, Sungai Udang. Dia tulis Kampung Surau sahaja. Sebenarnya Kampung Surau di kawasan Dato' Maktar pun ada. Ada Dato'? Angguk, nampak? Kita cakap telus punya. Tidak mengapa, mungkin teknikal. Bila kata kena ambil berat banjir tetapi dalam tulisan ini buat tidak betul sahaja. Di situ bermulanya kita tidak ambil berat kepada soalan. Tetapi yang saya hendak bagitahu, di sini dia bagitahu banjir yang berlaku di Kampung Surau, Sungai Udang adalah disebabkan hujan lebat melebihi taburan. Faktor lain yang menyebabkan banjir tersebut adalah sampah yang terkumpul di perangkap sampah di pintu air Kuala Haji Ibrahim. YB. Dato' Timbalan Speaker, yang ini pun jawapan tidak betul. Kelmarin YB. Bertam kata, jawapan betul, buletin tidak betul. Betul? Kita minta YB. Seri Delima jadi peguam kita untuk saman buletin yang tidak betul. Sebenar YB. Dato' Timbalan Speaker, untuk direkodkan, bukan pintu air Kuala Haji Ibrahim, pintu air Sungai Udang Besar. Depa ikut dan hendak jawab sahaja. Ini macam mana? Kalau dalam Dewan pun bagi jawapan tidak betul, satu pembohongan. Yang sampah terlekat ini ialah pintu air Sungai Udang Besar. Saya tidak tahu kot dari segi nama JPS ada tertentu tidak mengapa. Tetapi yang Kuala Haji Ibrahim ini sebelah sana. Air-air yang banjir di Kampung Surau dia tidak melintasi ke Kuala Haji Ibrahim. Dia datang melalui jalan besar, Sungai Udang Besar. Kemudian, *Alhamdulillah* yang berlaku banjir 4 haribulan baru ini, saya pun pergi tengok, rupanya Kampung Surau tidak banjir. Kehendak Allah tetapi dalam ini saya hendak ucapkan terima kasih juga mungkin kerana saya buat soalan dewan pasal ini, JPS pergi bersihkan dah. Tanah angkat, sampah angkat. *Alhamdulillah*.

Jadi saya hendak mencadangkan dalam Dewan ini. Yang pertama, kita wujudkan satu lagi pintu air Sungai Udang Besar. Dia lebih kurang dekat-dekat Sungai Tok Tuntung ataupun Sungai Setar Besar. Tok Tuntung dan Sungai Setar Besar. Kemudian, pembinaan jambatan dan kok, orang Melayu panggil kok, takut tersilap. Yang sempit dan rendah ini menyebabkan tersangkut sampah-sampah banyak. Ini pembinaan secara haram. Semua adik beradik kita yang buat rumah menyeberangi parit itu, mereka buat kok. Satu kok, ada dua kok. Pelancongan tahu. Tidak tahu nanti saya bawa pergi tempat itu. Jadi bila banjir, sampah daripada Kampung Surau dan sebagainya sangkut di situ, maka menyebabkan pengaliran air tidak berjalan dengan lancar. Ini yang haram. Bermakna penguatkuasaan kena ambil tindakan. Kena ambil tindakan itu hendak bagi elok semua orang. Bukan hendak bagi selamat individu.

Kemudian, satu lagi kita hendak mencadangkan, terpulang kepada jabatan teknikal, kita belah jalan tar, jalan negeri, jalan Sungai Udang, supaya air itu mengalir pula ke Kuala Haji Ibrahim. Maknanya belah jalan, pakai kok besar ke apa ke, *whatever*, boleh? Ini hendak mencadangkan sebab dalam ini pun mereka jawab, untuk langkah masa panjang pula, JPS akan mengkaji, baru hendak kaji, reka bentuk sistem aliran dan perparitan dalam kawasan kampung tersebut bagi memastikan masalah banjir tidak berlaku. Saya ingat tidak payah hendak kaji dah lah. Saya mintalah ambil tindakan. Kalau hendak kait, tidak mengapa, boleh, pergi tengok cadangan saya, saya tafsir benda itu, kita buat segera supaya Kampung Surau, Sungai Udang tidak berlaku banjir lagi termasuklah kawasan-kawasan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, terima kasih kepada Kerajaan Negeri buat jambatan Tanjung Berembang. YB. Bagan Jermal. Yang baik kita kena pujillah. Itu orang Islam, dia tidak boleh menafikan. Terima kasih buat. Cuma tidak ikut jadual. Sepatutnya nak siap 2018 atas alasan proses pengambilan tanah yang terlibat di Kampung Tanjung Berembang yang belum selesai. Saya ingat apa masalahnya. Pejabat Tanah dan Daerah di bawah Kerajaan Negeri. Percepatkan proses, tenaga mahir ada, pegawai tanah ada, *assistant* dia ada, semua ada. Permudahkan. Kalau kata *federal* nak masuk buat tentu ada masalah sedikit, banyak liku-likunya. Kemudian operasi tindakan penguatkuasaan dan perobohan ke atas struktur bangunan sedia ada yang terlibat. Yang ini pun kuatkuasalah, yang lain boleh, banyak dah gerai-gerai di tepi jalan pi runtuh merata-rata dah dengan mudah, tak kan yang ini tak boleh buat. Jangan pula YB. Seri Delima kata setujukah nak suruh runtuh. Jangan kata macam itu. *Lawyer* ini dia pandai, sebelum dia kata kat saya, kalau kelmarin dia kata *lawyer* sama dengan *lawyer*. Nasib baik *lawyer* ini pun pandai, serah kat DAP selamat. Tetapi saya hendak cerita YB. Dato' Timbalan Speaker, orang kuat saya, Ketua UMNO Cawangan, Pengerusi JKP, saya nasihat dia suruh runtuh. Tanyalah Pegawai Daerah. Dia pindah pi tempat Dato'. La jadi pengundi Dato'. Dia pi di taman apa dekat Dewan Perda Sungai Lurus. Dah jadi pengundi Dato' dah tau. Kalau Dato' bertanding saya bagitau suruh sokong, tetapi tak boleh la sokong dah tapi atas Barisan Nasional lah. Dulu YB. Dato' Timbalan Speaker, sama kami Barisan Nasional, masa Anwar Ibrahim dulu, kempen berjabu. Jadi saya suruh, ikhlas saya cakap demi nak bagi projek walaupun



saya tahu projek Kerajaan Negeri tapi untuk kepentingan awam, *public*. EXCO JKR minta tolong, Dato' Mahmud tolong buat ini untuk kepentingan awam, tolong. Saya tahu lepas ini nak pilihan raya depa bubuh gambar Sungai Acheh, *confirm* dah, tetapi saya bantah dulu. Saya minta buat ikut Sungai Udang. Sebab untuk pengetahuan Ketua Pembangkang, saya kena *report*. Depa kata nak buat ini untuk memudahkan produk-produk nelayan dari Sungai Udang nak bawa pi ke kapal terbang ka, nak bawa pi hotel. Mudah. Kalau ikut nak mudah, buat ikut Sungai Udang, *cross* pi Byram, pi kot Jambatan Kedua dan pi ke *airport* dalam lima (5) minit sahaja dan hantar pi hotel Batu Feringghi pun dekat. Tetapi mereka kata kot situ dekat lagi. Saya tidak tahu macam mana depa buat.

YB. Dato' Timbalan Speaker, sebenarnya tiga (3) depa cadang, yang saya punya pun depa ambil. Depa kata Sungai Besar dan Tanjong Berembang. Saya dipanggil ke mesyuarat, Bagan Jermal panggil saya ke mesyuarat, terima kasih Bagan Jermal tetapi kalah la saya. Depa kata hat ini kos rendah lagi. Tak apa. Jadi untuk itu bila dah jambatan nak siap, sebelum pilihan raya, selepas pilihan raya, takpa sat lagi kita jawab. Bila dah nak siap, saya nak mintalah Jalan Sungai Acheh daripada pekan Sungai Acheh ke Tanjong Berembang itu diperbesarkan. Kalau tidak ianya tidak muat sebab ramai orang hendak lalu, orang Tanjong Piandang, orang Sungai Tiang, Sungai Chenaam, Sungai Tok Tuntung, Sungai Bakau, Sungai Tongkang, Batu Tiga, semua hendak lalu kot tu, jadi esok jadi sempit, jambatan ada tetapi laluan di situ sempit. Ada dua (2) sekolah jadi esok jadi ganggu, menghalang lalu lintas pada murid-murid dan pelajar di sekolah.

Kemudian yang kedua, saya ada mencadangkan, saya kata adakah perancangan untuk menghubungkan jambatan tersebut ke Kampung Sungai Udang melalui jalan ban tepi sungai, yang saya sebut tadilah, hat kawasan banjir itu. Sedangkan baru-baru ini, Y.A.B. Air Putih dah pi rasmi satu jalan, saya ingat JKR tahu, dekat Bomba sukarela. Dia panggil *state road*. Saya tanya ambil duit MARRIS ka, dak duit Kerajaan Negeri, takpalah. Kita hendak tahu duit itu ambil dari mana. Bila kita nak minta nak sambungkan jalan itu terus ke jambatan, ban besar, tetapi di sini dia jawab, setakat ini Kerajaan Negeri belum mempunyai rancangan. Jawapan ini betul atau tidak, sebab apa YB. Dato' Timbalan Speaker, saya sentiasa dihubungi oleh YB. EXCO JKR. Dia kata, Dato' Mahmud yang ini kita hendak perbesar dahulu, pasal kita hendak bawa ikan-ikan, udang-udang, sotong-sotong kot tu. Tapi kat sini jawab tidak, bercanggah. Depa tak tanya YB. Bagan Jermal dulu kah hendak jawab ini? Depa tak tanya lah tu, ambil tindakan. Yang Berhormat bagitahu dekat saya kan, kerana tiga (3) kali saya tanya Yang Berhormat, dalam bilik air saya tanya, sambil minum kopi saya tanya kerana saya hendak tahu perkembangan nak buat, tahu-tahu depa jawab tidak buat. Saya tidak tahu ini betul atau tidak betul, *wallahualam bisawab*. Jadi tak apa lah, betul ka tak betul, saya minta dicatitkan sebagai ADUN Sungai Acheh, saya nak minta perbesarkan jalan itu dan tar kan jalan itu. Sekarang jalan itu jalan ban yang saiznya saya ingat hampir-hampir 20 kaki lebarnya, yang sekarang ini pengusaha-pengusaha kolam menggunakan laluan itu dan laluan itu sekarang pun boleh terus ke Tanjong Berembang tetapi ia becak-becak sikit, sekarang baru cantik, kalau tidak tak sampai hajat niat nak bawa produk Sungai Udang nak bawa keluar. Terima kasih.

Berikutnya, YB. Seberang Jaya, tak ada, saya ingat Yang Berhormat pi ikut Tun Mahathir, tengok gambar ada tadi. Ikut Tun Mahathir tak ada pun, rugi. Macam Lim Guan Eng, pandai, dia ikut Najib, Najib ada. Dia nak jadi macam YB. Batu Maung, hendak tertinggal juga, kasihan. Baru-baru ini saya difahamkan YB. Seberang Jaya, EXCO Pertanian dan Kesihatan, dia pi di tapak pelupusan Pulau Burung di Byram dengan nelayan-nelayan yang bela ikan dalam sangkar, penternak ikan dalam sangkar yang mana kata kita punya hasil ternakan dalam sangkar yang terbanyak. Yang disebut terbanyak, tanyalah Dato' Jahara, kami buat dulu dah, dari Barisan Nasional lagi, masa tu baru sekaki sahaja. Saya tahulah, saya kerja apa dulu, kawasan saya Pulau Aman tu, tok sah bagi tau la ni cerita kat depa, belambak, tapi dia mai tumpang sekaki. Tak mau macam tu. Tak mau hargai, hargailah yang lepas. Jadi contoh kata YB. Malik sekarang jadi EXCO Agama, lepas ini Malik tak lekat dah, saya bukan kata, jadi kita kena hargai jasa Malik, jangan yang pegang EXCO Agama baru nanti kata, tak ada aku buat dah, walhal Malik dah rangka dengan Halal Hab dan semua. Kita jangan lupa, bukan Melayu sudah lupa wahai Batu Maung. Makan kismis yang dijampi itu, terang hati.

Difahamkan EXCO Seberang Jaya, Pertanian dia pi ke tapak pelupusan, dia nak bela penternak-penternak ikan dalam sangkar. Dia kata kerana air kotor tapak pelupusan ini lah yang menyebabkan ikan-ikan mati. Dalam saya dok bertanya ni nampak macam tak betul. Okey saya nak ucap. "Air kotor dari tapak pelupusan Pulau Burung mengalir ke laut menyebabkan banyak ikan mati, termasuklah ikan yang dipelihara dalam sangkar. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu ini? Tidak adakah satu kaedah teknikal untuk mengelakkan air kotor ini mengalir ke laut?" Jawabannya, antara Jabatan Teknikal yang memantau kawasan tapak pelupusan Pulau Burung seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan. Dan Jabatan Perikanan melaporkan tidak ada bukti konklusif bahawa kematian ikan dalam sangkar berpunca dari air kotor di tapak pelupusan tersebut. Perairan di sekitar sangkar ikan juga

mendapat kesan daripada lepasan dari Sungai Kerian dan Sungai Tengah yang mengalir masuk ke laut berdekatan tapak pelupusan.

Jadi YB. Dato' Timbalan Speaker, satu lagi EXCO muda, pemimpin muda yang hebat, yang dulu asalnya dapat pembelajaran daripada UMNO, dia belajar dari UITM, dia koman kan kami balik, dia nak pi lawan buat apa, sedangkan Jabatan Teknikal jawab kata tak. Ini orang cerita kat saya, penternak Sungai Udang. Dia sokong dua-dua, Seri Delima, sebelah sana dia sokong, sini pun dia sokong, dapat sorang setengah. Saya buat jeti nelayan, RM1.5 juta saya buat di Sungai Udang, depa pun tepuk kata hebat Dato' Mahmud, inilah pemimpin kita, wakil rakyat sebelum ini tak pernah buat. Sampai-sampai pilihan raya depa bubuh gambar Cikgu Bad, gambar saya depa tak bubuh, sungguh. Yang saya pi jaga, tatang depa, tetapi sekarang depa berubah dan sokong saya balik, lepas ini kita kalih semua. Sekarang gambar saya sudah naik cuma hendak diperturun semula. Sayanglah sebagai EXCO Pertanian yang hebat, yang mahir, yang ada pelajaran, pi bawa sangkar dan lawan macam itu. Sebab apa difahamkan bukan setakat air itu, dia ada air ladang kelapa sawit, air kilang-kilang banyak kat situ. Jadi maknanya pesan kat YB. Seberang Jaya jangan dok pi tak ketahuan, tanya orang siap-siap dahulu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan, boleh?

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Boleh.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih. Saya kira perkara ini walaupun kita ini dibawa dalam santai tetapi perkara ini *very serious* sebenarnya. Kerana di situ terdapat sangkar ikan yang banyak, dan ini merupakan satu industri yang agak besar di Pulau Pinang. Tidak boleh orang lain menuding jari pada orang lain yang tidak bersalah. Sudah sampai masanya Kerajaan Negeri, bersetujukah YB. Sungai Acheh, kita harus mengenal pasti siapakah punya angkara penyebab kepada kejadian itu, pencemaran itu. Sama ada kelapa sawit kah, tempat tapak pelupusan Pulau Burung kah dan sebagainya, kerana ianya perlu dikenal pasti dan diselesaikan, barulah industri ikan ini akan lebih menyerlah. Yang keduanya tak lah pula kita makan ikan yang telah diracuni oleh toksid dan sebagainya. Apa pandangan YB. Sungai Acheh?

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih Pulau Betong. Saya amat-amat bersetuju kalau kata tak ada pakar dalam Kerajaan Negeri, lantik konsultan untuk *check*, kalau tidak depa dok pelepas macam itu ja, kasihan. Kita dok agung-agung kata ternakan ikan dalam sangkar itu hebat tapi kita tak ambil berat, ramai. Jadi saya setuju sangat. Kalau ada masalah hendak cari konsultan jumpa kami, kami boleh tunjuk konsultan mana-mana.

Di sini ada dua (2) pasal ulasan YB. Dato' Timbalan Speaker, Yang pertama, pasal isu lesen hiburan. Saya ada buat pertanyaan untuk kelulusan sebarang permohonan lesen hiburan, Pihak Berkuasa Tempatan perlu atau tidak mendapat pandangan dari jabatan lain seperti Pejabat Daerah, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain jabatan berkaitan. Depa jawab, *Standard Operating Procedure*, SOP lesen hiburan di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan menetapkan ulasan dari jabatan lain perlu diperolehi selain dari jabatan dalaman, PBT, jabatan luaran seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba, Tenaga Kerja, duti hiburan, Perbadanan Perfileman Malaysia, FINAS, Kewangan dan lain-lain jabatan yang berkaitan. Saya nak cadangkan kepada Kerajaan Negeri pasal lesen hiburan ni telah menjadi satu isu yang besar. Semua tempat termasuk kawasan saya. Di kawasan saya sampai ada enam (6) atau tujuh (7) dok ada main hiburan tu yang tak masuk akal, penduduk tak ramai, tetapi yang menjadi mangsa adalah pelajar-pelajar kita. Pelajar muda tak kira apa bangsa sama ada India, Melayu, Cina menjadi mangsa, habis duit main dan sebagainya. Ada yang halal, ada yang haram tapi pasal tak ada logo macam JAKIM dok cop ianya halal atau haram. Lepas ini kita minta PBT ada cop yang halal dan haram.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):**

Ada rumah urut halal?

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria):**

Dia kadang-kadang halal kadang-kadang haram. Nanti saya jawab. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingat saya pernah jadi Ahli Majlis dua (2) penggal, bukan nak habaq riak tapi saya nak beritahu pengalaman kita, kalau dalam perkara ini, selalu kita ambil satu (1) jabatan yang penting iaitu jabatan PDRM. Dia tau pasal keselamatan. Saya dimaklumkan PDRM tidak menyokong. Betul Dato' Ketua

Pembangking? Ya sat lagi Dato' bangun saya nak habiskan nanti saya koma sikit, jadi kita pakailah hat dia sebab dia yang lebih arif dalam bidang keselamatan ini. Kalau dia kata tak sokong apa salah. Oh, keputusan kolektif, keputusan kolektif yang menidakkan orang yang mahir dalam bidang itu, rugi kita. Jadi saya nak mencadangkan selepas ini Jawatankuasa ini mesti bagi keutamaan ulasan PDRM. Kalau PDRM kata dia tak sokong dari segi keselamatan tolaklah, takkan kita nak dapatkan hasil itu boleh, boleh apa orang kata menentukan negeri Pulau Pinang kaya. Tak sikit sangat dari itu tapi walau kalau kita dapat cukai dari hasil itu tapi yang merugikan budak-budak kita yang belajar, masa depan mereka terbantut kerana depa dipengaruhi dengan suasana lesen hiburan itu. Sila Dato' nak cakap apa lupa dah? Sila. sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Sungai Acheh saya dah pun membangkitkan di dalam perbahasan saya. Jawapan telah diberi tentang soalan saya kenapa bila PDRM tidak sokong, Kerajaan Negeri masih lagi meluluskan lesen-lesen itu? Lebih 200 permohonan yang tidak disokong oleh PDRM tetapi diluluskan. Jadi ini menimbulkan persoalan kepada kita kerana tentu ada sebab-sebab yang kukuh kenapa PDRM tidak menyokong.

Satu perkara lagi ialah bila jawapan yang diberi lesen masih diberikan kerana tidak ada bantahan daripada penduduk sekitar dan tidak menyebabkan kacau ganggu. Isunya di sini bantahan hanya dibuat selepas naik pusat-pusat hiburan ini rumah urut, *snooker* dan sebagainya. Orang setempat tak tahu pun lesen itu nak dikeluarkan, tak ada dikeluarkan notis sebelum nak dikeluarkan kepada penduduk setempat bahawa lesen itu akan dikeluarkan di situ. Jadi bila dah keluar dah buat dan menjejaskan penduduk anak-anak muda di situ barulah timbul bantahan dan sebagainya. Jadi ini prosedur yang dah tak kena. Kalau projek-projek pembangunan diedarkan notis kepada tuan-tuan tanah bersebelahan bahawa projek ini akan dibuat di kawasan mereka, tentu kalau yang tak sesuai mereka bantah. Jadi prosedur yang sama seharusnya dibuat untuk lesen-lesen hiburan, pusat *snooker* dan rumah urut ini.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih YB. Dato' Ketua Pembangkang, saya setuju kita gunakan prosedur yang sama kalau kata nak lulus apa nama *layout plan*, *building plan* terutama *layout plan* selalu mereka minta ulasan daripada jiran-jiran tanah apa salah yang ini juga begitu itu dan termasuklah pemimpin-pemimpin tempatan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' Timbalan Speaker, YB. Sungai Acheh, saya rasa bukan kes ini sahaja di mana ulasan daripada agensi yang berkaitan yang paling layak untuk memberi komen tidak dipatuhi. Ada satu lagi kes yang lebih kurang sama juga di mana pihak Jabatan Alam Sekitar yang telah pun tidak meluluskan satu projek penternakan ladang khinzir di Valdor tetapi Ahli Majlis Mesyuarat MPSP yang bersidang pada 27 Mei 2015 telah meluluskan. Walaupun Jabatan Alam Sekitar tak meluluskan, so ini benda-benda yang berlaku hari ini. Seolah-olah pihak Kerajaan tidak mengendahkan langsung pandangan-pandangan daripada agensi ini. So, rasa mungkin ini yang kita tahu ada banyak lagi yang kita tak tahu YB. Sungai Acheh.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Apa nama YB. Pulau Betong kesian, Valdor ini tak silap saya ini kawasan YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan la kesian hat kawasan YB. Dato' Timbalan Speaker, pun depa tak hormat, kawasan YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan pun depa tak hormat. Oh, kesian.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Sungai Acheh sikit lagi nak bagi *clear* sikit, pada 27 haribulan Sungai Acheh pada 27 Mei 2015 dalam Mesyuarat OSC bilangan sepuluh (10) 2015, mereka meluluskan Pusat penyembelihan khinzir ini padahal Majlis Jabatan Alam Sekitar tidak membenarkan. So, ini untuk rekod YB. Sungai Acheh.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

So apa nama terima kasih, YB. Dato' Timbalan Speaker, mintalah Kerajaan Negeri ambil berat hal ini na ambil berat sikit, serius, secara serius janganlah kita kata apa Cekap, Akauntabiliti, Telus itu tak jadi macam itu na.

Satu lagi, ini kawasan saya ini kawasan bendang saya memang tak maulah wujud bangunan-bangunan atas bendang sebab Dato' Lan pun sebut bendang padi ini makanan utama kita, kita pun dok

makan kena *eksport* luar negara berapa puluh *percent*, 30? *Roughly* 30% itu bendang kita dok ada pun kita tak tanam padi. Kita buat lain. Saya menentang tapi apa boleh buat kerana ada satu cara dia *rezoning*, melayunya perlingkungan semula dibuat tapi biarlah kalau dalam perlingkungan semula ini dibuat pun rujuklah kepada jabatan utama yang lebih mahir pasal bendang.

Yang ini selalunya diputuskan dalam *State Plan Community*, SPC kan? Tapi sebelum itu ada Jawatankuasa Teknikalnya betul? Jadi dalam hal pasal bendang ini yang lebih mahir pakar ialah Jabatan Pertanian dan saya nak minta Pulau Betong dan ini tolong dengar sama dengan saya, dan saya nak cerita ini pasal SPC ini yang depa dok buat lulus pelan perlingkungan semula di tanah bendang kawasan saya, sedangkan Jabatan Pertanian tidak menyokong, ingat tak perjumpaan kita baru ini Dato' Jahara dalam PAC dalam mesyuarat PAC, Jabatan Pertanian mengaku depa tidak menyokong. Lagi sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta Penjelasan. Terima kasih YB. Sungai Aceh. Biasanya kalau permohonan untuk perlingkungan semula ini agensi-agensinya yang mempunyai yang merupakan *state holder* la seperti Jabatan Pertanian ini telah melaburkan peruntukan yang besar untuk menyediakan parit, tali air, kemudahan infrastruktur untuk pertanian akan mengalami defisitlah kepada kawasan-kawasan tanaman padi dan merugikan infrastruktur-infrastruktur yang telah disediakan dan juga defisit kepada kawasan penyediaan makanan untuk negeri kita tidak menjadi *sufficient* cukup bekalan untuk negeri. Jadi kita import dari luar, Dato' Sungai Aceh kata. Jadi ini adalah satu perkara yang penting sekali lagi menimbulkan persoalan tentang kepesatan pembangunan. Kenapa tidak dipelihara kawasan-kawasan tanaman untuk bekalan makanan yang telah disediakan kemudahan-kemudahan asas yang memerlukan peruntukan yang besar dan diabaikan prinsip ini. Jabatan tak sokong tapi Kerajaan Negeri terus luluskan, PDRM tak sokong Kerajaan Negeri terus luluskan, DOE tak sokong Kerajaan Negeri terus luluskan. Ini apa ini? Kerajaan apa yang kata CAT ini tadi? Ya, kepentingan siapa yang diutamakan? Ya *you got it right*. Kronilah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ini *floor* siapa ini? *Floor* siapa?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

*Floor* siapa?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Atas isu peraturan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dak dak *floor* siapa?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kalau saya bangkitkan isu peraturan. YB. Sungai Aceh sila duduk, duduklah bila bangkitkan isu peraturan YB. Sungai Aceh kena duduklah .

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Peraturan apa?

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Okey saya nak beri kuliah okey, saya minta YB. Telok Ayer Tawar menarik balik mementingkan kroni kerana ia merupakan tuduhan. YB. Sungai Aceh duduklah YB. Sungai Aceh nanti saya bagi kuliah 46.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Dato' Timbalan Speaker.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Telok Ayer Tawar *you said* kroni.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Tadi YB. Bagan Dalam kata sembunyi duit rakyat pun suruh tarik balik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tarik balik kenyataan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tak mau tarik balik.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sila sudah. Teruskan YB. Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Okey masa YB. Bagan Dalam cakap tadi YB. Seri Delima tak tengok buku ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Itu kenyataan Barisan Nasional ada kroni tak ada...(gangguan) Barisan Nasional ada kroni.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Peluang saya wahai YB. Seri Delima sila duduk dengan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang merompak rakyat, yang mencuri daripada rakyat...(gangguan). Yang merompak rakyat yang mencuri daripada rakyat Barisan Nasional...(gangguan). UMNO yang curi...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sila duduk. Teruskan YB. Sungai Aceh...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Eloklah seorang peguam, seorang Doktor Sr. depa pandai-pandai semua, orang yang tak pandai meleraikan ampa dua.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Silakan YB. Sungai Aceh. Silakan satu jam lima minitlah.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Oh, boleh dah nampak berikutnya YB. Dato' Timbalan Speaker, ini ada soalan saya berkaitan dengan apa rasionalnya Kerajaan Negeri mensyaratkan pembinaan pembahagi jalan di hadapan Jalan Seri Putra, Permatang Tok Mahat, YB. Dato' Timbalan Speaker, Taman Seri Putra ini pemajunya adalah JKP Sdn. Bhd. Di situ banyak taman yang besar, Taman Minamah, Taman Suria, Taman Seri Emas, banyak jumlah penduduk yang ramai. Tiba-tiba di taman ini pihak Kerajaan Negeri melalui JKR mensyaratkan membuat pembahagi jalan di depan itu dan sudah jadi *accident* masa percubaan itu kerana dari *traffic light* simpang sembilan ini kecil jadi sampai situ besar, jadi *accident* berlaku. Jadi ialah JKR jawab ini hebat juga lah dia ada dia punya dia tu kata mengikut perkara 481 buku fasiliti keselamatan Jalan JKR apa semua itu adalah cetakan 2014, maknanya 2014 dah ada cetakan itu, pasal apa taman lain sebelum ini tak buat? Pasal apa baru kena buat? Nak buat percubaan kot jadi saya nak cadangkan kalau nak buatlah juga penghadang jalan itu buatla, dilebarkan bermula daripada *traffic light* sampailah ke hujung sempadan Parit Buntar supaya depa lalu tu tak ralit, sebab kadang-kadang depa bawa lorong kecil sampai tu besar. Jadi *accident* banyak kali yang itu. Yang nak minta Kerajaan negeri ada masa lagi untuk runding.

Kemudian okey, YB. Dato' Timbalan Speaker, isu kecil tapi jadi besar. Di Taman Ilmu, di Taman Ilmu untuk pengetahuan Ahli Mesyuarat yang tak tau Taman Ilmu satu taman yang semua orang berilmu termasuk saya, sebelah dia ada USM, sebelah itu ada MRSM, Sekolah Kebangsaan Saujana, sekolah menengah, ilmu lah itu. Di Taman Ilmu di tepi Sungai Kerian ada jeti nelayan dan pondok nelayan, jeti nelayan dibina oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang pondok nelayan kutipan duit-duit nelayan sungai dengan duit wakil rakyat sikit bagi.

Sekarang ini atas kehendak Pihak Berkuasa Tempatan, MPSP dia minta pemaju JKPPP membina kolam tadahan, memang syaratlah dalam *Master Plan* dah ada dan depa buatlah. Bila mereka buat kolam tadahan sudah menghalang laluan nelayan sungai lebih kurang 25 orang ini nak pi ke pondok nelayan dan juga jeti nelayan. Jadi sebagai wakil rakyat bila depa mengadu saya panggillah Jabatan Teknikal yang terlibat nak duduk bersebang, bersantai, panggil nelayan cerita dekat dia. Jadi saya panggil JPS, Pejabat Daerah dan MPSP, okey jumpa nelayan. Jadi JPS mai, Pejabat Daerah mai, terima kasih pada Pejabat Daerah walaupun Pejabat Daerah di bawah Negeri tapi demi kepentingan awam pembayar cukai dia sanggup mai termasuk JPS, JPS ni dua alam, ada *Federal*, ada *State*, tapi depa mai juga. Tapi MPSP, depa tak mai. Hah tu tadi saya sebut tu. Kalau lepas ini YB. Batu Maung tak jadi EXCO Agama, lepas ini orang ni pegang, hormat jasa dia. Ni MPSP ingatlah jasa saya sama, dua (2) penggal jadi Ahli Majlis, buat keputusan dasar banyak, bantu hasil Majlis. Saya panggil pun tak boleh mai. Dia kata apa, ni saya buat nak baca saya buat soalan, "Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bolehkah saya menjemput pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai hadir dalam perbincangan untuk menyelesaikan masalah air?" Dia jawab boleh. Yang ini MPSP lah. Sebagai ADUN Negeri Pulau Pinang boleh menghantar, memang saya hantarlah, kalau tak boleh buat apa saya hantar? Lepas itu dia kata tertakluk kepada keperluan MPSP dari masa ke semasa, tertakluk kepada keperluan. Dia tak berani mai YB. Dato' Speaker. Bukan orang yang surat, saya tau orang yang surat kawan baik saya. Ha. Saya tau mungkin orang atas arah. Kalau wakil rakyat yang belah sana panggil jangan mai. Dan memang diceritakan, yang saya tak mau sebut siapa-siapa cerita. Tak boleh mai pasal Tok Mud ni Barisan Nasional. Kalau Tok Mud belah depa, mai. Tak telus lagi, tak cekap lagi. Mailah mai jumpa nelayan, cerita masalah kat nelayan, peraturannya. Tak begitu, Sr.? Ha. Sedangkan JPS boleh mai, Pejabat Daerah mai, dia cerita, syarat dia nak ni, kena buat macam ini. JPS pula kata kena buat macam ini. Legalah nelayan. Nie MPSP tak mai kerana yang panggil wakil rakyat yang bukan belah sana. Katanya Air Putih duk sebut dah, dia nak bagi apa pun dia tak kira dah hari itu. Ada sebut baru ni? Nelayan. Dia tak tau yang Barisan Nasional duk bagi lagi belambak, tak kira siapa, kadang-kadang depa lebih hebat. Dia tak unkit pun tapi nak cerita, cakap tak serupa bikin. Jadi janganlah buat macam itu wahai rakan-rakan Jabatan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, layanlah wakil rakyat mana-mana pun kerana kami dipilih oleh rakyat. Penggal depan *Insya-Allah* kami bersama di sana. Tak apa. YB. Dato' Timbalan Speaker, pasal nak lantik Speaker ini dia tak jadi wakil rakyat pun boleh. Kalau tak jadi depa tak calon pun saya akan mencadangkan kalau saya duk belah sana untuk jadi. Jangan main. Dengan izin Allah. Saya kata dengan izin Allah.

Jadi yang tu YB. Dato' Timbalan Speaker, saya minta maaf banyak-banyak YB. Dato' Timbalan Speaker. Akhir sudah bicara saya, salah silap maaf dipinta, wahai delima, suasana harmoni penuh sejahtera, kehendak Allah jua lain kali kita tetap akan berjumpa. Sekian *Wabillahitaufikwalhidayah, Wasalamualaikum wbt.*

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

*Waalaiikumusalam.* YB. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya dulu. Saya ada mesyuarat. Boleh saya dulu?

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sungai Dua pun nak balik. Yang mana dulu? YB. Sungai Dua dulu. YB. Sungai Dua sekejap ja.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sekejap ja. *Assalamualaikum WBT.* Salam Sejahtera, Salam Sehati Sejiwa. YB. Dato' Timbalan Speaker, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil Jabatan, rakan-rakan media seterusnya tuan-tuan dan puan-puan Ahli Dewan yang dihormati sekalian.

Pertamanya nak ucap terima kasih kepada YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, yang telah memberikan peluang kepada Sungai Dua untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2018

dan Usul Anggaran Pembangunan Negeri 2018 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Air Putih pada hari Khamis, 2 November yang lalu. *Alhamdulillah* bersyukur kita ke hadirat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah rahmatNya kita masih lagi berada di Dewan yang mulia untuk sama-sama kita berbincang dan berbahas dalam menyelesaikan isu-isu dan masalah demi kepentingan rakyat dan masyarakat dalam kawasan masing-masing. Tahniah kepada Y.A.B. Air Putih kerana pembentangan bajet kali ini telah berjaya mencatat sejarah dan mencipta rekod Negeri Pulau Pinang dalam tiga (3) aspek.

Pertamanya pencapaian bajet defisit paling tinggi dalam sejarah pembentangan bajet. 2016 RM292 juta, 2017 RM667.1 juta dan 2018 RM748.54 juta. Satu peningkatan yang agak tinggi sebanyak RM81.44 juta dan ianya tidak membanggakan kita semua. Tetapi seperti yang kita semua jangkakan bajet defisit akan berubah menjadi *surplus* atau lebihan pada setiap hujung tahun hasil daripada terimaan bukan hasil dan hasil bukan cukai yang akan diakaunkan pada setiap hujung tahun bagi menunjukkan *surplus* ataupun lebihan.

Bajet Perbelanjaan Mengurus yang tinggi dan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya akan dimasukkan kepada terimaan bukan hasil dan meningkatkan hasil secara mendadak. Yang kedua, Bajet 2018 juga menyaksikan perbelanjaan jumlah wang besar dalam sejarah Kerajaan Negeri khususnya dalam iaitu Perbelanjaan Mengurus RM1.252 billion. Dan yang ketiga, pengurangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018 iaitu daripada RM887.4 juta 2017 kepada RM684.9 juta 2018. Pengurangan RM202.5 juta ataupun 23%. Walaupun ianya telah berkurangan saya masih ingin mengucapkan tahniah kerana Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018 masih berada di tahap yang agak tinggi banding dengan jumlah mengurus 2018 iaitu 54.7%. Pecahan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018 berbanding 2017 dua jabatan agensi menunjukkan penurunan iaitu Pejabat Ketua Menteri dan juga pihak JPS. Lima (5) jabatan agensi menunjukkan peningkatan termasuk Jabatan Kewangan Negeri, dua jabatan tidak berubah iaitu Jabatan Veterinar dan juga Jabatan Pertanian. Peruntukan pembangunan 29.9% di bawah Jabatan Kewangan Negeri RM205 juta, 61.4% di bawah portfolio Pejabat Ketua Menteri RM420 juta dan 5.4% di bawah port folio Kerja Raya dan Luar Bandar JPS, JKR RM37 juta. Bagi portfolio peransang ekonomi dan lain-lain iaitu portfolio pertanian cuma 3.3% ataupun RM22 juta. Jadi fokus bajet Kerajaan Negeri 2018 sewajarnya dipinda, kurangkan belanja mengurus dan pertingkatkan lagi belanja pembangunan, kurangkan penumpuan peruntukan pembangunan di bawah projek Ketua Menteri dan lebihkan kepada projek dalam peruntukan dalam merangsang ekonomi seperti pertanian, pelancongan dan perdagangan. Kita lebihkan pembangunan yang bercorak kepada golongan marhaen seperti yang disebutkan oleh bajet Kerajaan Negeri kita nak lebih pembangunan kepada bidang tersebut.

Jika di Parlimen Malaysia Pakatan Harapan menyifatkan Bajet 2018 adalah bajet PRU-14, Bajet Negeri Pulau Pinang 2018 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Air Putih, juga adalah bajet PRU-14. Tak terdapat banyak perkara-perkara baru kecuali *card "I Love Penang"*, ini mungkin satu perkara baru, kemudian infrastruktur sukan yang agak tinggi, RM275 juta, Kolej Vokasional *one-off*, Daerah Seni ataupun KOTAK, inisiatif swasta, Program Penang Sihat dan juga penjagaan anak. Ini antara perkara-perkara baru yang diutarakan dalam Bajet 2018. Bajet yang saya lihat penuh dengan *rhetoric* dan bukan sumbangan sambungan penceritaan bajet 2014, 2015, 2016, dan 2017 dan dengan janji dan cadangan serta unjuran yang masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Dalam bajet 2017 Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengakui terdapat tiga (3) cabaran utama yang perlu dihadapi iaitu memperbanyakkan stok rumah awam, rumah mampu milik, yang kedua masalah kesesakan trafik dan yang ketiga banjir. Dan dalam Bajet 2018 saya tak nampak cadangan ataupun anggaran perbelanjaan untuk menyelesaikan ketiga-tiga isu tersebut secara berfokus. Dari segi tiga (3) isu yang saya sebutkan tadi iaitu perbanyakkan stok rumah awam, rumah mampu milik, masalah kesesakan trafik dan juga banjir.

Dan terdapat isu baru yang perlu diselesaikan dan diambil tindakan proaktif oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu isu penarahan bukit dan lereng bukit serta projek pembangunan di kawasan lereng bukit yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Iaitu sebanyak enam (6) projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri antara 2008 hingga 2015 iaitu projek di Paya Terubong, Tanjong Bunga, Batu Feringhi, Balik Pulau, Teluk Kumbar dan juga Bayan Lepas yang perlu diberi perhatian semula oleh Kerajaan Negeri dalam isu pembangunan di kawasan lereng bukit kerana ini perlu dilihat sebagai masalah yang mungkin akan dihadapi mana yang berlaku di kawasan Tanjong Bunga. Dan bajet untuk kelestarian alam sekitar hanya sekitar hanya berjumlah RM10 juta untuk 2018. Saya rasa tak mencukupi kerana bajet untuk berbasikal lebih tinggi daripada bajet untuk kelestarian alam sekitar. Berbasikal RM45 juta. Hanya sekadar nak membina lorong basikal, tempat berbasikal tapi untuk kita melestarikan alam sekitar hanya sekitar hanya berjumlah RM10 juta sahaja tahun 2018.

Bajet 2018 juga tidak menjelaskan sumber *revenue* yang baru Kerajaan Negeri selain daripada cukai langsung, cukai tidak langsung, hasil-hasil bukan cukai, bayaran perkhidmatan, perolehan dan sebagainya. Hasil cukai RM134.7 juta, hasil bukan cukai RM273.65 juta, terimaan bukan hasil RM95.35 juta berjumlah RM503.777 juta hasil bagi tahun 2018 jangkaan hasil. Jika kita bandingkan dengan hasil yang diperolehi tahun 2016 yang telah diperolehi. Hasil cukai 2018 adalah agak *realistic* dengan pencapaian kerana ada tambahan daripada jumlah RM134.777 juta. Bagi hasil bukan cukai 2016, kita dapat sebenar pencapaian RM579.79 juta. Dan dianggarkan 2018 hanya RM273.65 juta. Sepatutnya dinaikkan lebih tinggi kerana pencapaian tahun 2016 RM579.79 juta. Terimaan bukan hasil agak jauh bezanya pencapaian 2016 RM316.93 juta. Manakala 2018 anggaran hanyalah RM95.35 juta. Jadi jumlah hasil kalau kita ambil jumlah tahun 2016, pencapaian sebenarnya dijadikan sebagai anggaran hasil untuk 2018, kita akan dapat lebih kurang RM1,031.5 bilion hasil ataupun mungkin kurang, mungkin RM900 juta. Tapi kita cuma masukkan 503. Sebab menjadi selalunya bajet ini, kita akan gunakan pencapaian hat lama yang lama sebagai penanda aras untuk kita buat bajet yang baru. Saya tidak tahu Kerajaan Negeri gunakan kaedah mana, untuk kita dapatkan anggaran hasil bagi tahun 2018. Kalau kita masukkan jumlah yang sama macam 2016, contohnya kita akan dapat RM1,031.5 bilion, jadi kita akan berjaya mengurangkan defisit yang agak banyak. Dengan defisit yang sedia ada, RM748.5 juta kita boleh kurangkan kalau kita masukkan RM1,031, kita akan kurangkan defisit kepada RM220.8 juta. Jadi saya tidak pasti macam mana Kerajaan Negeri menyediakan bajet. Sama ada dia gunakan kaedah apalah, mungkin mungkin kaedah-kaedah yang tersendiri yang saya rasa kadang-kadang tidak rasional untuk kita laksanakan.

Dalam Bajet 2015, 2016 dan bajet-bajet sebelum ini yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri, apa yang saya lihat Kerajaan Negeri sentiasa meningkatkan anggaran perbelanjaan mengurus. Walaupun pencapaian tahun sebelumnya agak rendah, tapi dalam bajet terus meningkat. Ini atas dasar apakah peningkatan ini dibuat. Kemanakah lebih daripada peruntukan yang tidak dibelanjakan dimasukkan? Selalu disebut perbelanjaan berhemah sebab *open tender*, kita boleh jimatkan. Tetapi saya nampak kadang-kadang dia tidak termasuk pun benda-benda macam itu. Belanja mengurus diletakkan cukup tinggi, dan tidak dapat dibelanjakan akhirnya ataupun tidak dapat dihabiskan. Ini yang dalam penyediaan bajet, pencapaian 80% ke atas wajar ditingkatkan, kalau bajet tahun itu, tahun lepas tercapai 80% lebih, tahun akan datang kita akan tingkatkan dari segi perbelanjaan, dari segi anggarannya. Tapi yang hanya capai 70% dan ke bawah, tidak wajar ditingkatkan kerana ianya terlalu rendah pencapaian dan terlalu tinggi kita letakkan anggaran perbelanjaan. Jika ianya dikembalikan kepada hasil bukan cukai, ini bermakna hasil bukan cukai akan meningkat dan Kerajaan Negeri mampu nampak bagus dari segi penjimatan ataupun perbelanjaan berhemah, khususnya berupaya memperoleh pencapaian bajet lebihan setiap tahun.

Pertumbuhan pesat sektor pertanian dalam buku belanjawan, saya nampak agak kurang jelas dan mohon diperjelaskan lagi pecahan sumbangan sektor pertanian selain daripada sektor penternakan ikan laut. Antara sektor pertanian lain yang ada di Negeri Pulau Pinang adalah tanaman padi, tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan, ternak air dan sebagainya dan termasuk IOT. Mohon dapat diperjelaskan dan dipecahkan sumbangan sektor-sektor pertanian lain yang merencanakan pertumbuhan sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang.

Pembangunan seimbang, pihak Y.A.B. Air Putih telah menyentuh berkaitan pembangunan berimbang yang telah dibelanjakan untuk pembangunan infrastruktur di Negeri Pulau Pinang daripada tahun 2008. Sejumlah RM3.1 bilion telah dibelanjakan dan 77% ataupun RM2.3 bilion dibelanjakan di Seberang Perai, dan sebelah Pulau sebanyak RM0.8 bilion. Saya tidak begitu nampak projek-projek besar yang dilaksanakan di kawasan sebelah Seberang Perai yang berjumlah RM2.3 bilion daripada 2008. Khususnya di kawasan DUN sayalah, di kawasan Sungai Dua. Saya mohon untuk disenaraikan projek-projek infrastruktur sebelah Seberang Perai berjumlah RM2.3 bilion ini, satu persatu untuk kita lihat dari segi jumlah pembangunan seimbang yang diutarakan oleh Y.A.B. Air Putih.

Ruang awam dan pembinaan komuniti dari segi ruang awam dan pembinaan komuniti, saya tidak jelas apa yang akan dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri dan pihak PBT dan berapa bajet yang disediakan untuk tujuan ini, pohon dijelaskan. Adakah ianya akan dibangunkan oleh swasta, semata-mata dengan timbal balas dan kemudahan yang bakal diberikan kepada syarikat swasta tersebut.

Pulau Pinang aktif dan sihat RM45 juta untuk menyediakan Pulau Pinang negeri berbasikal. Jumlah bajet yang dimasukkan dan dibentangkan oleh Y.A.B. Air Putih adalah RM45 juta. Hasrat untuk membina lorong basikal, telah dilancarkan pada tahun 2012 selepas lima (5) tahun hanya kalau silap boleh dibetulkan hanya 12.5 kilometer disiapkan dengan kos RM30 juta. Pembinaan pun nampak tidak berapa cantik, tidak berapa kemas dan membahayakan penunggang basikal. Dan kosnya juga agak



terlalu tinggi walaupun dilaksanakan oleh pihak swasta. Dan dalam bajet 2018, Pulau Pinang aktif dan sihat RM45 juta dibajetkan untuk menjadikan Pulau Pinang negeri berbasikal.

Y.A.B. Air Putih menyentuh tentang Wawasan Pulau Pinang sebagai negeri berbasikal dan daripada bajet yang dibentangkan RM45 juta. Berapakah yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Berapa pula yang dikeluarkan oleh pihak swasta? Dan juga berapa panjang koridor basikal yang akan dibina dengan peruntukan RM45 juta sebab dalam bajet dimasukkan 21.2 kilometer telahpun siap dibina.

Sukan menyatukan rakyat. Niat Kerajaan Negeri membina kompleks sukan bersama-sama pihak swasta amat dialu-alukan. Tumpuan Kerajaan Negeri dalam sukan hanya berfokus kepada pembinaan gelanggang badminton, 82 buah dan kolam renang, 4. Hoki, 1, sebuah dan bola sepak 1 buah, RM2.5 juta. Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan pihak swasta untuk setiap pelaksanaan dan pengurusan projek ini dilaksanakan. Ini saya rasa baik untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tapi apa yang nak dibangkitkan adalah jumlah dalam RM275 juta, tetapi kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah cuma RM233 juta. Pihak swasta RM22 juta dan yang telah siap RM20 juta itu dimasukkan dalam anggaran bajet. Jadi saya nak penjelasan. Betulkah angka RM275 juta ataupun dikurangkan RM42 juta? Sebab swasta yang bangunkan RM22 juta, dan telah siap RM20 juta. Yang mana yang satu yang betul. 275 ataupun RM233 juta?

Dari segi sukan juga saya nak bangkitkan tentang isu pasukan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang yang saya rasa dah semakin corot, semakin, semakin corot. Saya antara peminat dahulu. Zaman tahun 70an, 80an sering berada di stadium melihat masa itu, Jelani Wilastra, Salahuddin Che Rose dan sebagainya. Zaman-zaman. Shukor Salleh sebelum itu lagi. Jadi saya nak, kalau boleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyusun sesuatu strategi pendekatan macam mana kita nak tingkatkan prestasi bola sepak Pulau Pinang yang semakin hari semakin merosot. Sekarang sudah terkeluar ke Liga Super. Super ke Perdana. Jatuh ke Liga Perdana. Sebelum ini Super, jadi perlulah kita ada barisan-barisan pemain pelapis yang hebat-hebat di bawah Piala Presiden dan sebagainya, kita perlu melibatkan pemain-pemain yang lebih bersemangat tinggi untuk menyertai pasukan bola sepak Pulau Pinang. Cadangan bagi saya jadi *coach*. Pengurus. *Coach* tidak boleh, pengurus boleh.

Seterusnya tentang pembangunan kemahiran modal insan, RM75 juta untuk *Stamp*. Saya nampak program-program yang dilaksanakan adalah program yang telah dilaksanakan dulu. Program-program lama yang telah dibuat seperti mana tahun 2016 dan 17. Saya tidak nampak tumpuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membuat persediaan untuk menghadapi revolusi industri 4.0. Untuk revolusi industri 4.0, kursus ataupun program perlu disediakan untuk melahirkan modal insan...(gangguan).

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tidak apa, saya nak buat usul. Tapi, saya pun nak buat komen saya memang terima kasih atas cadangan baik daripada Yang Berhormat daripada Sungai Dua tentang masalah bola di Pulau Pinang. Memandangkan bahawa Yang Berhormat begitu minat, mungkin Yang Berhormat boleh mengambil alih tampuk itu FAP untuk menunjuk macam mana ini dapat dilakukan. Saya rasa dengan kemampuan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat, di mana memang telah diakui bukan macam ADUN-ADUN lain daripada sebelah sana, memang saya rasa ini adalah tugas yang boleh diambil dengan baik oleh Yang Berhormat. Tapi sebelum ini, saya nak buat usul.

Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, selaras dengan Peraturan-6A (1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini, 10 haribulan November 2017, hari Jumaat dilanjutkan sehingga jam 11.00 malam.

#### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan.

#### **YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mohon menyokong usul ini. Terima kasih.

#### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 60A, 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 10 November 2017, hari Jumaat sehingga jam 11.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, katakan "Ya".

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya"

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, katakan "Tidak". Sebulat suara. Sila teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) :**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Sungai Dua, setuju dengan cadangan Ketua Menteri, terima tawaran itu untuk jadi pengurus pasukan bola sepak Pulau Pinang. Datang daripada Ketua Menteri, jangan main-main. Datang daripada Ketua Menteri.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Boleh dipertimbangkan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tapi saya nak minta Ketua Menteri kalau boleh pertimbangkan jugalah dengan syarat dia kena lompat belah sini dululah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tidak. Tidak. Saya rasa itu tidak ada politik. Kerajaan Negeri tidak ada buat syarat-syarat politik. Kalau YB. Sungai Dua rasa boleh, ini saya rasa sesuatu yang kita pun tidak akan halang, kerana kita yakin dengan prestasi YB. Sungai Dua seperti yang saya sebut tadi bukan macam YB.,YB. lain dari sebelah sana. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Lain macam. Okey, kita teruskan sikit lagi. Untuk Revolusi Industri 4.0, kursus ataupun program perlu disediakan untuk melahirkan modal insan yang mencukupi tenaga mahir yang mencukupi dalam bidang robotik, komputer, mesin, *programming* dan sebagainya. Kita mengharapkan sangat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang sesuatu ke arah persediaan modal insan untuk Revolusi Industri 4.0. Perlu ada bajet berkaitan perkara ini, iaitu menyediakan peluang dan ikhtiar bagi merealisasikan aspirasi Generasi TN50 dan menyediakan Generasi TN50 untuk mengambil bahagian dalam cabaran revolusi industri 4.0.

Bagi pembinaan dan juga penyediaan satu daerah seni untuk kotak adalah inisiatif baru yang berupaya untuk membangunkan negeri pelancongan dan tarikan pelancongan. Dan saya nampak inisiatif ini adalah merupakan inisiatif swasta, yang dilaksanakan untuk menyediakan dan Kerajaan Negeri hanya menyediakan tanah semata-mata dan banjir RM4 juta tidak perlu dimasukkan sebab ditanggung oleh swasta.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, saya sebenarnya kehilangan nota semasa banjir. Saya melawat banjir, kereta saya dimasuki air dan nota-nota untuk pembentangan habis. Seharian ini saya usahakan sendiri untuk senaraikan balik. Banjir di Sungai Dua di kawasan Seberang Perai adalah merupakan banjir yang agak teruk jika dibandingkan pada tahun 2003. Sebanyak 60% kawasan DUN Sungai Dua telah terlibat dengan banjir. Sebanyak hampir 2,000 orang dipindahkan di 11, 13 pusat perpindahan. Melibatkan 15 kampung dan enam (6) taman dan juga 1,500 lebih kurang 1,500 hektar kawasan tanaman padi. Kebanyakannya kawasan adalah dilanda banjir dengan agak teruk daripada hari Sabtu hingga ke hari Rabu. Hari ini masih lagi ada kawasan-kawasan yang belum kering sepenuhnya air takung dan sekarang di dalam proses pasca banjir rumah-rumah perlu dibersihkan dan apa yang kita lihat punca banjir ini adalah merupakan punca daripada hujan yang terlalu lebat daripada hari Sabtu jam 11.00 pagi sampai ke hari seterusnya dan juga limpahan sungai semakin cetek walaupun telah dilaksanakan RTB di sungai-sungai di kawasan Sungai Dua kita ada lebih kurang enam (6) sungai yang menghala ke Sungai Dua bukan dua (2) saja enam (6) sungai. Kita ada Sungai Kerian, Sungai Jarak, Sungai Maklom, Sungai Kulim, Sungai Pengkalan Machang dan Sungai Perai yang berada di belakang kawasan pekan, kawasan kampung di Sungai Dua. Ini yang menyebabkan limpahan air sungai kerana air pasang besar dan melibatkan banjir yang begitu besar di kawasan Sungai Dua. Longkang-longkang dan juga perparitan juga semakin menjadi masalah dan tidak dibina sepenuhnya menyebabkan air tidak dapat disalurkan,

disalurkan dan menyebabkan banjir berlaku dengan begitu cepat di kawasan taman dan juga di kawasan kampung. Air naik begitu cepat. Di kawasan Sungai Dua pembangunan juga agak tidak begitu pesat tapi pesat dengan pembangunan perumahan ada enam (6) taman di kawasan Sungai Dua yang mengakibatkan mungkin mengakibatkan air tidak dapat mengalir sepenuhnya dengan sistem saliran yang begitu kecil di kawasan pekan di kawasan taman.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan YB. Sungai Dua. Sedarkah YB. Sungai Dua bahawa ada beberapa jenis parit sama ada di bawah pemeliharaan JPS ataupun pejabat daerah. Kita tahu bahawasanya parit-parit di bawah penyelenggaraan JPS ini ada *schedule, maintenance schedule* mereka tetapi parit-parit di bawah pejabat daerah ataupun yang tidak tahu siapa yang sepatut diselenggara ini. Ini adalah satu lagi punca yang menyebabkan air parit tersekat apabila berlakunya hujan lebat dan menyebabkan banjir. So saya berharap kepada pihak kerajaan melihat ataupun mengadakan satu *database* tentang semua parit longkang sungai di setiap kawasan supaya ada penyelenggaraan bukan JPS kata ini kami buat ini bukan kami punya dan sebagainya akhirnya menjadi mangsa adalah masyarakat. Sepatutnya pejabat daerah selaku ketua dalam daerah itu harus ada *database* ini di mana sungai, parit, longkang dan sebagainya di mana setiap tempat itu sebagai tali air yang boleh mengalirkan air itu harus dicuci dalam keadaan masa yang tertentu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih YB. Pulau Betong. Jadi kita terdapat pertindihan. Parit-parit kampung, parit-parit buang, longkang dan juga parit buang di kampung-kampung tidak diselenggarakan dengan sempurna sebab ia dalam kampung. Ini juga perlu diberi perhatian dan yang di kawasan tepi jalan dibina oleh JKR dan diuruskan penyelenggaraannya oleh pihak PBT, pihak Majlis di tepi-tepi jalan. JKR bina longkang tapi pengurusan, pembersihan dan sebagainya diuruskan oleh pihak PBT. Kadang-kadang pengurusan ini kita tanya JKR, JKR kata serah pada pihak Majlis dan sebagainya. Jadi minta diselaraskan kawasan mana yang perlu dicuci oleh pihak JKR, pihak MPSP dan kawasan parit mana yang perlu dicuci oleh pihak JPS. Ini perlu diselaraskan kerana kawasan yang berlaku bencana ini kalau di kampung-kampung kawasan yang tidak ada sistem saliran yang sempurna tidak dibersihkan sistem saliran dan sebagainya. Kita minta sangat-sangat supaya satu program projek ataupun sebagainya pembinaan parit saya di peringkat saya dan juga rakan-rakan di sini kita akan mohon daripada Kementerian Luar Bandar untuk kita bina longkang dan parit saliran kawasan kampung. Di pihak Kerajaan Negeri juga kita minta disediakan pejabat daerah ataupun pihak majlis untuk bina longkang-longkang di kawasan kampung untuk disalurkan air keluar parit buang dan seterusnya mengalir ke kawasan sungai. Ini perlu diselenggarakan dengan sempurna. Puncanya adalah punca yang di mana berlaku banjir di kawasan kampung, di kawasan luar bandar di kawasan taman juga berlaku. Penyelenggaraan longkang di taman kadang-kadang menimbulkan masalah. Ini perlu di lihat oleh pihak PBT, pihak Majlis Bandaraya.

Mendalamkan sungai ini juga perlu diberikan perhatian. Ini cadangan saya untuk mengelakkan berlaku yang besar macam ini yang mengakibatkan kerugian yang banyak berjuta saya ingat kalau di kawasan Sungai Dua ini dengan kemusnahan perabot dan sebagainya yang berlaku di kawasan Sungai Dua. Kita minta sungai-sungai perlu diperdalamkan, perlu dikorek semula untuk didalamkan sungai-sungai yang cetek supaya air sungai ini boleh mengalir dengan lebih laju ke laut ataupun ke kuala sungai.

Saya hendak bangkitkan sungai-sungai yang bermasalah di kawasan Sungai Dua saya minta pihak jabatan, pihak JPS mahupun pihak lain yang terlibat melihat sungai-sungai. Sungai di kawasan Maklom kawasan Sungai Lokan Maklom, di Alor Merah memang kawasan ini tepi sungai. Rumah-rumah di situ habis. Saya ini memang berlaku kawasan yang begitu banyak kadang-kadang tidak sempat hendak pergi lihat kawasan berhari-hari empat (4), lima (5) hari kita berada di kawasan banjir sampai ke hari ini sampai ke tengah malam ke pagi. Jadi masih lagi berlaku kawasan Alor Merah kawasan sebelah Sungai Korok belah Seberang Tok Dol, Lahar Yooi masih lagi berlaku masalah yang berkaitan dengan sungai. Sungai melimpah dan menenggelamkan kampung-kampung. Minta diberikan perhatian di segi kerja-kerja RTB, kerja-kerja menguruskan sungai perlu dilaksanakan oleh pihak disenaraikan ataupun dibincangkan dibuat kajian apa yang patut dibuat dengan sungai-sungai ini. Perlu diluruskan, kona-kona banyak ini kadang-kadang ia menimbulkan masalah tidak mengalir dengan lancar dan menimbulkan masalah pada kampung-kampung yang berdekatan.

Kita berharap sangat semoga dari longkang dari segi mendalamkan sungai dari segi melihat masalah-masalah yang berlaku di kawasan taman-taman perlu di beri perhatian oleh pihak jabatan dan agensi. Cuma saya tidak nampak peruntukan dalam Bajet 2018 dari segi pencegahan banjir. Tahun lepas ada lebih kurang RM220 juta. Tahun ini saya tidak nampak dalam bajet mungkin dalam bajet jabatan

dalam bajet Pejabat Ketua Menteri mungkin dimasukkan saya tidak pasti. Cuma saya minta disediakan sedikit bajet untuk pencegahan banjir bagi tahun 2018.

Saya juga hendak mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin masyarakat, semua pihak yang terlibat JKPP, JKKN Qaryah dan sebagainya yang saya rasa sudah bekerjasama cukup baik. Saya tidak pernah lihat kerjasama yang begitu baik bila berlaku banjir ini semua pihak bekerjasama. Tidak mengira latar belakang parti dan sebagainya, semua turun. Semua pakat bantu-membantu untuk menyelesaikan membantu masyarakat dalam banjir dan terima kasih kepada semua jabatan agensi JKM, JPMM, Bomba, Polis, Relu dan sebagainya MPSP, TNB, pihak JKR bila kita khabar pokok tumbang MPSP pun turun cepat. Jadi ini merupakan cuma hari mula itu dia kalut sikit, hari mula banjir itu hari Sabtu malam itu Ahad itu sudah mula hari kedua itu semakin teruk dia pusat penempatan masih tidak tersusun masih ada kelemahan-kelemahan yang kita nampak walaupun sudah banyak kali berlaku tapi masa ada lagi kelemahan dalam menyediakan kemudahan di pusat-pusat penempatan dan sebagainya.

Satu lagi masalah penduduk yang tidak datang ke pusat penempatan dia terlibat banjir rumah sampai habis sampai ke peringkat dada mungkin sampai lepas kepala tapi dia tidak pergi ke pusat penempatan. Isu ini memang perlu diselesaikan bersama. Saya pun sudah bincangkan di peringkat Parlimen untuk kita lihat mereka-mereka yang tidak berpindah ke pusat. Semua kemudahan disediakan untuk orang yang berpindah di pusat yang tidak berpindah ini tidak disediakan apa-apa. Sekarang ini bising di kawasan sana di kawasan Sungai Dua di tempat-tempat banjir ini kami yang tidak pindah ini tidak dapat apa, tidak dapat apa-apa kemudahan dan sebagainya. Jadi saya kata orang-orang ini adalah merupakan orang-orang yang *second layer*... (dengan izin) lapisan kedua mereka tidak keluar ke pusat tapi mereka terlibat dengan banjir. Jadi kita kena lihat golongan-golongan ini, mereka ini memang terlibat dengan banjir tapi tidak berpindah dan mereka memerlukan juga apa-apa bantuan dan sumbangan yang akan disediakan *Insha-Allah*, di peringkat Kerajaan Negeri mahupun di peringkat Kerajaan Persekutuan akan menyediakan bantuan kepada pihak yang terlibat.

Kepada NGO terima kasih banyak yang telah banyak membantu *Penang Biker, Utara Bikers*, Belia Liga Muslim dan sebagainya pertubuhan belia yang banyak membantu dalam *charity* syarikat yang telah banyak membantu dalam banjir di kawasan DUN Sungai Dua dan juga di kawasan Seberang Perai.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Minta penjelasan YB. Sungai Dua. Tadi YB. Sungai Dua ada menyatakan bahawa ada mangsa-mangsa banjir yang enggan pergi atau ke pusat pemindahan dan mereka juga tidak dapat bantuan-bantuan kecemasan atau bantuan kewangan daripada khasnya daripada Kerajaan Persekutuan. Apa pandangan YB. Sungai Dua tentang cadangan saya di mana bolehkah Kerajaan Persekutuan juga seperti Kerajaan Negeri memberi kepada semua isi keluarga yang mengalami banjir dengan RM500.00. Kerajaan Negeri bagi RM500.00, Kerajaan Persekutuan juga bagi RM500.00. Tidak kira mereka ada masuk ke pusat pemindahan atau tidak kerana ini memang betul mangsa itu lebih banyak daripada bilangan yang tinggal di dalam pusat pemindahan dan pusat pemindahan pun juga tidak dapat memuat begitu ramai mangsa. Oleh itu, saya nak tahu YB. Sungai Dua bolehkah kita sama-sama berjuang untuk meminta, memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk sama-sama bagi semua adil dapat, tak kira masuk ke pusat pemindahan atau tidak, rumah dia dibanjir boleh dapat.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Jadi, dari segi bantuan, bantuan kewangan dan sebagainya saya rasa pihak Kerajaan Pusat juga akan menyediakan bantuan cuma kita melihat dari segi gelombang kita dengar kata ada gelombang *second third wave*... kita tak boleh umumkan lagi, bagi selesai semalam ada kata gelombang kedua tak berlaku, inshaAllah saya rasa pihak Kerajaan Pusat juga sedang mengkaji kita saya tak tahu berapa yang akan diberikan tapi saya rasa ada mungkin bantuan untuk mangsa-mangsa banjir ini yang perlu, kita selaraskan yang penting tadi kita nak lihat mereka yang tidak berpindah ini dapat semua, bukan yang berpindah dan Kerajaan Negeri juga kena lihat dari segi itu, yang berpindah dan yang tidak berpindah ini juga ada dalam senarai untuk kita bagi bantuan kepada yang mengalami bencana banjir bukan...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

YB. Sungai Dua, sekejap sahaja memang Kerajaan Negeri akan *cover* kepada yang tidak pindah ke pusat pemindahan juga. Maka tetapi apa yang saya difahamkan Kerajaan Persekutuan hanya bagi kepada orang-orang yang masuk ke pusat pemindahan sahaja. So itu bilangan itu jauh lebih rendah daripada kesemua mangsa-mangsa itu. Maka saya harap setujukah kita sebenarnya Kerajaan Negeri sudah bagi yang kita kena mintalah daripada Kerajaan Persekutuan.

## Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Jadi saya bangkitkan tadi. Ikut prosedur JKM, JKM bila masuk ke pusat, yang tak masuk ke pusat pemindahan ini dia tak akan bagi berapa, JKM bagi yang ada hanya di pusat pemindahan. Kemudahan, makan dan sebagainya yang ada di pusat. Pihak lain yang hantar makanan pun diberi kepada orang yang ada di pusat pemindahan. Itu prosedur yang dilaksanakan diperingkat JKM, dia akan tetapkan memang ada untuk orang yang ini. Cuma di peringkat saya, di peringkat kawasan saya, kita buat lebih kita sediakan lebih bajet untuk semua orang yang di luar yang tak pindah pun mai datang ke tempat pemindahan dia pun dapat makan dan sebagainya. Kemudahan lain mungkin dia tak dapat, *Insha-Allah* kita pun dah bincang akan senaraikan semua yang tak berpindah ini untuk diberikan sama. Cuma jumlahnya atau kelulusannya saya tak boleh janjilah, saya pun bukan ada kuasa untuk bagilah saya harap *Insha-Allah* ada bantuan ataupun sumbangan kepada pihak Kerajaan Pusat untuk meringankan beban. Terima kasih YB. Machang Bubuk. Terima kasih kepada semua pihak yang teribat dengan banjir tadi.

Seterusnya tentang perumahan untuk semua. Perumahan Mampu Milik. Pada 15 Disember 2013, Kerajaan Pulau Pinang Y.A.B. Ketua Menteri berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan dana RM500 juta untuk Tabung Perumahan Awam dan Mampu Milik yang berjumlah RM 20,000 unit melalui PDC. Kini, hampir empat (4) tahun Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih lagi gagal untuk menyerahkan walau satu unit rumah mampu milik yang dijanjikan tersebut. Hanya akan siap 520 unit rumah mampu milik yang dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Bandar Cassia. Saya maksudkan yang Kerajaan Negeri bina, yang swasta tu tak masuk, yang dibina sendiri oleh Kerajaan Negeri yang akan siap hujung tahun ini 520 unit di Bandar Cassia, Batu Kawan seperti yang disebutkan oleh YB. Datok Keramat pada hujung Disember 2017 nanti. Jadi dulu kita janji hanya tiga (3) tahun 36 bulan boleh siap satu bangunan *apartment*. Semasa bangkit isu PRIMA. Tetapi mengapa Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun PDC perlu mengambil masa yang agak lama lebih daripada 36 bulan untuk menyiapkan rumah pertama mampu milik yang hanya 520 unit sahaja.

Mengikut Laporan Audit 2016 tiada rumah kos rendah, *low medium cost* (rumah sederhana rendah) yang siap dibina. Hanya rumah kos tinggi atau mampu milik. Rumah kos rendah kelas A dan B saya nak kepastian berapa yang betul-betul siap selepas 2018, 2008 dalam tempoh 2008 hingga 2017 berapa banyakkah yang siap, sebab yang disebutkan siap 24,227 rumah LC (*low cost*) dan LMC (*low medium cost*). Dan sila maklumkan kepada saya semula berapa PDC bina, berapa swasta bina dan berapa banyak agensi pusat bina daripada jumlah 24,227 tadi? Dan saya juga nak kepastian dari segi rumah PPR yang saya rasa sampai sekarang ini masih belum dapat dibina oleh Kerajaan Negeri. Jadi saya mengharapkan semoga Kerajaan Negeri supaya dapat memberikan perhatian kepada membina rumah PPR untuk kemudahan rakyat yang ada di Negeri Pulau Pinang yang tak mampu nak beli tapi dia boleh sewa rumah tersebut.

Okey, seterusnya saya akan sentuh sedikit isu berkaitan dengan kawasan dan juga isu-isu yang lain. Pertama, tentang isu judi, pusat hiburan keluarga dan juga pusat-pusat hiburan yang lain. Kegiatan perjudian ini atau kegiatan hiburan ini kadang-kadang ia menimbulkan masalah sosial di kalangan masyarakat menyebabkan kemusnahan kepada institusi keluarga, masyarakat dan negara. Maksud saya kemusnahan ini bila dia terlibat dengan perjudian, dia akan meninggalkan keluarga, dia tak ingat dah keluarga dia, dia sanggup berada di pusat ini, pusat hiburan itu sampai ke pagi sampai dua (2), tiga (3) hari dia tak balik. Jadi ini merupakan perkara yang menimbulkan masalah di kawasan Sungai Dua, Sungai Dua pekan yang kecil itu sekarang ini dah ada 4 (empat) ke 6 (enam) pusat judi ataupun pusat hiburan. Kawasan boleh dikatakan kawasan luar bandar, dah wujud enam (6) pusat hiburan keluarga, pusat perjudian yang dalam tu ditutup, luarnya tak boleh masuk, kita tak nampak ada perjudian berlaku di situ dan dia beroperasi sehingga 2 (dua), 3 (tiga) pagi, karaoke pun sampai dua (2), tiga (3) pagi, ditulis depan tu sampai pukul 11 malam 12 malam tetapi beroperasi sampai dua (2), tiga (3) pagi. Kita ada buat aduan tetapi masih belum ada tindakan dan dua (2), tiga (3) pagi dia bisinglah sampai dia dekat dengan perumahan, dia mengganggu penduduk di kawasan tersebut, kawasan Sungai Dua Utama, dia ada karaoke di situ, dia ada *gym* di situ, atas karaoke itu *gym* dan *gym* itu dia open bila nak *exercise* tu dia buka tingkap muzik dia tu sampai 2,3 pagi masih muzik dia cukup kuatlah dia pasang *speaker* sampai mengganggu penduduk di kawasan Sungai Dua Utama dan aduan telah pun dibuat dan kita melihat tindakan ke atas tempat-tempat yang berkaitan.

Isu dadah dan ah long, saya bangkitkan dulu isu dadah yang begitu serius dan musuh nombor satu negara dan harus kita tangani bersama, kita tak boleh hanya mengharapkan Kerajaan Pusat dibawah AADK yang menyelesaikan dadah ini. Kita diperingkat negeri juga perlu bersama-sama. Kita ada anak-anak kecil, kita ada anak-anak masing-masing, perlu kita lihat isu ini satu isu yang cukup serius.

Kemudahan mendapatkan dadah cukup mudah sekarang, di peringkat pelajar sekolah pun ada yang jadi pembekal dadah kepada pelajar-pelajar yang lain. Ini memang berlaku dan kita *check urin* di sekolah pun ada yang positif dadah di kawasan sekolah dan jadi ini kita perlu tangani bersama dan kita harap Kerajaan Negeri lihat isu ini yang penting dalam kita menyelesaikan masalah dadah di kawasan di Negeri Pulau Pinang. Makmal dadah pun banyak di Pulau Pinang dan setakat ini polis dah laporkan ada 19 makmal dadah yang ditangkap ataupun dirampas diserbu di kawasan Pulau Pinang.

Keduanya, isu ah long. Isu ah long ni yang melibatkan isu sosial. Pinjaman modal ah long berlaku di mana-mana, di kawasan Sungai Dua ini banyak kedai-kedai, sekarang ini dia gunakan kemudahan *handphone* boleh pinjam melalui *handphone*, telefon bagi nombor akaun esok masuk duit. Lepas itu bayar sampai berapa bulan tak selesai-selesai lagi, sampai setahun tak selesai bayar dekat ah long, selepas tak boleh bayar tindakan yang bukan-bukan dibuat ke atas peminjam, ini merupakan masalah yang berlaku di kawasan Sungai Dua yang menjejaskan keharmonian masyarakat di kawasan Sungai Dua.

Isu halal YB. Batu Maung, saya masih lagi, saya minta YB. Batu Maung bantangkan di sini apa yang telah kita capai dalam penyediaan gelatin halal, dalam penyediaan bahan-bahan halal untuk kita gunakan sebab saya nampak masih lagi kurang, kita banyak gunakan gelatin yang kita import, kita tak gunakan tak hasilkan gelatin sendiri yang betul-betul halal untuk kegunaan masyarakat dan juga rakyat Negeri Pulau Pinang, apa tindakan yang perlu kita untuk penyediaan gelatin halal.

Isu tambakan sawah masih lagi banyak di kawasan Sungai Dua dan juga di SPU, tadi dibangkitkan isu tambakan sawah untuk kegunaan pembinaan tanah-tanah lot dan sebagainya, jadi ini merupakan perkara yang perlu diselaraskan dari segi tindakannya. Di Sungai Lokan saya pi tahan dengan JPS, lepas tu pihak MPSP buat penguatkuasaan sampai sekarang masih belum ada tindakan untuk korek semula dan sebagainya, menunggu tindakan mahkamah. Jadi saya rasa kawasan itu akan terbiar macam tu dan akan menjadi tempat musuh-musuh padi, musuh-musuh tanaman, tikus yang akan membiak di situ dan mengganggu kawasan sawah yang lain. Jadi tindakan yang bersepadu perlu dibuat di antara pihak Majlis dan pihak-pihak jabatan yang berkaitan supaya kerja-kerja penambakan sawah ini dapat ditangani sepenuhnya dengan satu cara yang cepat. Dengan lebih cekap tak boleh kita nak tunggu jabatan ini mai baru nak ambil tindakan, orang yang tambak sawah ini dia kira nak cepat, kalau nak cepat hari cuti dia akan tambun lagi, dalam masa sehari dua, Sabtu Ahad dia akan tambun bagi selesai jadi musnahlah kawasan sawah di kawasan bawah sistem pengairan dengan kos yang berjuta-juta, beratus-ratusan juta, habis musnah tanah sawah yang berkaitan dan seterusnya saya nak minta YB. Batu Maung, masalah masjid di Sungai Lokan, masjid ini masjid lama kita nak bina baru dalam proses kita nak bina baru masih lagi kita gunakan, tiang tu retak, tiang tu meletup macam nak runtuhlah dan JKR kata tak selamat diduduki dan tak selamat digunakan jadi kita berpindah ke sekolah agama di hadapan masjid cuma kita akan cuba laksanakan pada tahun hadapan untuk pembinaan baru ini tetapi buat sementara ini kita ada mohon untuk dibaik pulih tiang melalui cadangan daripada pihak JKR untuk kita perkukuhkan kembali tiang itu jadi mungkin memerlukan peruntukan, saya pun ada saluran kita mohon dan mungkin kita minta pihak Kerajaan Negeri juga melihat dari segi peruntukan untuk kita pulihkan, pengukuhan tiang di masjid Sungai Lokan.

Seterusnya tentang isu tanah TOL di kawasan jeti nelayan sungai. Kawasan jeti nelayan sungai ini terletak di rezab sungai di kawasan Pengkalan Machang di kawasan Air Itam di kawasan Sungai Korok, kawasan Permatang Berangan dan kawasan Lebu Banting. Jadi semua ini berada di tanah JPS permohonan telah dibuat di jeti pun saya rasa telah dibina di kawasan itu, kita cuma minta di bawah Koperasi Nelayan ini dia mohon Tol kalau boleh pihak Kerajaan Negeri luluskan kepada koperasi ini dari segi Tol untuk kegunaan nelayan sungai di kawasan tersebut dan juga isu tanah perkuburan yang saya sudah bangkitkan banyak kali di kawasan Sungai Dua sudah semakin sempit kita minta pihak YB. Batu Maung melihat macam mana kita hendak tambah ataupun membuat pengambilan untuk penggunaan tanah perkuburan di sana, buat satu *database* berapa luas kawasan yang tidak mencukupi untuk kita tambah tanah perkuburan di kawasan masjid-masjid di kawasan Sungai Dua termasuk antara contohnya di kawasan Sungai Lokan, kawasan perkuburannya sempit. Di kawasan Sungai Dua, di kawasan Permatang Sungai Dua sendiri pun sudah terlalu sempit tanah perkuburannya. Seterusnya tentang pihak MPSP, YB. Dato' Haji Mahmud bin Zakaria bangkitkan tadi MPSP kadang-kadang menganaktirikan ataupun tidak datang kita buat perjumpaan tidak dapat hadir, saya pun hairan kenapa bila kita buat perjumpaan untuk menyelesaikan masalah rakyat, MPSP tidak dapat hadir. Telefon pegawai dia kata tidak boleh pergi tidak dapat hadir, antara yang saya buat adalah perbincangan tentang isu pusat hiburan, isu *cyber cafe*, isu pasar awam, isu longkang saya jemput pihak MPSP untuk hadir bersama menyelesaikan masalah bersama pihak Polis tetapi pihak MPSP tidak dapat hadir, saya harap selepas ini kita pakat dapat turun untuk kita selesaikan masalah. Kalau MPSP tidak turun tidak boleh selesaikan

masalah, ini bukan masalah saya, bukan masalah pihak-pihak tertentu tetapi masalah rakyat di kawasan. Saya minta sangat-sangat berilah kelonggaran mai bincang sekali kita selesaikan masalah, tidak ada sumber kewangan kita cari kita boleh minta pada KPKT dan sebagainya untuk bantu dapatkan dana untuk selesaikan masalah. Okey.

Seterusnya rumusan tentang Bajet Kerajaan Negeri 2018, saya nampak rumusan secara keseluruhan pertamanya kurang tumpuan kepada isu keselamatan dan ketenteraman awam saya tidak nampak dalam bajet 2018 perkara-perkara yang disentuh dengan bajet berkaitan dengan keselamatan dan juga ketenteraman awam. Dahulu ada CCTV dan sebagainya, sekarang ini tidak ada langsung, ini penting.

Kedua, tentang tumpuan kepada anak muda tidak begitu banyak kecuali Program Stamp, Kolej Vokasional termasuk universiti telah dibuat, yang lain-lain saya tidak nampak untuk fokus kepada anak muda.

Ketiga, bajet untuk pencegahan banjir yang baru saya tidak nampak peruntukan dalam pembentangan bajet mungkin ada peruntukan yang lain tetapi saya tidak nampak dalam bajet, macam yang lepas saya nampak RM220 juta tetapi yang ini kita tidak nampak bajet yang khusus untuk pencegahan banjir. Yang RM220 juta pun tidak *start* lagi? Yang Kerajaan Negeri beri itu telah *start*? Belum? Oh, dalam peringkat tender, okey, tetapi yang baru ini tiada itu yang saya lihat untuk tahun 2018 sekarang ini tiada kosong, selepas pilihan raya ya.

Yang keempat pembangunan lestari tidak cukup dengan hanya RM10 juta, jadi saya minta Kerajaan Negeri sebab saya nampak tidak cukup RM10 juta, untuk basikal kita ada RM45 juta tetapi untuk pembangunan lestari kita hanya ada RM10 juta. Kompleks sukan pun RM75 juta, bagus RM75 juta hendak bina gelanggang badminton, badminton bukan ramai orang main, Dato' Lim Chong Wei main tetapi yang masyarakat ini mereka lebih banyak main bola dan sebagainya, buat gelanggang kompleks sukan itu bagi banyak. Buat kompleks sukan di setiap DUN ataupun di setiap Parlimen. Baru semua orang boleh pergi sini sebab semua ada disitu, dia ada bola dia ada semua di satu kompleks daripada kita buat satu-satu sukan.

Yang kelima langsung tidak diberi perhatian dan tidak ada alternatif untuk membangunkan sektor pertanian yang baru. Jadi kita harap perkara ini perlu juga diberi perhatian termasuklah nelayan ILT dan sebagainya. Membanteras dan mencegah gejala sosial tidak ada langsung dalam bajet saya tidak nampak langsung dalam bajet untuk membanteras gejala sosial di kalangan masyarakat, di kalangan rakyat, dikalangan anak-anak muda dan sebagainya.

Yang ketujuh, persediaan cabaran Revolusi Industri 4.0 juga tidak diberi perhatian yang banyak oleh Kerajaan Negeri dalam bajet.

Yang kelapan, banyak projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak swasta bukan oleh Kerajaan Negeri sendiri jadi sudah tentu dalam melaksanakan sesuatu oleh pihak swasta, Kerajaan Negeri perlu memberikan suatu kemudahan atau kelonggaran sebagai timbal balik, timbal balas.

Yang kesembilan, pembangunan perumahan, rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah serta rumah PPR oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agensi di bawahnya langsung tidak ada dalam Bajet 2018 oleh Kerajaan Negeri bukan swasta walaupun isu ini adalah salah satu masalah yang kritikal. Pembangunan Halal Hub tidak difokuskan kalau boleh kita fokuskan lagi hanya pihak swasta semata-mata.

Yang kesebelas, pembangunan *middle class* golongan marhean dalam sektor ekonomi diberikan tumpuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak diberikan tumpuan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti pinjaman modal perniagaan, pembinaan pusat-pusat perniagaan lot-lot perniagaan kecil, bangunan lebih banyak tapak pasar tani pasar malam dan sebagainya. Kawasan *food truck* perlu kita wujudkan, ini perlu dibuat oleh pihak majlis dan sebagainya.

Dan yang kedua belas, peranan EXCO Kepenggunaan dalam membantu mengawal harga barang, ini juga perlu diberi perhatian. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada agensi penguatkuasaan yang tidak mencukupi tenaganya tidak ramai, jadi kita kena bantu, peringkat Kerajaan Negeri bantu peringkat sukarelawan atau pun pihak yang dilantikan sebagai agensi pengguna ini juga perlu bantu.

Sebagai penutupnya saya hendak sebut dua, tiga perkara. Pertamanya isu rasuah, jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri atau pun pihak wakil-wakil yang lain tidak bercakap banyak sangat tentang isu rasuah sehingga Y.A.B. Air Putih berupaya membersihkan nama beliau dan bebas daripada kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Sungai Dua, saya rasa ingin beri panduan isu berkenaan dengan kes mahkamah tidak boleh dibangkitkan dalam Dewan ini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey, saya sebut itu sahaja, yang lain pun jangan sebut tentang rasuah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Beliau belum lagi didapati bersalah dalam bab rasuah hanya dituduh sahaja YB. Sungai Dua, jadi saya rasa ikut peraturan YB. Dato' Timbalan Speaker, perkara ini tidak boleh dibangkitkan dalam Dewan ini YB. Dato' Timbalan Speaker. Tidak perlulah kita...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Cuma saya minta benda itu jangan disebut dalam Dewan inilah, kita tidak rasuah, kita tidak macam-macam, sedangkan benda itu berlaku...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Memang itu betul, kita tidak rasuah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang tidak rasuah berbanding dengan Barisan Nasional. Betul YB. Sungai Dua, setuju?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Buktikan, buktikan secara yang betul.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan YB. Sungai Dua, belum ada terbukti lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey yang kedua, sumbangan pihak Kerajaan Negeri dalam peringkat Pulau pinang ini saya hendak sebut yang biasalah kita sebagai pembangkang kita sebut yang tidak baiklah. Pertama isu tarif air naik, surcaj air naik, surcaj ya surcaj, okey, tiada Rumah Mampu Milik A dan B oleh Kerajaan Negeri bukan swasta dan rumah PPR. Tanah-tanah dijual kepada syarikat swasta ataupun syarikat asing. Banyak kilang-kilang ditutup sebahagian ditutup, gerai-gerai banyak diroboh, kampung warisan banyak ditutup ataupun dipindahkan, dirobohkan. Wujud kilang-kilang haram walau pun di kawasan saya di Kampung Teluk pun ada di Sungai Dua, banjir semakin teruk. Itu yang saya nampak yang lain-lain itu memang ada yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan seterusnya tentang *Program Oktober Fest* yang disebut oleh pihak Y.A.B. Ketua Menteri. Saya pun terasa juga. Saya tengok video ini dia kata kami bukan negeri Taliban sebab pelampau-pelampau Taliban mungkin berjaya di Selangor atau di Kuala Lumpur tetapi mereka tidak akan berjaya di Pulau Pinang. Saya tidak berapa seronok apabila Taliban orang yang membangkang membantah *Oktober Fest* ini disebut sebagai Taliban ataupun pelampau. Kita sebagai orang Islam itu pandangan kita, pada orang Islam, arak adalah ibu segala maksiat. Ada satu cerita orang alim diberi perempuan cantik dengan arak, dia kata perempuan cantik tidak boleh haram. Jadi dia ambil arak, dia minum arak itu dan dia rogol perempuan itu. Selepas itu dia berasa bersalah jadi dia bunuh perempuan itu kerana puncanya adalah daripada benda yang memabukkan itu. Ibu segala maksiat. Itu dari segi Islam dan saya rasa rakan-rakan kita pun bersetuju. Jadi janganlah kita anggap orang yang bantah ini pelampau ataupun Taliban. Kita pun rasa tidak berapa patut disebut apabila disebut macam itu. Sebab kita ini negara Islam agama rasmi persekutuan, kita kadang-kadang takut benda-benda yang macam itu bila dibuat secara terbuka akan menimbulkan masalah sosial dan sebagainya. Susahlah kalau kita hendak *control* kalau orang sudah minum dan mabuk ini, akan menjadi macam-macam seperti masalah bawa kereta menongkah arus pun kadang-kadang orang yang macam inilah hilang kewarasan dan sebagainya. Dia takut dengan Polis jadi dia patah balik masuk menongkah arus dan sebagainya.

Jadi pandangan saya YB. Dato' Timbalan Speaker, saya tidak setuju, jangan kata orang yang membantah ini sebagai pelampau ataupun Taliban kerana kita membantah mengikut pandangan kita sebagai orang Islam kita memang tidak bersetuju dengan arak dan terlibat dengan festa ini adalah suatu yang saya takut akan menimbulkan gejala sosial dan sebagainya. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak mungkin ini persidangan yang terakhir. Terima kasihlah kepada semua....(gangguan).



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Semua Ahli Yang Berhormat berkata akhir-akhir, Barisan Nasional tidak berminat hendak bertanding semula atau takut memang kalah tahun depan?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Bertanding.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Okey kalau begitu saya setuju, kali terakhir, bagus.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Jadi ini mungkin persidangan terakhir untuk penggal ini, terima kasih. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada semua jabatan walaupun saya bekerja secara kampung...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Sungai Dua, minta penjelasan sahaja, setuju terima tawaran daripada Y.A.B. Ketua Menteri menjadi Presiden FAP.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Kebun Bunga ada urusan selepas ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta penjelasan sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya akan fikirkannya. Okey terima kasih banyak kepada semua jabatan dan agensi yang membantu dan saya minta maaf kalau ada kesilapan dan kelemahan saya semasa dalam menjadi Ahli Dewan ini, mungkin ada kesilapan dan kelemahan saya minta maaf banyak-banyak dan saya sudah dengan *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sekejap Ahli Kawasan Kebun Bunga. Untuk makluman YB. Sungai Dua, pasal penyampaian bagus sangat, pagi esok satu *team* daripada Sungai Bakap akan bantu Sungai Dua di Lahar Yooi. Kalau pi Lahar Yooi esok tengok tu, orang kami lah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih YB. Timbalan Speaker. Salam sejahtera, salah reformasi. YB. Dato' Timbalan Speaker, pertama sekali saya mengambil kesempatan untuk memberi penghargaan setinggi-tingginya dan ucapan terima kasih kepada semua anggota pegawai, Ahli Perkhidmatan Awam, Bomba, JPAM, MBPP, Jurutera-jurutera, Pegawai-pegawai, Setiausaha Negeri, Setiausaha *Council* yang bekerja tak henti-henti sejak taufan dan banjir, bekerja untuk mengatasi masalah-masalah bencana taufan dan perbanjiran baru-baru ini. Terima kasih banyak.

Dengan dukacitanya YB. Dato' Speaker, saya mau maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kawasan Kebun Bunga juga mengalami banjir taufan dan sebagainya. Kita tidak sebegitu, boleh saya guna ayatnya, kita tidak sebegitu romantik, tak seperti yang YB. Sungai Acheh tadi, tak ada peluk atau pelukan Timbalan Perdana Menteri, tak sentuh cincin, mungkin tak cium tangan, mungkin menangis sikit dan tapi kita tak naik *facebook likelah*. Pada masa taufan YB. Dato' Timbalan Speaker, 4 November malam, saya sedang menghala ke kampung kawasan saya, air sudah pasang dan angin tiup cuma gambarkan ini. Tingkap bergetar, *bus stop* banyak pecah, cermin pecah, terbang juga dan kita sedang memandu tengok ada orang sembunyi di belakang payung tapi tak sempat payung pun terbang ke langit. Kucing minta tolong dari kerbau dan tikus sembunyi di rumah mampu milik kambing. Ini kawasan kampung saya, boleh tengok suasana haiwan-haiwan pula tergetar, yang teruk sekali bila saya tengok kucing hitam menjadi pucatlah. So pokok tiba-tiba tumbang di depan kita dan kita terpaksa telefon tapi semua sudah masuk air dan tak dapat telefonlah. Banyak kecederaan kecil dan besar di kawasan kita semua dan kita terpaksa bekerja dengan secepat mungkin pada malam yang itu juga.

YB. Dato' Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pulau Pinang kerana telah menyediakan satu bajet yang berjiwa rakyat. Dalam bajet kali ini, nampaknya banyak tumpuan atas pengagihan kewangan ataupun kewangan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Pulau Pinang. Contohnya, banyak faedah diberi oleh kerajaan contoh faedah-faedah yang diberi kepada rakyat adalah RM15 juta untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakan bas, bas awam dan ini satu polisi yang cukup bagus kerana ini mengurangkan kesesakan jalan raya dan setahu saya di dalam bajet juga ada dinyatakan bahawa kita harap ada lebih daripada 200 buah bas awam yang baru akan dibekalkan ataupun harap dibekalkan kepada Pulau Pinang untuk mewujudkan lebih pengguna atau peluang penggunaan bas awam.

YB. Dato' Timbalan Speaker, di dalam bajet yang baru ini, ada satu tajuk yang menarik perhatian saya juga dan saya berminat. Ini adalah mengenai negeri berbasikal. Satu lagi pelaburan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pakatan Harapan adalah untuk Pulau Pinang aktif dan sihat dengan RM45 juta untuk menjadikan Pulau Pinang negeri berbasikal. RM45 juta ini banyak wang yang akan dilaburkan untuk mempromosi, memupuk kegunaan basikal dan juga memupuk cara (dengan izin)...*way of life* atau cara hidup yang sihatlah. Mungkin masa depan kita mungkin ada yang seperti di luar negara yang memupuk kegunaan basikal. Adanya Muzium Basikal, Restoran Basikal, Hotel Basikal ataupun mungkin Uber Basikal juga ataupun Grab Basikal.

YB. Dato' Timbalan Speaker, RM275 juta bagi infrastruktur sukan juga, untuk membentuk atau menjadikan badminton, 80 gelanggang baru dan renang, 4 kolam bersaiz olimpik ini akan dibina dan dibuat dalam bajet ini. Selain daripada badminton, adanya juga pembekalan bajet sebanyak RM1 juta diagihkan untuk memupuk e-Sukan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memahami kepentingan dan hasrat pemuda-pemuda atas penyertaan, *participation*...(dengan izin), e-Sukan ini. Cuma YB. Dato' Timbalan Speaker, sebenarnya saya pun tidak berapa tahu apa sebenarnya e-Sukan. Saya ada tanyatanyalah dengan rakan-rakan kita di dalam Dewan ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Tadi saya baru tanya YB. Tanjong Bunga, apa dia e-Sukan, YB. Tanjong Bunga pun rasa keliru juga dan tanya sama saya dengan izin, *give me a clue*, berikan saya sedikit petunjuk kerana saya pun tak tau apa dia e-Sukan. Ada orang tau e-Sukan ka Yang Berhormat-Yang Berhormat? Dan saya pun memberitahu kepada YB. Tanjong Bunga, ini berkaitan dengan badminton, dan e-Sukan elektronik. Kita pun tak berapa faham. Tiba-tiba YB. Tanjong Bunga menjawab, ada badminton *racket*, ada elektrik, mungkin pertandingan tangkap nyamuk ka. So, kita pun sampai sekarang kita tak ada *clue*, apa dia e-Sukan. Tapi e-Sukan mungkin mengenai *gaming* ka, pemain pertandingan internet ka ataupun *game* inilah. Saya pun tak berapa pasti sampai sekarang. Walaupun bajet ada untuk pemuda-pemudi di dalam bidang ini.

Satu lagi RM15 juta untuk membantu penjagaan anak. Untuk ibu yang bekerja. Ini memang baik. RM60 juta Program Penang Sihat juga baik sekali. Untuk isi rumah berpendapatan bawah RM5,000, banyak lagi yang bajet yang disediakan oleh Kerajaan Pulau Pinang untuk tahun yang depan yang akan datang adalah baik. RM75 juta untuk stamp, RM300 secara *one-off* kepada pelajar sekolah vokasional yang sekolah vokasional ini adalah penting, dia adalah satu (dengan izin)...*segment*. Satu *department* untuk pelajar-pelajar yang bukan semestinya bertumpu kepada akademik untuk mereka yang tidak bertumpu semestinya kepada akademik untuk belajar pelajaran vokasional ataupun pelajaran melatih sebagai *technician*. Ini adalah satu lagi *option* ataupun peluang untuk pelajar-pelajar yang tidak semestinya masuk bidang akademik. Banyak lagi seperti meningkatkan dari RM100 ke RM130 untuk warga emas, Orang Kurang Upaya dan sebagainya. Kerajaan Pulau Pinang mengecualikan juga lesen penjaja serta cukai pintu bagi rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung. Ini akan membantu sedikit sebanyak untuk mengurangkan beban pada suasana ekonomi yang cukup susah ini.

Yang menarik sekali kepada saya juga, kad "*I Love Penang*". Setiap isi rumah akan diberi kredit RM300 untuk membayar yuran khidmat pesakit luar berserta ubat dengan had RM50 setiap lawatan. Ini bermakna satu lagi tambahan *benefit* ataupun faedah diberi kepada warga-warga yang jatuh sakit dan dalam RM300 ini mereka boleh guna beberapa kali dengan had RM50 setiap lawatan, enam (6) kali jikalau diagihkan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang YB. Dato' Timbalan Speaker, dengan secara langsungnya merancang bajet sebegitu sudah membantu banyak pesakit warga Pulau Pinang. Ini berita yang amat baik untuk keluarga miskin tapi sebenarnya ini membantu bukan sahaja golongan miskin tetapi yang juga tidak upaya dan sebagainya.

Isu perubatan YB. Dato' Timbalan Speaker, yang dibekalkan oleh Kerajaan Pusat, saya sebenarnya pernah merujuk dan membangkitkan di dalam penggal-penggal yang sebelum itu. Di penggal yang lalu. Dua (2) kali saya membangkitkan isu perubatan ataupun kekurangan perubatan dan hospital.

Di dalam penggal yang lalu, saya ada tanya di dalam soalan Dewan mengenai perkembangan Hospital Besar Pulau Pinang dan juga Hospital Seberang Jaya yang dijanji. Ini perkara yang disentuh banyak oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain dan saya tidak akan sentuh banyak, hanya masih banyak penduduk di kawasan saya di Padang Tembak, Ladang Lada, Ladang Hong Seng, Mount Erskine dan lain-lain telah membuat keluhan, rayuan kepada saya sebagai wakil rakyat supaya saya menghantarkan mesej kepada pihak berkuasa yang mengendali perkara-perkara perubatan awam iaitu orang tua khususnya, orang kurang upaya khususnya dan orang miskin, golongan miskin, minta supaya seperti yang diminta oleh beberapa Yang Berhormat sebelum itu bahawa pembekalan ubat boleh diperbanyakkan ataupun disalurkan dengan lebih banyak. Keluhan, *complaint*....(dengan izin), yang dirayu oleh penduduk-penduduk kawasan saya khususnya mengenai ketidakcukupan kemudahan juga, *facility*....(dengan izin). *Facilities* dan pembekalan perubatan, ini samalah. Saya hanya *refer*... (dengan izin).

YB. Dato' Timbalan Speaker, untuk maklumat, saya telah membangkitkan pada dua (2) sesi sebelum itu dan untuk mengemaskinikan Hospital Besar dan Hospital Seberang Perai dan pendekkan kata nasib baik seruan dan teguran kita, termasuk banyak ADUN-ADUN dan mungkin di seluruh negeri dan negara, dalam Dewan ini ataupun di Dewan lain telah didengar oleh Kementerian Kesihatan. Setahu saya dalam carian internet, saya tengok selepas isu ini dibangkitkan dilaporkan dalam surat khabar dan juga internet pada 9hb Ogos tahun ini bahawa adanya Menteri Kesihatan Dr S. Subramanian telah mengumumkan perbekalan sebanyak RM250 juta. Jika tak silap saya ikut yang dilaporkan ini pada bulan Ogos saja, 9hb Ogos mengumumkan pembekalan RM250 juta untuk membina *new wing block*....(dengan izin) yang baru di Hospital Besar Pulau Pinang untuk saya *quote women* dan *child clinic*....(dengan izin). Sampai tahap ini saya pun tak berapa pasti sudah ada dibina kerana tempoh masa beberapa bulan saja tapi kita haraplah dan berdoa supaya semua perjanjian boleh ditunaikan, kerana agak lama di dalam Rancangan Malaysia yang sebelum itu sudah berjanji untuk mengemaskinikan, dan ini jikalau saya tak sebut tak bincang tak tegur, membangkitkan perkara ini banyak tahun pengguna hospital besar menderita oleh itu saya bangkitkan.

Saya juga dengan izin, YB. Dato' Timbalan Speaker, hendak menyatakan ada kesan perkara isu ini dibangkitkan. Satu lagi yang ini saya kena bincang kerana beberapa kali dibangkitkan bahawa kerusi roda YB. Seri Delima juga menyatakan beberapa kali kerusi roda, sebenarnya yang diberitahu yang kurang di hospital kerusi roda, saya nak jelaskan bukan kerusi roda yang kurang, YB. Seri Delima mungkin tengok, mungkin tak tengok ataupun silap faham, ataupun yang lain, mungkin kerusi roda yang tak ada, saya pergi ke Hospital Besar banyak kali untuk membawa orang pergi ke sana kerusi ada hanya roda tak ada, hanya roda tak ada jadi kerusi banyak, kadang-kadang hilang satu atau apa ka.

Satu lagi YB. Dato' Timbalan Speaker, perumahan, satu isu yang saya nak bangkitkan adalah yang berkaitan dengan bajet adalah perumahan untuk semua. Dalam bajet yang dibentangkan baru ini satu lagi *item* yang menarik adalah perumahan untuk semua, saya nak tumpukan fokuskan ke atas bukan saja perumahan untuk semua tetapi dengan lebih jelas lagi mencadangkan jikalau boleh solusi kepada apa yang sedikit tersangkut. Dalam bajet saya merujuk kepada jumlah 24,227 unit perumahan kos rendah dan perumahan kos sederhana rendah yang telah dibina dalam tempoh sembilan (9) tahun ini, iaitu 24,227 unit rumah mampu milik ini biar saya membuat *emphasis*...(dengan izin) penekanan sikit iaitu adalah dibina di bawah Kerajaan Pakatan Harapan yang sedia ada sekarang yang rumah itu. Rumah mampu milik ini yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah dibina oleh PDC dan juga sektor swasta yang bekerjasama dengan Kerajaan Pulau Pinang dalam tempoh tahun 2008 dan 2017. Dengan 24,227 unit ini bermakna 24,227 keluarga sedikit sebanyak akan dapat rumah baru untuk mereka faedahkan rakyat Pulau Pinang warga Pulau Pinang. Ini adalah berita yang cukup baik saya mengucapkan syabas kepada Pakatan Harapan Pulau Pinang. Satu kejayaan yang *solid* yang material.

Sehubungan dengan isu perumahan ini saya hendak bangkitkan satu perkara yang berdekatan dengan hati saya, iaitu perumahan untuk orang tidak berkeluarga ataupun warga tunggal. Ini saya bangkitkan sebelum itu tapi saya nak tekankan sikit. Ini berkaitan YB. Dato' Timbalan Speaker, dengan individu orang kurang upaya, warga emas mungkin janda, duda, ataupun ibu bapa tunggal. Dalam kategori ini kebanyakan yang saya sebut kategori ini kadang-kala terpinggir dari golongan yang sedang dibantu oleh Kerajaan Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Speaker, walaupun rumah kos rendah rumah kos sederhana rendah banyak dibina oleh Kerajaan Pulau Pinang untuk golongan orang miskin dengan syarat yang dikenakan ataupun syarat berkelayakan sentiasa cukup tinggi untuk dia ada satu tahap sampai ada segelintir ataupun sebahagian golongan miskin tak dapat membeli.

Untuk makluman YB. Dato' Timbalan Speaker atau dalam Dewan yang mulia tak mampu memiliki rumah mampu milik adalah kerana mereka tak layak bawa syarat pinjaman bank. Mungkin dan bukan mereka tak layak sebagai golongan miskin mereka miskin tapi mereka tak layak sistem pinjaman bank. Mereka layak mungkin kerana umur mereka terlalu usang, mereka layak sebagai golongan miskin untuk rumah tetapi mungkin kerana tak dapat beli sebagai pembeli penyewa ataupun peminjam kerana mereka individu *single*...(dengan izin) atau mereka perlukan rumah mungkin kerana mereka OKU tak ada sumber pendapatan untuk dapat rumah. Ini berbagai-bagai contoh yang saya menunjukkan adalah keadaan ataupun dilema segolongan orang miskin yang susah nak dapat rumah kemampuan. Oleh itu wujudnya segolongan seperti yang saya senaraikan pembeli, peminjam, penyewa rumah kos rendah yang menjadi tidak berkelayakan kerana latar belakang mereka yang saya senaraikan tadi janda, duda, tidak bekerja tidak ada "*J form*", tidak ada, *individual* tunggal apa lagi dan bagi saya YB. Dato' Timbalan Speaker, sasaran dalam bajet ini jika kalau boleh ataupun pada masa depan dalam rancangan kena mengambil *recognize*...(dengan izin) mengambil berat mengenai kumpulan golongan ini untuk mencari peluang dan cara untuk membekalkan ataupun merumahan golongan ini. Golongan terperangkap dalam (dengan izin)....*housing trap* ini ataupun *ownership trap*....(dengan izin) biasa termasuk yang OKU, yang warga usang, warga tunggal dan yang semua itu dan mereka menjadi terpinggir dan tidak banyak pihak menyuara bagi mereka.

Saya, YB. Dato' Timbalan Speaker, saya bertemu dengan banyak dari golongan ini kerana saya ada 3,770 unit di Pangsapuri Padang Tembak, saya ada lebih kurang 600 unit di rumah kampung di Ladang Hong Seng, lebih kurang 400 unit rumah kampung di Ladang Lada dan 200 unit di Mount Erskine dan banyak lagi yang sikit, berapa puluh dan ratus. Jadi saya telah menyerlahkan, *highlight* (dengan izin) isu perumahan golongan ini dan bukan saja saya menyerlahkan isu tetapi saya juga ingin buat cadangan untuk mengatasi masalah ini. Saya mencadangkan bahawa kerajaan ataupun rancangan dengan *or* rancangan dengan GLC (dengan izin)....*Governemet Link Corporation* ataupun pihak swasta pada masa depan untuk membina juga pangsapuri sewa yang disebut oleh YB. Datok Keramat pagi ini. Saya amat gembira bila YB. Datok Keramat menyebut bahawa dua (2) projek di Jawi. YB. Datok Keramat menyebut dua (2) projek di Jawi sudah bermula ataupun dirancangkan untuk khasnya bertumpu kepada sewaan kepada golongan miskin. Ini satu berita yang baik yang saya baru dengar hari ini, kita ada banyak berita yang baik tapi ini satu berita yang baik dan juga pangsapuri sewa dan beli. YB. Dato' Timbalan Speaker, pangsapuri sewa sahaja dan pangsapuri sewa beli ini dua (2) perkara, dua (2) macam dua (2) jenis kerana sewa sahaja kerana kerajaan boleh menyimpankan pangsapuri ini sebagai aset dan diulang-ulang menyewa kepada pihak golongan yang memerlukan termasuk pihak yang mengalami bencana, termasuk kegunaan sementara untuk sesiapa yang perlukan dan juga orang yang usang yang, yang perlukan tempat kediaman.

Ini juga YB. Dato' Timbalan Speaker, sewa beli ini boleh ada beberapa kategori, kesimpulannya pangsapuri untuk warga tunggal, pangsapuri warga emas, pangsapuri warga mangsa kemalangan bencana dan golongan yang perlukan sewa dan beli kita juga boleh melalui bekerjasama dengan swasta ataupun dengan GLC membina pangsapuri bersara. Di luar negara adanya pangsapuri (dengan izin)....*for life* misalnya United Kingdom, Britain, swasta ataupun pihak Kerajaan Tempatan membina pangsapuri dengan tempoh pemilikan hanya hak kepada sepanjang umur. Kemudiannya boleh diulang digunakan oleh orang lain. Syaratnya biasa adalah pengguna kena berumur lebih dari 60 ataupun 65 tahun kemudiannya sampai sepanjang umur dan unit-unit pangsapuri ini adalah tuan rumah ataupun (dengan izin)....*owner* adalah Kerajaan Tempatan ataupun swasta ataupun *joint venture* jadi ini akan menyenangkan ataupun membantu banyak kes-kes di mana orang kurang upaya, tua, usang yang perlu ataupun mengalami bencana dapatkan unit tempat tinggal.

YB. Dato' Timbalan Speaker, pangsapuri yang dicadangkan ini semestinya besar walaupun YB. Datok Keramat tadi juga ada membincang mengenai kerajaan mungkin (dengan izin)...mengawal harga, *control price* tetapi juga (dengan izin)....*control prize* maksudnya keluasan pangsapuri ini mungkin polisi Kerajaan Pulau Pinang yang bina ini tidak mau terlalu kecil tapi saya juga di dalam Dewan yang mulia mencadangkan unit yang kecil boleh dibina misalnya 300 kaki persegi ataupun 400 kaki persegi di mana untuk penyesuaian individu ataupun orang tua yang usang.

Saya menyebut dan mencadang sebegitu kerana sebagai Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri, kerajaan boleh merancang dan membenarkan, meluluskan lebih banyak unit pangsapuri untuk golongan miskin kerana kerajaan yang merancang dan yang meluluskan *density*....(dengan izin) ataupun *plot ratio* ke atau apa untuk unit-unit tertentu. Jadi jikalau ada unit yang lebih individu yang sekarang di dalam pasaran ini terpinggir kerana dia seorang individu dan bukan satu keluarga yang akan di dalam syarat membekalkan, menyewakan, menjualkan rumah mampu milik mereka bukan yang terutama, bukan *priority*. Jadi yang ini boleh saya cadangkan untuk mengatasi masalah ini.

YB. Dato' Timbalan Speaker, yang sewa beli ini saya akan cadangkan, sewa beli atau sewa tetapi misalnya di Negara Singapura, banyak contoh di mana Kerajaan Singapura yang mereka sendiri, membina dengan GLC mereka, dengan kontraktor mereka membina, mengekalkan hak, ataupun *entitlement*....(dengan izin) ataupun *ownership*....(dengan izin), hak milik unit-unit ini adalah untuk negara ataupun untuk Negeri Pulau Pinang misalnya jikalau Negeri Pulau Pinang. Ini sama dengan sebahagian Pangsapuri Padang Tembak di mana Kerajaan Negeri juga ada unit-unit tertentu. Tetapi cadangan saya pada masa depan, bukan seperti cara yang diuruskan oleh pengurusan sebelum itu iaitu sebahagian dijual, sebahagian dijual beli dan sebahagian di sewa. Jadi pengurusan kesemuanya adalah bercanggah, susah kerana yang pemilikan adalah tidak sama. Ada yang sewa, ada yang sewa beli kemudiannya ada hak atas harta tanah ini dan ada yang beli dengan terus. Jadi susah hendak mengawal. Cara *legality*.... (dengan izin) ini kena *clear*, kena jelas. Jadi sasaran ini kena dibuat.

YB. Dato' Timbalan Speaker, satu lagi isu yang tidak berapa disentuh tetapi saya kena membangkitkan, walaupun saya sudah tanya YB. Datok Keramat mengenai perumahan juga adalah mengenai bangunan yang usang di kawasan saya. Di kawasan saya seperti yang disebutkan tadi beribu-ribu unit termasuk 3,000 lebih unit di Padang Tembak, 600 unit di Hong Seng dan 400 unit di Ladang Lada dan banyak lagi. Semua ini banyak usang. Definisi, YB. Dato' Timbalan Speaker, definisi rumah usang ataupun kawasan, dia termasuk flat-flat ataupun pangsapuri kos rendah di Padang Tembak misalnya dan juga rumah kampung di mana banyak, beratus-ratus rumah yang dibina di tanah swastakah ataupun TOLkah yang macam ini. Jadi apabila dalam kes kawasan saya, 50 tahun selepas dibina di Hong Seng, 45 tahun dibina di Ladang Lada, dan lebih kurang 40 tahun lebih, tahun 1969 membina Padang Tembak itu. Selepas setengah abad kawasan ini sudah longkang reput, pecah, banyak struktur dia mengalami keadaan yang perlu membaiki. Jadi kesimpulannya kita perlukan rancangan yang keseluruhan untuk dari kerajaanlah untuk menangani kawasan-kawasan itu khasnya di kawasan lereng bukit, di mana Ladang Lada, di mana Ladang Hong Seng dan juga separuh kawasan dekat Padang Tembak juga. Jadi saya harapkan ada rancangan dan cadangan dan pilihan yang lebih baik dan selamat untuk lebih kurang kesemuanya kerana bukan sahaja Ladang Hong Seng, Ladang Lada, Padang Tembak sahaja tetapi Taman Halia, banyak lagi, semua di lereng bukit, bukan semua, 80%, mungkin 70% di lereng bukit, banyak. Dari *bills of ten*, Ladang Lada, Puncak Erskine, Taman Tanjong dan di dalam semua di lereng bukit, Taman Halia, sampai semua Kebun Bunga, kawasan Kebun Bunga ini di lereng bukit walaupun nasib baik bencana yang terlalu besar tidak wujud, tetapi kita kena ambil perhatian. Oleh itu, saya ambil kesempatan untuk merujuk dan mencerahkan, *highlight*kan perkara kita yang perlu diambil kira, perlu diambil pertimbangan dengan teliti.

Jadi saya dengan ini saya hendak membuat kesimpulan, *conclusion*....(dengan izin), saya boleh meringkaskan seperti satu kenyataan yang saya dengar. Pagi ini saja saya datang dengan Uber, kereta saya rosak kerana bencana, saya sudah gunakan Uber selama satu (1) minggu, jalan balik ke rumah juga kerana tidak dapat Uber. Satu minggu saya ambil Uber dan pagi ini, basikal? Basikal, terima kasih. Pagi ini saya tumpang seorang pemandu Uber dan bawa saya ke sini, ke Dewan yang mulia ini. Pemandu Uber dengan secara ringkas merangkapkan, membuat satu kesimpulan, dia tahu saya adalah wakil rakyat dan kemudiannya dia memberitahu saya, "Encik akan pergi ke Dewan Undangan Negerikah?" "Ya, saya akan pergi". "Bolehkah *you* sampaikan mesej macam ini". Jadi saya pun rasa sederhana, munasabah, saya sampaikan mesej ini kerana ini mesej nampaknya macam suara rakyatlah. Sederhana sahaja. Yang munasabah, *reasonable*...(dengan izin). Encik Pemandu mengatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan lebih kuranglah, bukan *verbatim*, Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang ini okey, tidak ada banyak *complain*. Dia katalah, dia baguslah. Biasa orang Pulau Pinang, dia *reserved* sikit, dia bukan kata *you* bagus YB. Seri Delima, dia cakap okeylah *you*, Pakatan Harapan. Dia cakap, banjir sudah menyusahkan banyak rakyat. Susah memang susah tetapi nasib baik banyak orang datang bantu. Dia kata tengok semangat orang juga dari luar negeri datang bantu dan orang Pulau Pinang juga bersamasama. Dia kata mobilisasi ini banyak. Dia pun tidak sangka banyak orang datang ke Pulau Pinang, banyak orang Pulau Pinang dan banyak orang datang ke Pulau Pinang untuk membantu, semangat kemanusiaan. Tidak perlu marah sini, marah sana, dia kata. Bencana ini menyusahkan semua. Selagi kerajaan berusaha bersungguh-sungguh, ini termasuk Kerajaan Pusat juga. So ini, ini bukan kritik, ini apa ni, *praise*, pujian. Selagi kerajaan berusaha bersungguh-sungguh, kita akan sokong. Tidak tahu dia hendak sokong siapalah. Kita akan sokong, dia kata. Kos rumah tinggi sikit di Pulau Pinang, dia kata. Juga merangkapkan suasana ataupun *psychology* rakyat, kos rumah tinggi sikit di Pulau Pinang. Golongan rakyat dalam dilema adalah rakyat yang tidak mampu beli yang mahal dan terperangkap dan tidak berkelayakkan untuk membeli yang kos sederhana.

Maksud dia, setahu saya, YB. Dato' Timbalan Speaker, ialah terperangkaplah pembeli rumah kadang-kadang di antara yang disebut sebagai mampu milik dan *low cost*, kos rendah. Golongan ini kita faham ada, kerana ada yang mendapat gaji tetapi tidak ada dokumentasi untuk menyokong pinjaman bank juga ada. Setahu saya sebagai seorang peguam juga, tengok saya sudah mengalami banyak kes di mana, berkeupayaan pembeli itu tetapi sistem bank tidak nak pinjam. Ini saya rasa bukan salah siapa. Mungkin salah *psychology* bank yang tidak berapa berkeyakinan dengan suasana ekonomi saja. Jadi saya tidak nak kata siapa yang salah, ini pemandu bukan saya, tetapi penjelasan tadi mengenai bank ini, pandangan saya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad):**

Beri laluan. Berkaitan dengan tadi Yang Berhormat ada sebut, *oh sorry*, Kebun Bunga ya? Kebun Bunga ada sebut berkaitan dengan harga rumah yang tinggi dan sebagainya. Sebagai peguam, saya hendak tanya Yang Berhormat, dalam urusan *conveyancing*, urusan pendaftaran pindah milik, gadaian dan sebagainya di pejabat Tanah, adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa kadar yang dikenakan oleh Pejabat Tanah iaitu Kerajaan Negeri agak tinggi dan ini juga membebankan para pembeli ataupun peminjam pinjaman bank sebab dokumen-dokumen seperti pindah milik, gadaian dan sebagainya perlu didaftar di Pejabat Tanah, selain itu borang kaveat dan lain-lain. *Consent* contohnya, *all this charges*. Adakah ini juga menyebabkan, orang kata, membebankan para pembeli ataupun peminjam bank? Itu sahaja.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

YB. Kebun Bunga, buat kesimpulan. Ada lima (5) minit lagi.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Ya, ya saya tahu. Saya hendak jelaskan sedikit lagi tetapi walau bagaimanapun pendek kata untuk satu (1) dua (2) ayat saja untuk menjawab Yang Berhormat saudara saya iaitu mengikut pasaran, masih banyak orang jual beli rumah. Yang saya hendak tumpukan di sini adalah mengenai rumah kos sederhana dan kos rendah, golongan orang yang miskin, seperti yang saya sebut tadi. Jikalau ada perumahan yang mahal itu, ini terpulang kepada pasaran, ada yang masih boleh beli rumah yang banyak mahal dan ada yang tidak mampu beli kerana kelayakkan seperti yang saya senaraikan. Ada juga yang tidak mampu beli yang *low cost*, itu juga ada. Tadi saya cadangkan sewa ataupun sewa-beli untuk yang golongan miskin. Pemandu Uber juga menyatakan, YB. Dato' Timbalan Speaker, yang menyusahkan adalah, (dengan izin)....*cost of living* yang kita sekarang ini yang dibeban oleh barang naik yang mahal. Dengan khasnya disebut adalah GST. Yang pihak pemandu Uber itu dia kata dia ada dua (2) kerja, dia kerja satu (1) di pejabat dan dia kadang-kadang keluar untuk bawa Uber dan GST sudah menyusahkan mereka. Dan dia kata harga petrol pun menyusahkan pemandu kereta. Dia kata nasi kandar harga pun sudah naik, roti canai pun naik, ais kacang pun naik, apa-apa pun naik, dia kata tepung, susu juga naik. Dan dia *complaint* terlalu banyak, untuk makluman YB. Dato' Timbalan Speaker,...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Kesimpulan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Ya, saya pun tak sangka. Dia kata yang saya cukup marah adalah harga durian naik. Dia kata dia memang dia suka durian dan harga terus *shoot up* dengan mahal sampai warga Penang tidak mampu makan. Saya menjelaskan kepada beliau, saya kata kerana pasaran. Mungkin penjaga dusun ataupun tuan dusun ini dia sudah jual durian ke luar negara ataupun ke Negara China ataupun ke negara mana-mana pun. Jadi terperanjat saya apabila encik, Pak Uber ini memberi satu cadangan yang saya cukup terperanjat, *surprised*. Dia kata buatlah, (dengan izin), satu usul bahawa yang dinamakan dusun reservasi untuk menjaga ataupun mengawal harga durian untuk Penangite....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Yang Berhormat hendak sambung malam ini lagikah?

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Tidak, tidak.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sila buat kesimpulan. Nanti kita cerita di luar.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Maksud saya kesimpulannya adalah mengenai contoh yang saya beri adalah mengenai perumahan untuk orang miskin yang tersangkut di dalam kelayakan membeli kos sederhana atau tidak dengan harga kos....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Boleh, Yang Berhormat saya minta laluan sedikit sahaja.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Jangan ganggu, nanti Yang Berhormat kena datang lagi malam ini.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Silakan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikit saja. Terima kasih Yang Berhormat. Saya masih ingat lagi kenyataan yang dibuat oleh YB. Dato' Timbalan Speaker, pada sidang yang dahulu bila saya usulkan tentang isu durian ni di mana rakyat di Pulau Pinang sekarang boleh hanya mampu bau durian saja, makan tidak boleh. Saya juga rasa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan di mana diwar-warkan dalam surat khabar baru-baru ini Perdana Menteri mengeksport durian ke China. Banyak sangat buah-buahan dieksport ke China dan promosi ini dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, oleh Perdana Menteri sendiri sehingga rakyat Pulau Pinang sendiri tidak mampu makan durian, bau sahaja boleh.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ini ada sedikit menyakit hati saya.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sila Kebun Bunga. Takpa, tidak ada apa yang sakit hati, nanti kita hendak rehat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ini satu tuduhan yang tidak baik.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tidak sokong? Tidak sokongkah kita rakyat Pulau Pinang hendak makan durian? Kita nak makan durian, tak sokong?

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, saya akan pendekkan...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ya, pendek sekali.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Saya sebenarnya hendak cadangkan kita ada rumah mampu milik, mungkin kita boleh usulkan bahawa durian mampu makan juga di Pulau Pinang. Saya tahu YB. Dato' Timbalan Speaker, di Sungai Bakap, tempat di Seberang Perai Selatan masih banyak ...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Saya tahu Yang Berhormat tidak mahu datang malam ini. Sekarang buat kesimpulan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Kesimpulannya, yang tadi saya sudah membincangkan, saya mungkin boleh harap, saya memang boleh harap bahawa EXCO-EXCO boleh di dalam pengulungan boleh beri jawapan kepada saya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

TOOOOTTTT. (*bunyi buzer*)

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Satu saja. YB. Dato' Timbalan Speaker, cuma dua (2) ayat sahaja, dua (2) ayat sahaja, rumah mampu milik, durian mampu makan. Saya memohon sokong.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ahli-ahli Berhormat, Dewan berhenti rehat dan akan sambung semula pada jam 8.00 malam.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.20 petang.***

***Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.***

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung dan masih dalam sesi perbahasan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dipersilakan. YB. Permatang Berangan sila.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Selamat Malam, Salam Satu Malaysia, Salam Negaraku. Terima kasih kerana diberi penghormatan kepada saya untuk berucap pada malam ini di dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.

*Alhamdulillahirobbilalamin Washolatu Wassalamu 'ala Asrofil Ambiya Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Aj Ma'in.* Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah Ta'ala kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada kali ini dalam perbahasan Rang Perbahasan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Air Putih.

YB. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih dahulu dalam Dewan yang mulia ini sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan DUN Permatang Berangan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas pembangunan yang diberikan kepada rakyat di Permatang Berangan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat terutamanya dalam memberikan banyak yang diberikan dan saya rasa mampu lagi diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat bagi memastikan bahawa pembangunan sekata dapat dilaksanakan di Negeri-Negeri di bawah pemerintahan Kerajaan Negeri. Tidaklah kiranya mana-mana parti politik, tak kira mana-mana penganut agama dan kefahaman politik bagi menjalankan kewajipan kita hendaklah menjalankan pembangunan yang sekata di dalam Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan kelembapan ekonomi global yang semakin membesar saya ingin menyatakan keperhatinan saya di dalam menghadapi kegawatan ekonomi global ini secara langsung atau secara tak langsung sudah tentu memberikan kesan kepada penduduk Pulau Pinang dan kegawatan ekonomi ini disebabkan harga minyak yang tidak menentu sudah tentu sedikit sebanyak memberikan kesan kepada semua pihak, oleh itu, saya amat yakin Kerajaan Negeri sudah semestinya sudah mempunyai perancangan atau tindakan yang lebih proaktif dalam memastikan rakyat Negeri Pulau Pinang terus makmur walaupun bagaimanapun saya ingin mengajukan pertanyaan kepada Kerajaan Negeri tentang langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam menghadapi situasi ekonomi yang tidak menentu. Oleh itu, amatlah penting kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil langkah-langkah proaktif dalam menangani situasi sedemikian.

Dalam menghadapi kegawatan ekonomi global kita di Tasek Gelugor dikejutkan pula dengan isu MPSP bertindak agresif terhadap peniaga-peniaga di tepi jalan dekat Pasar Awam, Tasek Gelugor, walaupun dalam Belanjawan ini menyebut bahawa Kerajaan Negeri tidak mengenakan lesen penjaja tetapi saya amat berterima kasihlah dalam soal itu dan sebenarnya lesen penjaja ini tidaklah seberapa tetapi ruang-ruang perniagaan harus disediakan, khemah-khemah yang diberikan kepada penjaja-penjaja itu di mana hendak letakkan kalau ruang-ruang perniagaan tidak disediakan? Malangnya di Tasek Gelugor ini terdapat kawasan parkir yang dijadikan ruang perniagaan 10 x 10 sudah tentulah melibatkan kesesakan lalu lintas di ruang parkir itu. Jadi saya harap Kerajaan Negeri dapat menyediakan banyak ruang-ruang perniagaan untuk dijadikan tempat-tempat perniagaan oleh peniaga-peniaga ini.



Banjir di Permatang Berangan, saya tak sentuh banjir di Pulau Pinang saya sentuh banjir di Permatang Berangan. Banjir tidak akan berlaku tanpa hujan walaupun yang saya amat prihatin di sini adalah apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah banjir kilat yang sering kali berlaku di kawasan Labuh Banting, Kampung Chegar, Lubuk Meriam dan Lahar Yooi. Banjir berlaku disebabkan hujan hanya beberapa jam sahaja dan masalah ini sudah tentu berterusan sekian lama tanpa saya nampak apa-apa perubahan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri.

Dari segi pelancongan pula, YB. Dato' Speaker, umum mengetahui bahawa pelancongan telah menjadi punca pendapatan yang besar kepada Kerajaan Negeri dan sudah tentulah Kerajaan Negeri membelanjakan jumlah yang besar dalam mempromosikan pelancongan dalam Pulau Pinang. Bagi beberapa agensi seperti *Penang Tourism Penang* dan *Penang Global Tourism*, saya mewakili KADUN Permatang Berangan juga ingin mengetahui tentang promosi yang dijalankan untuk mempromosikan *homestay* di sekitar Seberang Perai Utara? Apakah usaha yang dijalankan untuk mempromosikan *homestay* yang wujud di sekitar Seberang Perai Utara termasuk *Homestay Lahar Yooi*, yang saya juga mohon agar Kerajaan Negeri memberikan statistik kemasukan pelancong ke *Homestay Lahar Yooi* sehingga tahun ini.

YB. Dato' Speaker, salah satu usaha Kerajaan Negeri adalah mengekalkan kehijauan Pulau Pinang dan kita amat berharap agar Kerajaan Negeri *consistent* dalam mengekalkan kehijauan di Pulau Mutiara ini. Walau bagaimanapun di kawasan Permatang Berangan antara masalah yang dihadapi adalah berikutan berkaitan banjir monyet dan babi hutan yang sering kali merosakkan tanaman sekitar Padang Cempedak, Pokok Tampang dan sebagainya. Selain daripada membunuh binatang yang sedikit sebanyak akan memberikan kesan kepada ekosistem, apakah langkah-langkah alternatif lain yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan keseimbangan di antara keperluan untuk menjaga ekosistem dan kerosakan tanaman.

Selain daripada itu, sebagai ADUN Permatang Berangan saya dapat melihat apakah kemudahan beberapa pusat hiburan atau *cyber cafe* saya percaya wujudnya mesin-mesin judi di kawasan tersebut yang secara langsung dan tidak langsung memberikan kesan sosial kepada masyarakat setempat seperti hutang ah long, pergaduhan suami isteri dan sebagainya. Oleh itu, saya amat saya amat mohon agar dinyatakan secara statistik berapa banyakkah pusat hiburan yang wujud di Permatang Berangan dan jika ada telah ditutup, berapa banyak pula yang telah ditutup dan berapa banyakkah lesen yang telah dikeluarkan kepada pusat-pusat hiburan seperti ini.

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin menarik perhatian MPSP berkaitan dengan pemasangan lampu isyarat di dua persimpangan jalan iaitu di Tasek Gelugor dan Pokok Tampang dan Tasek Gelugor, Kubang Menerong. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, MPSP telah berjanji untuk melaksanakan lampu isyarat itu sejak 2017, sejak awal tahun 2017 tetapi hingga hari ke ini belum ada janji-janji itu ditunaikan, ini adalah penting kerana ianya melibatkan keselamatan rakyat sekitar Permatang Berangan.

Umum mengetahui bahawa Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang kebanyakannya berada di kawasan Bandar dan Luar Bandar. Sudah tentu masih banyak terdapat banyak infrastruktur yang boleh dibaiki lagi. IKS juga secara langsung dan tidak langsung menyumbang kepada pendapatan Kerajaan Negeri. Oleh itu saya ingin mengetahui apakah hala tuju Kerajaan Negeri dalam membangunkan IKS ini terutama IKS yang terdapat di kawasan-kawasan hiliran agar industri ini terus berkembang dan menyumbang secara lebih berkesan kepada Kerajaan Negeri.

YB. Dato' Speaker, seterusnya berkaitan dengan isu tanah yang sering dibangkitkan tetapi masih tiada jawapan yang berkaitan dengan tanah yang telah dibuat balik oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk tujuan awam. Apakah interpretasi Kerajaan Negeri untuk tanah tujuan awam? Bolehkah tanah ini dijual kepada pihak ketiga? Berapa luaskah kawasan yang diambil oleh Pihak Kerajaan Negeri untuk dijual kepada pihak ketiga? Isu-isu sebegini amatlah penting dan sensitif di Pulau Pinang kerana Negeri Pulau Pinang mempunyai tanah yang amat terhad. Oleh itu jawapan daripada Kerajaan Negeri amatlah diharapkan.

Seterusnya YB. Dato' Speaker, saya mohon untuk mengetahui tentang Permohonan Kebenaran Merancang atau (KM) yang telah dikemukakan pada SPC dan OSC. Saya mohon diberikan jumlah permohonan yang dibuat dan juga kelulusan dan penolakan yang telah dibuat sejak tahun 2013 hingga 2017. Secara *detailnya* saya mohon agar diberikan statistik kelulusan atau permohonan yang diluluskan oleh dan ditolak dan seterusnya memberikan secara terperinci tentang faktor kelewatan dan penolakan dalam kelulusan tersebut. Ini bukanlah bertujuan ini bukanlah bertujuan untuk menimbulkan isu tetapi memikirkan perumahan adalah hak rakyat yang harus diberikan, diutamakan dan diharapkan dan harapan saya agar ianya tidak di politikkan.

Umum mengetahui PDC adalah merupakan Agensi Kerajaan Negeri yang aktiviti utamanya adalah menyediakan perumahan. Walau bagaimanapun hari ini saya mohon agar Dewan yang mulia ini diberitahu aktiviti yang utama yang dijalankan oleh PDC sejak tahun 2013 tidak kiralah dari segi sektor perumahan, sosial, ekonomi, mikro dan makro dan lain-lain yang bersangkutan.

YB. Dato' Speaker, sejak akhir ini kita dibangkitkan dengan isu setinggan yang menduduki tanah pelbagai sama ada swasta atau Kerajaan Negeri atau Persekutuan. Oleh itu apakah polisi yang didukung oleh Kerajaan Negeri dalam memberikan pampasan kepada setinggan dan pemilik rumah-rumah yang dirobuhkan oleh pemaju untuk sesuatu pemajuan? Apakah tali pengukur yang digunakan dalam menentukan pampasan?

Isu panas yang kebelakangan ini di Pulau Pinang adalah isu pemajuan di Lereng Bukit... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat tentang isu pampasan kepada yang tinggal di bukan sahaja setinggan, tetapi yang tinggal juga di kawasan yang akan dimajukan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya minta Yang Berhormat memberi pendapat bagaimana cadangan Yang Berhormat berkenaan dengan kalau isu ini melibatkan penduduk-penduduk kakitangan Kerajaan yang tinggal di perumahan-perumahan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan tanah itu dimajukan oleh Kerajaan Persekutuan untuk projek-projek perumahan seperti PR1MA? Sanggupkah Yang Berhormat membantu saya?

Di kawasan saya, saya telah berbahas kelmarin di mana terdapat satu tanah di mana projek PR1MA akan dibina, rumah-rumah PR1MA akan dibina, dan di kawasan itu terdapat 36 keluarga di mana mereka sekarang menghuni perumahan Kastam. Kebanyakan daripada mereka merupakan bekas kakitangan Kastam yang tidak mampu membeli rumah di Pulau Pinang sekarang dan pada asalnya mereka telah berunding dengan JKPTG dan juga dengan Pengawai-pegawai Kastam di mana mereka telah dijanjikan pampasan sekiranya berlaku sesuatu pembangunan di tanah tersebut, mereka dijanjikan dengan satu pampasan seunit rumah tetapi selepas itu, selepas beberapa kali mengadakan mesyuarat dan rundingan, di dapati bahawa pihak Kastam telah melepas tangan dan menyerahkannya kepada pemaju tempatan, pemaju persendirian dan projek itu sekarang hampir-hampir bermula tetapi kita lihat bahawa JKPTG dan pihak Kastam telah pun memulakan proses merobuhkan rumah-rumah tersebut.

Saya pun nak minta Yang Berhormat kalau boleh membantu saya untuk berhubung dengan pihak JKPTG iaitu pihak-pihak yang berkuasa di Kerajaan Tempatan untuk memastikan bahawa 36 keluarga ini kebanyakannya adalah pesara-pesara Pegawai Kastam boleh diberikan pampasan sekurang-kurangnya mereka minta satu unit rumah teres, sekiranya pun tidak kalau ada pangsapuri yang akan dibina sekurang-kurangnya satu unit pangsapuri secara percuma. Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju bahawa walaupun mereka tidak diberikan pampasan, sebabnya pihak JKPTG menafikan, JKPTG mengatakan bahawa mereka tidak berhak untuk diberikan pampasan sebab mereka merupakan penghuni secara sementara sahaja. Kerana mereka merupakan kakitangan Kerajaan dan bila diserahkan dengan notis untuk keluar daripada rumah-rumah tersebut, mereka harus meninggalkan rumah tersebut. Baik (dengan izin)...*it easier said than done*. Masing-masing mempunyai keluarga masing-masing, di manakah mereka boleh pergi tinggal sekarang, mereka juga merupakan pesara dan tak mampu bayar, bolehkah Yang Berhormat setuju dengan saya mereka sepatutnya dipertimbangkan untuk diberi pampasan juga dan bolehkah Yang Berhormat sendiri membantu saya dalam menghadapi masalah ini. Terima kasih.

**Ahli Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):**

Terima kasih YB. Seri Delima. Perkara ini telah pun dibincangkan di peringkat JKPTG dan juga peringkat JKP, Kastam, baru-baru ini dan sepatutnya apa yang dilakukan oleh PERDA, saya berurusan dengan PERDA dahulu, bahawa rumah-rumah di Telok Bahang yang penghuni-penghuninya banyak setinggan di situ adalah kaum India maka kita bagi dua (2) unit satu *family* kita bagi *one (1) a standard family*, dua (2) unit rumah pangsapuri dan menjadikan kita memberikan 22 unit, ada 11 *family* kita bagi 22 unit. *One (1) for him, one (1) for extended family*, anak-anak dia. Dan polisi yang kita gunakan, di, sama juga di Teluk Kumbar, 1 *family* untuk 1 rumah kita bagi 1. *One is to one*, jadi dalam hal ini kita akan terus berbincang lagi saya boleh membantu saya akan bincang lagi dengan pihak-pihak Kastam dan juga pihak-pihak JKPTG bagaimana hendak menangani masalah ini. Jadi saya beri jaminan bahawa saya akan cuba untuk berbincanglah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya cuma ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih sekurang-kurangnya saya dapat membawa berita ini balik kepada penduduk di kawasan itu yang sekarang tinggal dalam keadaan yang tidak begitu tenteram. Saya akan maklumkan bahawa Yang Berhormat daripada Permatang Berangan telah memberi satu akur janji bahawa akan membantu kerana saya ingin membantu, pada asalnya mereka tidak menghubungi saya, pada asalnya mereka menghubungi pihak-pihak ketiga, tetapi selepas perkara ini berlaku dan mereka mendampingi saya, memohon saya untuk bantu saya telah membantu dan dengan campur tangan YB. Padang Kota dan YB. Datok Keramat yang telah mengeluarkan surat di mana pihak JKPTG telah bermesyuarat, mereka setuju untuk hanya merobohkan rumah-rumah yang tidak dihuni sahaja.

Jadi saya ucapkan jutaan terima kasih saya juga akan mengambil nombor pejabat dan nombor *handphone* Yang Berhormat sekiranya perlu kita boleh berurusan untuk satu penyelesaian. Terima kasih di atas berita baik ini Yang Berhormat.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila, Permatang Berangan.

**Ahli Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):**

YB. Dato' Speaker, saya juga terpenggil untuk menyatakan simpati saya kepada keluarga yang terlibat dan saya berharap agar ada keputusan dalam Kerajaan Negeri dalam memutuskan semua perkara berkaitan dengan tragedi yang menimpa. Oleh itu saya juga ingin mengetahui tentang jumlah kemajuan iaitu oleh Kerajaan Negeri di lereng-lereng bukit.

Pasal tanah runtuh, apa kemajuan lereng bukit juga ada disebabkan kepada berlakunya banjir kilat di Pulau Pinang? Apakah Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah dan memberikan kelulusan pemajuan di lereng bukit atau hanya menetapkan syarat-syarat sama ada di pemajuan di tanah rata, sama seperti di tanah rata?

YB. Dato' Speaker, dalam keadaan ekonomi yang lembab ini juga menyebabkan orang ramai yang ingin memiliki rumah tetapi gagal kerana tidak mendapat pembiayaan daripada agensi perbankan dan ini menyebabkan wujudnya agensi kerajaan seperti memperkenalkan skim sewa beli untuk pembelian rumah kos rendah. Jadi saya ingin mengetahui tentang apakah Kerajaan Negeri dalam menjalankan konsep sewa beli ini? Adakah akan menggalakkan pemaju swasta untuk melakukan konsep yang sama seperti yang sama seperti yang sudah semestinya sama tidak membebaskan rakyat? Rentetan daripada ini juga, saya juga memohon agar Dewan yang mulia ini untuk menyemak, menyenaraikan jumlah projek, bilangan rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 tanpa melibatkan pihak swasta, statistik ini adalah amat penting bagi rakyat untuk menilai sejauh mana Kerajaan Negeri serius dalam membina rumah kos rendah.

YB. Dato' Speaker, sebagai ADUN Permatang Berangan saya juga ingin mengetahui berkaitan tanah yang dibuat pengambilan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2013. Saya mohon agar butiran lengkap seperti nombor lot, jumlah keluasan, serta jumlah pampasan dinyatakan di dalam Dewan yang mulia ini. Seterusnya saya juga ingin menyentuh isu bahawa keluasan sawah padi, kawasan sawah padi yang aktif tidak akan ditambun, tetapi kenapa perkara ini masih berleluasa di Seberang Perai? Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh PBT, dan Kerajaan Negeri dalam menangani perkara ini bolehkah Kerajaan Negeri berkongsi tentang data sawah yang tidak aktif yang terdapat di Negeri Pulau Pinang dan jika ianya tidak aktif dan tidak pula boleh dilakukan apa-apa aktiviti di atasnya? Apakah ini amat merugikan tuan punya dan Kerajaan Negeri seharusnya mengambil inisiatif untuk menggerakkan tuan punya membuat tanaman sawah padi? Saya juga ingin mengetahui tentang bentuk sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu petani di Tasek Gelugor.

YB. Dato' Speaker, keadaan cuaca yang tidak menentu ini kadang-kadang panas kadang-kadang hujan, jika hujan akan berlaku banjir dan jika panas kebakaran pula akan menjelma. Jika dilihat kawasan-kawasan banjir terutama kawasan perumahan, memang lengkap dipasang paip Bomba dan walau bagaimanapun paip Bomba amat jarang kelihatan di kawasan-kawasan luar bandar dan kampung-kampung. Adalah sesuatu yang penting untuk memastikan paip Bomba juga dipasang di kawasan-kawasan kampung.

Seterusnya ingin mengajak semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini melihat kepada prestasi bola sepak di Negeri ini. Amatlah memalukan apabila pasukan bola sepak Pulau Pinang yang teruk merudum

sejak kebelakangan ini. Jadi apakah langkah-langkah masa jangka panjang dan jangka pendek yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan bola sepak Pulau Pinang kembali dibanggakan?

Saya mohon Dewan yang mulia untuk memberikan statistik penutupan sekolah-sekolah agama.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sikit saja Yang Berhormat, saya cuma nak tanya kalau boleh cadangkan apa-apa untuk kita sama-sama berkongsi untuk memberi input untuk menaikkan prestasi bola sepak ini. Minta Yang Berhormat beri cadangan.

**Ahli Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):**

Input bola sepak yang persatuan bola sepak ini kita dah lantik ADUN Sungai Dua untuk mempelawa beliau menjadi *President* FAP, jadi kita harap beliau akan menerima tawaran itu daripada Ketua Menteri. Beliau seorang berkewibaaan untuk membawa bola sepak ke mercu kejayaan. Peruntukan daripada *own state* punya peruntukkanlah pemain tempatan baru betul. Ambil saja orang putih mai main sini pun tak guna. Main pun tak cantik, orang tempatan lagi cantik main.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat setuju dengan saya. Kalau kita kali ini kalau kita mulakan memandangkan kita sudah pun, pasukan kita sudah pun turun ke Liga Premier, Liga Perdana, kita bermula dari asas, tak perlu kita bawa pemain-pemain daripada luar negara. Terutamanya daripada Eropah, kerana kemungkinan mereka tidak begitu selesa main dalam iklim negara kita, satu.

Dua, saya cadangkan supaya kita mulakan daripada asas membina semula dengan satu visi yang jangka masa panjang iaitu melantik pemain-pemain daripada Pulau Pinang sendiri, kita memilih pemain-pemain daripada Pulau Pinang, pemain-pemain daripada negeri kita sendiri yang bangga untuk main menyaring jersi negeri kita untuk bermain. Kita lihat banyak sangat duit yang dibelanjakan untuk membayar pemain-pemain *professional* tetapi bagi pihak mereka janji dapat gaji, mereka tak kiralah sama ada prestasi pasukan kita baik ataupun tak baik.

Berbanding dengan kelab-kelab gergasi di Eropah dan sebagainya di mana prestasi sesuatu kelab itu dan juga bayaran dinaikkan dari setahun ke setahun ataupun dalam tempoh kontrak berdasarkan kepada kemajuan yang dicapai oleh negara itu ataupun kelab professional itu. Apakah pendapat Yang Berhormat? Kita sepatunya memilih pemain-pemain, memberi peluang kepada budak-budak kita sendiri di Pulau Pinang dan memastikan bahawa mereka dibenarkan untuk bermain dan kita perlu mengurangkan pengambilan pemain-pemain bola sepak daripada luar negara. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Ahli Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):**

Saya setuju dengan YB. Seri Delima itu, cuma kita tak boleh ambil mamak yang main bola. Pasal mamak bila jumpa *corner* dia buat kedai, tak tendang *corner*. Jadi setuju kita latih orang kita sendiri untuk bermain dan kita menghabiskan banyak wang, Kerajaan Negeri banyak menghabiskan banyak wang untuk diberikan kepada pemain-pemain *import*, jadi hasilnya tak seberapa.

Saya juga memohon pada Dewan ini memberikan statistik penutupan sekolah KAFA bermula dari tahun 2008 hingga 2017. Saya memohon dinyatakan sebab KAFA ini ditutup. Jawapan yang diberikan kepada saya dalam jawapan bertulis tidak ada sekolah KAFA ditutup di Pulau Pinang ini. Tetapi apa yang saya dapat tahu ialah sekolah KAFA telah ditutup, sebanyak dua (2) sekolah KAFA ditutup iaitu di kawasan Seberang Tok Dol dan kawasan Chegar. Sekolah KAFA ini ditutup sejak kebelakangan ini, dua tiga tahun ini, jadi jawapan yang diberikan oleh ADUN...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Maung.

**Ahli Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid):**

Batu Maung satu pembohongan dalam Dewan ini dan kita tak dapat terima kalau dia kata tak tutup, tutuplah. Dah tutup, kita bawa dia pi sana pun saya tengok tutup sekolah itu dan dia kata satu pun tak tutup, janganlah bohong orang kampung. Saya pun orang kampung sendiri dan orang kampung sendiri tau macam mana sekolah itu tutuplah tak tutup. Jadi kita mahu dalam Dewan ini ialah telus jelas

dan sebagainya dan kita tak mau ada selindung dan bohong dan sebagainya. Dan saya harap perkara ini tak diamalkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Kebelakangan ini juga, kita dikejutkan dengan kebakaran pusat tahfiz dan saya dilahirkan rasa takziah di atas kejadian tersebut. Oleh itu saya mohon agar Kerajaan Negeri juga memainkan peranan dalam memastikan pusat tahfiz itu selamat. Saya mohon juga, dinyatakan berapakah jumlah pusat tahfiz yang wujud di Pulau Pinang dan apakah Kerajaan Negeri memastikan semua pusat tahfiz ini adalah selamat serta memenuhi ciri-ciri keselamatan.

YB. Dato' Speaker, saya telah menjadi wakil rakyat selama satu penggal di Permatang Berangan. Saya juga memohon Kerajaan Negeri menyatakan secara terperinci peruntukan kewangan yang untuk pembangunan luar bandar dalam KADUN Permatang Berangan bermula dari tahun 2013 hingga 2017. Saya juga ingin mengetahui tentang hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat, dan hutang luar negara daripada tahun 2013 hingga 2017. Saya mohon menyatakan tujuan pinjaman itu dibuat.

Akhirnya YB. Dato' Speaker, dunia mengetahui tentang keperitan dan penderitaan puak Rohingya. Oleh itu, apakah sumbangan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk menentukan penyertaan rakyat ini. Oleh kerana kita pun dalam keadaan kebanjiran ini, dan Permatang Berangan pun masih lagi, penduduk-penduduk Permatang Berangan masih lagi ada di pusat pemindahan seramai 1,000 orang lebih. Jadi saya harap kita sahaja dok minta sumbangan daripada orang, kalau orang minta sumbangan daripada kita adakah kita memberi.

Perkara ini juga, kita harap dapat dipertimbangkan segala peruntukan untuk diberikan sumbangan kepada kerajaan-kerajaan lain untuk memastikan kita hidup dalam dunia bermasyarakat ini. Juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, semua pihak yang terlibat seperti agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi Kerajaan Pusat, agensi-agensi Kerajaan Negeri yang telah banyak membantu penduduk-penduduk Permatang Berangan hingga ke hari ini. Dan saya tidak mai, tidak hadir di sini 2, 3 hari oleh kerana membantu rakyat Permatang Berangan, rakyat mesti diutamakan YB. Seri Delima.

Jadi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua agensi-agensi kerajaan, agensi Kerajaan Pusat, agensi Kerajaan Negeri yang telah bertungkus lumus membantu rakyat-rakyat yang telah menimpa kejadian bencana banjir ini. Dan juga kepada Y.A.B. Air Putih saya mengucapkan terima kasih, YB. Sungai Puyu saya juga mengucapkan terima kasih, YB. Seberang Jaya juga yang telah datang ke kawasan saya untuk menilai dan menyatakan rasa simpati mereka kepada rakyat Negeri Pulau Pinang terutamanya rakyat Permatang Berangan. Jadi dengan kata-kata itu, saya juga ingin menyokong. Terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Permatang Berangan. Seterusnya saya silakan YB. Tanjong Bunga. Sila.

#### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih, memberi saya peluang berbahaskan ucapan Bajet 2018 Negeri Pulau Pinang di Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 2 haribulan November 2017. Salam sejahtera, *of course* Salam Bersih juga dan Salam (*bahasa asing*)...(dengan izin) iaitu alam sekitar maha berkuasa. Jangan main-main.

YB. Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada satu NGO iaitu namanya *Nature Classroom*, bahawa mereka telah berjaya mengumpulkan data-data dan menganalisa dan menerbitkan sebuah buku iaitu satu *hand book of Penang Coastal Ecosystem-A Species Outside Everyone*...(dengan izin), ini adalah satu *handbook* memperkenalkan ekosistem di Middle Bank *seagrass bed* dan juga di Pulau Gazumbo. Mereka telah bermula dari tahun 2014, dan banyak kali melawati Middle Bank *seagrass bed* dan Pulau Gazumbo, untuk mengutipkan data-data dan kemudian menerbitkannya. *Handbook* ini mengandungi informasi yang amat mustahak untuk dirujukkan semua pihak pada masa depan. Dengan itu, saya serahkan 10 naskah *handbook* ini kepada DUN untuk rujukan, dan mungkin satu penyata kalau boleh Penyata Rasmi untuk masa depan. Dan saya juga nak mengucapkan terima kasih kepada....(gangguan).

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis?

### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Bukan. Ya. Mr. Ng Hong Jin dan Wong Yuen Yuen yang telah bertungkus lumus ke tapak ini mengumpulkan setiap spesies, setiap spesies daripada kawasan ini. Dan saya harap ini boleh jadi satu contoh di mana Kerajaan Negeri pada masa depan, kalau boleh memperuntukkan kepada NGO-NGO yang menyumbangkan masa mereka untuk mengumpulkan data-data yang terpenting sekali untuk menjadi satu rujukan pendidikan kepada pemuda-pemudi kita atau *generation* akan datang, itu adalah penting dijadikan satu buku rujukan.

Saya ingin lagi bahawa satu perkara yang harap Y.A.B. Ketua Menteri juga sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perlembagaan dengan jasa baik, menerima permohonan saya dan juga Jawatankuasa Transgender Negeri Pulau Pinang kita ini menjadikan tiga (3) naskah laporan simposium yang telah saya dan rakan-rakan saya serahkan kepada Yang Amat Berhormat yang diwakili diterima oleh YB Seberang Perai pagi tadi. Dan supaya ia menjadi satu Penyata Rasmi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk rujukan pada masa depan.

Saya fikir tiga (3) simposium laporan ini sangatlah penting, dan kandungannya sangat luas dan kita berasaskan tiga (3) bahagian dan dijadikan satu laporan yang penting iaitu *inclusive health care for transgender person* diadakan tarikh 28 Julai 2016. Simposium kedua, penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang *inclusive* bagi *individual transgender*. Simposium ketiga, *arrest* dan *detention of transgender person*. Dan tiga-tiga simposium ini juga diambil bahagian oleh agensi-agensi yang tertentu, kita sangat, kita mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi yang ambil bahagian dan memberi pandangan dan juga *action* dan *information* dan memahami semua *discussion* faktor-faktor yang kita bincangkan dan kemudian satu laporan telah dibuat.

### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) :**

Penjelasan. Penjelasan. Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit. YB. Tanjung Bunga mengenai simposium, ketiga simposium yang dibuat telah dibuat sebelum itu khasnya atas tiga (3) perkara yang penting. Satu adalah mengenai keselamatan peribadi atau *individual* di dalam *custody* Polis. Satu lagi adalah (dengan izin)...*public facility* orang *transgender*, dan satu lagi adalah (dengan izin)...*inclusive health care*. Bolehkah Yang Berhormat beritahu kepada Dewan yang mulia ini, apakah yang *reception* ataupun pandangan dari pihak-pihak pegawai mengenai ketiga-tiga ini dan apa akibat *the conclusion of the three symposium*...(dengan izin), 3 simposium ini.

### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Kebun Bunga. Dalam simposium *inclusive health care* atau penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang *inclusive* bagi *individual transgender*, memang agensi-agensi yang ambil bahagian sangat bekerjasama supaya pandangan yang positif telah diberi, dan *diexchanged*....(dengan izin) dan masing-masing juga dapatkan satu laporan yang sangat dalam selepas simposium ini. Kemudian golongan *transgender* ini juga dapat *berinteraction* dengan agensi-agensi tersebut, dan dengan lebih erat dan lebih sempurna dan tentang *arrest* dan *detention transgender person* dalam simposium ini, pihak PDRM, pihak Penjara dan lain juga ada hadir, dan masing-masing juga menunjukkan satu perfahaman yang baik antara yang ambil bahagian dan simposium ini adalah, dalam *arrest* dan *detention* itu sangat berguna dan semua faham apa yang perlu dibuat. Dan Polis juga beritahu cara-caranya dan semua cadangan juga diambil maklum.

Dalam simposium *access to public facilities for transgender person especially to public toilet*, ini juga diambil bahagian beberapa agensi tetapi saya fikir satu agensi yang tidak hadir saya fikir *very regret*, kesal iaitu PBT, MPSP dan MBPP. Ini ada satu agensi yang penting di mana mereka boleh bagi *support* dalam *access to public facilities to transgender person* dicapai. Tapi dalam masa itu mereka tak hadir, tidak apa. Nanti mereka mungkin dapatkan informasi dari simposium ini dan boleh buat satu kajian supaya satu *guide line* baru boleh diadakan, dibubarkan untuk rujukan masa depan atau memberi, membina fasiliti sendiri supaya masyarakat kita ini yang kita selalu mahu kan satu generate kualiti boleh dicapai.

YB. Dato' Speaker, soalan saya kepada soalan bertulis saya 27, berkenaan dengan reformasi Dewan dan memang beberapa reformasi telah diadakan di dalam Dewan ini terutamanya sesi soalan lisan telah dipanjangkan kepada satu setengah jam setiap hari persidangan. Ini memang satu reformasi Dewan yang kita tercapai dan saya juga ucapkan tahniah kepada YB. Dato' Speaker, tetapi saya fikir satu reformasi yang lagi hebat boleh diadakan bahawa Pakatan Harapan Nasional telah mengumumkan satu *political flag* atau satu janji bahawa jikalau Pakatan Harapan dapat Pentadbiran di Putrajaya dan dalam Pilihanraya Umum 14 yang umumkan oleh Presidennya Tun Dr Mahathir bahawa salah satu *flag* adalah

penghadan penjawatan Perdana Menteri kepada dua (2) penggal dan janji ini juga di sokong Timbalan Pengerusi Amanah dan juga YB Mukhriz Parti Bersatu. Saya fikir ini menunjukkan satu sistem Parlimen seperti Malaysia yang bertulis memang boleh diubah keadaannya.

Jadi cadangan janji ini adalah selaras dengan prinsip di mana saya selalu mohon satu penghadan perjawatan termasuk Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri kepada dua (2) penggal. Jadi, saya harap cadangan janji Pakatan Harapan tersebut dengan tujuan mengelakkan rasuah salah guna kuasa itu boleh *materialize*. Oleh sebab itu, saya fikir Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang terutamanya saya juga mohon Y.A.B. Ketua Menteri jangan lepas peluang emas ini untuk menggubalkan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang untuk maksud tersebut agar satu *legacy* di cipta Y.A.B. Ketua Menteri iaitu akan menunjukkan *Penang* boleh *Penang* lebih progresif dan ini akan memberi keyakinan kepada rakyat bila kita bertanding dalam PRU 14 supaya kita *walk the top*.

YB. Dato' Speaker, dalam bajet ini kita ada satu perkataan marhaen. Saya cari sedikit sebanyak makna cari *google* ada dua (2) aspek maksudnya satu memang kita orang biasa *we call communal working class what we can say* rakyat biasa (dengan izin) ini dari segi positif tetapi ada juga dari *negatif yang makna membawa* maksud tidak berpelajaran, kurang ajar juga dan itu adalah dari negatif aspek. Juga dari bidang sejarah maksudnya golongan bawahan atau rakyat biasa dalam kata tingkat masyarakat pada zaman perubahan Rom purba dalam Rom yang *plebeian*. Jadi mungkin dengan konsep ini ia ada sikit diskriminasi. Marhaen ini kemudian dijadikan satu *ideology* oleh seorang *sociology* jadi satu marhaenism, marhaenisma di mana maksudnya ada satu alternatif iaitu *the third way*. Maksud *the third way* untuk seseorang itu dari kedua kubu yang bertentangan. Kalau lebih asalnya maksud marhaen itu adalah seorang nama seorang petani di mana dia kena berdikari untuk bersaing dengan kapitalis dalam satu *market*. Jadi dia kena cari jalan keluar. Ini maksud satu mesej mungkin kita boleh dapat dari marhaen ini bahawa rakyat ada pilihan, rakyat ada pilihan kalau mereka boleh, dia boleh pilih satu jalan keluar dari kedua kubu yang bertentangan *that's the third way its mean*.

So ini adalah satu *blue ocean* kalau boleh di kalangan rakyat supaya satu pilihan yang betul-betul mereka boleh pilih untuk rujukan mesej ini. *Of course* marhaenisma ia ada satu semangat berdikari jadi sama ada di keadaan yang buruk rakyat kena cerdik membuat pilihan yang manfaat. Ini satu mesej saya hendak kongsi dengan setahu saya tentang marhaenisma.

YB. Dato' Speaker, satu lagi isu atau konsep saya dapat polisi OBOR iaitu *One Belt One Road*. Di mana saya tanya, "Mengapa Negeri Pulau Pinang tidak dapat atau begitu lambat bermanfaat dan terlibat dalam program *One Belt One Road* yang dilaksanakan oleh Negara China". Itu pun di jawab dengan jawapan yang saya tidak puas hati kerana dia kita tidak dapat ambil bahagian dalam OBOR ini dan akan melepaskan ke satu peluang yang baik supaya kita dapat mempertingkatkan ekonomi kita dalam negeri. Terutamanya satu *currency* baru akan diadakan Negara China iaitu *Digital Currency*. *Digital Currency* ini adalah satu *currency* yang terbaru tidak pakai *note*, dia tidak pakai *note* tapi satu *digital currency* satu unit menggunakan digital. Konsep ini adalah satu sistem yang control oleh Bank Negara sesebuah negara yang menjalankan *digital currency system* ini. Negara China difahamkan ia juga akan adakan sistem ini dan mengadakan satu *currency, digital currency*. Di mana ia boleh dipakai sebagai normal wang, mata wang. Jadi saya harap Kerajaan Negeri kita boleh ambil maklum dan buat satu kajian yang lebih dalam supaya bagaimana kita boleh dapat manfaat daripada *digital currency* ini dalam memperkembangkan ekonomi kita dalam mengambil bahagian dalam program *One Belt One Road* pada masa depan dan *Digital Currency* ini ada satu *advantage...*(dengan izin) yang *reduce money boundary*. Ini sangat penting kalau kita ada dalam sistem ini bersama-sama dalam *One Belt One Road* kita akan dapat banyak manfaat daripada perkembangan ekonomi untuk negeri kita. Memang ini satu sistem ada konsep yang sangat baru ramai mungkin tidak faham saya Kerajaan Negeri boleh betul-betul ambil masa untuk mengkaji *digital currency* ini seperti mana ada banyak konsep baru saya pernah bangkitkan di sini tapi selalu mungkin tidak faham atau kemudian diejek atau dikritik.

Saya harap ini satu prinsip baru yang boleh dikaji Kerajaan Negeri supaya kita dapat macam mana bekerjasama dengan Negara China untuk mendapatkan manfaat daripada program ini. Ini mungkin pada masa depan akan libat juga dengan kad "*I love Penang*" di mana bayaran dibuat melalui *card fort less system* kalau *digital currency* itu di *combine* dengan kad Penang sistem itu maka kita tidak payah ambil waktu yang begitu banyak di mana-mana dan boleh buat bayaran atau buat bisnes sains *agreement* dan lain-lain.

YB. Dato' Speaker, saya fikir dalam bajet kita ini peruntukan cuma RM10 juta bagi perlindungan lereng bukit bersama dengan kajian perubahan iklim adalah sangat rendah dan tidak cukup. Ia cuma menunjukkan tidak sampai satu *percent* pun dalam jumlah keseluruhan Perbelanjaan Mengurus 2018. Peruntukan ini terlalu rendah seolah-olah Kerajaan Negeri masih tidak menginsafi Maha Kuasanya alam

sekitar tidak belajar dari kelemahan dan mungkin kesalahan yang dihadapi dan bencana yang dihadapi sekarang ini dan kebelakangan ini.

Saya dengan ini juga hendak kongsi satu informasi mungkin ini untuk satu rujukan saja. Saya dapatkan statistik *earth quake* di antara *Enganu Island* dan *Andaman Island of the Sumatra* iaitu *Enganu Island* adalah dari Selatan Sumatera dan *Andaman Island* adalah pulau-pulau di Bandar Bay. Saya sudah kutip satu bahawa gempa bumi berlaku di kawasan ini dari tahun 1833 hingga 2005 ada empat kali gempa bumi yang melebihi *scale more than 7.5* adalah empat (4) kali tahun 1833, 1861, 1881, 1844 ini adalah empat (4) kali melebihi *7.5 scale* and 1907, 1941, 1984, 1995 ada empat (4) kali juga melebihi *7.2 scale*. 2000 hingga 2005 ada empat (4) kali melebihi *7.2 scale* dan terkuat sekali 249.2 dan *average* dia dalam 163 tahun ini *average* 14.8 tahun dia berlaku sekali dan mengikut satu kajian dia mungkin yang minimum dia akan berlaku 11 tahun sekali antara 11 dan 100 tahun dia akan berlaku sekali dan di sini bukan sahaja gempa bumi yang begitu kuat kita juga ada gempa bumi berlaku setiap hari di antara *sunda trace* ini bernama *sunda trace* maksud dari *Andaman Island* ini adalah *sunda trace* di mana berlakunya semua gempa bumi ini dan kita *sunda trace* terletak di antara *sunda trace / Burma Micro Plate, India plate* dan *Australia plate*. Di mana *sunda trace* ini sangat aktif gempa bumi berlaku. Jadi maksud saya mungkin kita *share* kan informasi ini supaya kita boleh ambil semua *measure* untuk menghadapi kemungkinan satu tsunami akan berlaku dalam tahun yang akan datang kerana mengikut *average* yang berlaku, gempa bumi yang begitu kuat sekiranya adalah 14.8 tahun, sekarang dari gempa bumi 2004 hingga sekarang lebih kurang 12 tahun yang mungkin berlaku bila-bila masa.

Ini adalah satu informasi yang saya khuatir bimbang nak kongsi dengan Kerajaan Negeri supaya ambil langkah yang betul supaya kita boleh mengelakkan bencana ini bukan bencana ini ambil langkah supaya elakkan mangsa atau kematian bila atau rosaknya harta benda bila berlakunya tsunami seperti yang berlaku tahun 2004 terutamanya di kawasan pantai Teluk Bahang hingga Tanjong Tokong, Kuala Muda hingga Pulau Langkawi seperti mana yang telah berlaku tahun 2004.

Yang di-Pertua, untuk kita supaya lebih ambil langkah yang lebih baik supaya kita tidak melakukan kesalahan lagi dalam, pada masa yang akan datang kita boleh ambil empat (4) kes yang kita boleh kaji semula di mana mengapa kita tak boleh ada banjir kilat atau tanah runtuh kebelakangan ini bukan sahaja kita nak tuduhkan ini disebabkan oleh perubahan iklim tetapi banjir kilat, banjir atau tanah runtuh itu adalah satu hakikat dan sebelum itu memang proses pembangunan dan lebih awalnya memang satu pelan. Kalau satu pelan yang tidak betul diluluskan dia dibangunkan dalam proses ini hakikatnya akan berlaku malapetaka ini untuk masuk *sink hole* banjir kilat dan lain-lain yang kita juga tak mahu dan ini mungkin boleh dielakkan kalau bukan sepenuhnya tetapi ada beberapa faktor disebabkan *mistake* iaitu ada satu kajian menunjukkan bahawa tanah runtuh boleh dibahagikan kepada dua jenis. Satu, tanah runtuh semula jadi, *natural landslide* (dengan izin) satu adalah *landslide* di kawasan *man made to slope* atau *man made slope*. Dalam kajian ini menunjukkan *natural landslide* akan berlaku berkemungkinan berlaku adalah 20% dan *man made king slope the potential* berlakunya boleh sampai 60%. Jadi kita kena ambil hati, ambil maklum informasi ini supaya satu pelan yang lebih baik di atau satu *structure plan* atau *local plan* yang sempurna diadakan dan betul-betul garis panduan semua dipatuhi dan dipantau supaya bencana ini tidak berlaku boleh dielakkan. Misalnya *landslide* di Tanjong Bungah, Guthrie di mana sudah mengakibatkan seorang 11 orang mati walaupun 11 mayat dikeluarkan *obvious* nya jelasnya *landslide* ini adalah satu kecuaiian *neglection*. Kita sebagai orang biasa pun boleh faham kerana dia berlaku di satu lereng bukit yang telah dijalankan kerja-kerja dan *neglection* berlaku kerana maksud tanah itu runtuh kerana ada beberapa ada dua perkara yang dipersoalkan iaitu (*COW*) *Commence of Work* untuk kerja tanah mungkin tak sempurna di mana *returning hole* tidak dibuat dengan sempurna sehabis-habisnya *commence of work* binaan bangunan sudah pun dijalankan dan tanah runtuh itu, tapak tanah runtuh itu adalah satu *slope* di atas lereng bukit. Ini saya boleh buktikan dengan foto bawa sebelum kerja tanah itu memang satu kawasan bukit walaupun dia rendah sikit dan juga dengan topografi ini kita boleh pastikan dia adalah sebahagian lereng bukit. Dengan Datuk Bandar, jadi topografi ini adalah satu topografi yang boleh buktikan ia memang satu tapak lereng bukit. Jadi itu pun terpulang kepada *royal commission* yang sudah ditubuhkan menyiasat semua sekali dan juga jangan lupa juga di tapak tanah runtuh di bahagian atas ada sebatang sungai yang tidak diketahui semua melalui sana. Saya harap ini juga boleh diambil maklum oleh *royal commission* dan juga terdapat *underground water*, air keluar dari bawah tanah di atas bahagian tanah runtuh itu.

Ini mungkin pihak yang tertentu pada masa itu tidak dimaklumkan atau *unnoticed*....(dengan izin). Jadi saya fikir kecuaiian kelulusan KM, kecuaiian pemantauan dan kecuaiian mematuhi garis panduan ini adalah satu kolektif *responsibility*. Saya fikir tiga (3) pihak sekurang-kurangnya kena bertanggungjawab. Didapati juga mangsa itu, 11 orang memang telah dikeluarkan dan saya sebagai wakil rakyat tempatan supaya memastikan tidak ada lagi mangsa-mangsa lain terlibat. So, saya mohon satu pembersihan tapak



sehabis-habisnya tanah runtuh itu dikeluarkan supaya kita 100% pastikan tak ada lagi mangsa yang lain terlibat. Ini boleh dibuat dengan menggunakan *toolbox*. *Toolbox* itu satu rekod dan ditapak di mana bila satu kejadian diadakan oleh satu kumpulan pekerja semua orang nama pekerja itu tak kira siapa sahaja masuk ke kawasan yang nak dikerjakan tempat itu mesti direkod dalam *toolbox* itu jadi *toolbox* itu akan memberitahu kita siapa, berapa orang sudah pergi ke tapak itu kejadian itu, jadi *toolbox* mungkin seperti *black box it's aeroplane*. So saya harap *royal commission* boleh dapatkan *toolbox* itu dan pastikan semua sudah *clear*, jadi dengan itu kita baru dapatlah memastikan tak ada orang mangsa yang ada di bawah dan juga mem'protect'kan nama baik kerajaan dan menyakinkan pembeli-pembeli rumah itu bahawa tapak itu memang sudah *clear*...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Boleh. Dari pengetahuan saya apabila seorang masuk tempat kerja dia memang jadi satu pekerja juga. Itu dalam Akta Keselamatan 194. So, betulkah apa saya, itukah maksud yang tadi YB. Tanjong Bunga?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Betul, itu yang saya maksudkan dari mana saya dimaklumkan *toolbox* ini adalah satu *instrument* yang boleh buktikan berapa orang yang betul-betul ada di kawasan bekerja di kawasan tempat kerja ini. So, saya harap pihak yang berkuasa terutamanya MBPP boleh mungkin berkuasa menjalankan arahan ini dengan sokongan MMK yang tertentu saya harap ini boleh dijalankan secepat mungkin selaras dengan penyiasatan oleh *royal commission* kalau dijalankan pun harap ada pemantauan setiap hari bila membersihkan diadakan supaya satu rekod yang sangat *transparent* diadakan supaya menyakinkan orang ramai ini memang satu proses yang serius dan diambil serius juga oleh Kerajaan Negeri. Saya memang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Nak tanya soalan susulan, saya tak faham sangat pasal *toolbox* ini tapi tadi YB. Tanjong Bunga dia sebut pasal yang sungai di bawah tanah tu, tak ada sesiapa pun tahu, maknanya pihak *authority* agensi kerajaan semua tak tahu. So, *tools* ke yang macam boleh beri amaran sesuatu berlaku di bawah tanah ada air ke yang boleh menyebabkan *sink hole* atau pun tanah runtuh seperti yang berlaku di kawasan Penanti di Jalan Berapit di tempat yang depan kolumbarium yang baru-baru ini. Tanah tiba-tiba, jalan tiba-tiba jatuh jadi macam runtuh disebabkan oleh paip, rupanya ada paip air di bawah jalan itu dan dia *leaking*, jadi menyebabkan jalan itu runtuh, jadi rumah saya pun jadi macam itu juga. Jadi saya hendak tahu kalau Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bunga juga *discover* ada tak *any tools* yang kita boleh ada, maknanya di kawasan-kawasan bukit ke atau apa ke atau pun tidaklah bukit sangat yang kita boleh *detected* ada berlaku water macam saya kata berlaku banjir lumpur di kawasan Penanti baru ini dan kita *discover* kuari itu, kolam takungan air keluar sungai baru saya hendak tahu. Kalau *there is any thing* yang pihak berwajib boleh gunakan untuk *detect that's is water suddenly and then boleh* menyebabkan keruntuhan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Penanti saya tidak cakap semua orang tidak tahu saya cakap mungkin ada pihak yang tidak tahu keadaan geografi di sana di mana penduduk tempatan dari kecil sehingga tua mereka juga tahu ada satu lereng bukit dan dirata sebelum permohonan pembangunan. Ini ada berlaku di beberapa tempat saya ada buktinya juga dan sungai atau *underground water*. Sama ada siapa tahu saya fikir DOE atau JPS yang lebih berkuasa untuk memberi pandangan kerana ada semasa dalam permohonan ulasan akan dimohon daripada lebih kurang 20 jabatan atau agensi jadi salah satu itu adalah yang penting tentang alam sekitar iaitu JAS dan juga JPS, JPS untuk sungai, JAS untuk *environment impact* dan lain-lain. Jadi saya cuma mahu peringatkan pihak yang tertentu atau Pegawai *Permission Investigation* supaya juga ambil maklum fakta-fakta ini dan bila buat siasatan akan lebih tepat atau suatu siasatan laporan yang lebih tepat lebih adil diadakan. Walau pun kita baru-baru ini juga dikelirukan banjir kilat, memang tujuh (7) orang warga kita sudah terkorban dalam banjir kilat memang kita mengucapkan takziah tetapi 11 orang mangsa dalam tanah runtuh ini juga kita tidak dapat abaikan dan saya harap pihak pemaju terutamanya mereka yang bertanggungjawab dalam projek ini boleh bagi pampasan kepada 11 orang mangsa ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Bolehkah jugakan *CIS satellite tracking* untuk pastikan ada sungai?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Ya, itu terpulang kepada *royal commission*, saya cuma beritahu keadaan disana yang saya tahu dan juga yang penduduk setempat tahu dan kalau itu pun kata tanah rata memang menunjukkan kami dan penduduk cakap yang tidak benar. Jadi ini adalah satu yang saya mahu buktikan sebab itu saya ada *topographic maps photo* yang sebelum kerja tanah dijalankan bukan saya ada tokong berdekatan pihak jawatankuasa mereka juga ada dari hari pertama pokok dibersihkan, kawasan dibersihkan dan batu-batu besar dikeluarkan, tanah dikeluarkan. Kalau tanah rata batu tidak perlu dikeluarkan, tanah tidak perlu dikeluarkan dan juga tidak perlu ada selut, tidak akan berlaku *landslide*.

Jadi ini satu faktor yang kami ingin berkongsi dengan Dewan ini supaya kita dapat satu laporan yang adil kepada pihak-pihak tertentu terutamanya penduduk atau terutamanya kepada mangsa kerana mangsa ini mungkin satu orang warga Malaysia dan 10 warga luar. Tetapi difahamkan semua 11 orang ini tidak diberi pampasan oleh pemaju. Saya harap Kerajaan Negeri juga boleh ambil tindakan supaya satu rundingan pampasan diadakan kepada 11 orang mangsa ini. Ada juga difahamkan walaupun 11 orang seorang warganegara Malaysia, 2 orang Indonesia, 1 Pakistan dan yang lain Nepal dan Burma, jadi difahamkan mangsa Indonesia dapat pampasan tetapi yang lain tidak dapat. Ini saya fikir tidak betul, tidak adil, di sini saya laporkan kepada Dewan supaya Kerajaan Negeri boleh siasat dan pastikan mereka mendapat pampasan kalau pun mereka adalah senarai mangsa yang diberikan pihak pemaju kepada *team* operasi pada masa itu di mana saya ada di sana bersama dengan Datuk Bandar bila kami di *briefing*, kami dapat *briefing* daripada Pegawai Bomba kemudian datangnya wakil pemaju satu *list* 14 orang.

Tetapi, pada masa berlakunya tanah runtuh pagi 21 haribulan itu saya ada disana dan saya diberitahu seorang pemandu lori besar di juga bawa tanah dari tapak-tapak, dia beritahu saya pagi itu dia sangat takut, dia kata dia tidak mahu ambil tugas itu dia keluar tetapi semasa dia keluar tanah itu runtuh dan diberitahu lebih kurang 20 orang dan juga saya dapat maklumat ini dari surat khabar Kwang Ming tajuknya Tanah Runtuh Di Tanjong Bunga. Polis pastikan lebih kurang 20 orang mangsa kemudian hari itu saya dapat 14 jadi saya tanya pegawai mengapa 14 bukannya 20 lebih, jadi pada masa itu pegawai itu kata inilah senarai yang betul, okey, jadi pencarian dijalankan dan ikut senarai itu. Jadi kemudian saya fikir bilangan itu tidak betul. Jadi saya khuatir, saya bimbang adakah siapa-siapa lagi dalam sana. Jadi oleh sebab itu, saya dimaklumkan lebih baik kita dapatkan *tools box* untuk memastikan bilangan yang masuk dan satu cara lagi adalah bersihkan sepenuhnya-penuhnya tanah yang bakinya supaya 100% dipastikan tidak ada orang lagi. Ini sahaja saya harapkan, saya harap ini boleh dijalankan dengan cepat.

Kes kedua iaitu *sink hole* tanah, jalan mendap di Persiaran Tanjong Bunga 3, Taman Ratu terletak berhadapan dengan Straights Regency dan Surin disini. Seminggu dahulu saya dimaklumkan ada *sink hole* di sana semasa ke sana memang kejadian berlaku seperti dilaporkan dalam media, gambar juga ada sangat dasyat tetapi *luckily...*(dengan izin) satu perumahan baru Semi D yang dibina di atas lereng bukit yang diratakan dan lereng bukit itu juga ia bukan tanah biasa ia ada batu bata yang besar *rock base, granite base area*, ada sungai juga keluar dari atas bukit di belakang itu bukit *90 degrees wall* semua adalah hutan. Hutan itu naik tinggi lagi adalah *cashment area* PBA, jadi di sana penduduk setempat memang tahu di sana memang ada kawasan yang tidak sesuai diadakan pembangunan begitu dan tiga (3) tahun yang lalu penduduk-penduduk di Straights Regency dan Surin juga khuatir dan membantah permohonan pembangunan itu. Tetapi, walaupun bantahan atas permohonan itu tetapi kelulusan memang dibenarkan dan berlakunya *sink hole* ini. Ini adalah satu kes di mana *royal commission* juga perlu ditubuhkan untuk siasatan dan jelasnya ini juga mungkin satu kes *intelligent* memantau kelulusan dan kecuaiannya pemaju atau kontraktor. Kita harap ini juga boleh disiasat dengan lebih teliti dan adil supaya walaupun ia tidak ada terjadi kematian tetapi ini satu insiden di mana sudah menjejaskan nama atau prestasi beberapa pihak termasuk Kerajaan Negeri.

Satu kes lagi memang kes banjir kilat di Taman Permai Jaya dan Taman Seri Setia di mana kedua-dua taman itu adalah LMC dan Low Cost terletak di kawasan bukit, kawasan bukit dekat dengan kawasan tanah runtuh. Jadi kawasan ini, kedua-dua taman ini dibina yang LMC itu lima (5) tahun, Taman Seri Setia itu, *low cost* itu 90'an, jadi di dua-dua tapak ini dalam sekurang-kurangnya 20 tahun tak pernah ada banjir kilat, kalau ada pun disebabkan longkang tersumbat dan *design* longkang pun tak betul. Dari satu longkang dia tengah-tengah tiba-tiba jadi '*C corner*'. Jadi, *design* ini sangat pelik di mana air hujan bila lebat dari atas bukit turun ke sungai. Di sana ada sebatang sungai di mana longkang air *discharge* di sana dan terdapat juga satu longkang, ada tu sungai kecil yang tadi saya katakan tanah runtuh dari sana

dia sambung sampai ke sungai besar ini dan satu longkang besar turun dari *main road*. Jadi, dua-dua *discharge* air ini dalam satu sungai yang berdekatan. *Discharge* satu *point* yang sama dan separuh sungai itu, *middle stream of the unga*, *there is* sungai telah di *concretize* kan bila pembangunan lima (5) tahun dahulu oleh pemaju di kawasan pertengahan. Dan sungai yang di *concretize* itu juga pelik, dia bukan terus tetapi dia 'z'. *Concretize* dengan 'z'. Jadi air keluar dari bukit, masuk ke *middle stream*, *middle stream* dia sudah jadi 'z'. Jadi, kalau masa biasa, hari biasa, okay. Tapi hujan lebat macam hari itu, ada beberapa faktor menjadikan banjir kilat di kawasan itu, pembangunan di mana sungai juga di *concretize*, *the design of the* parit dan juga selut-selut dari tanah runtuh dan juga dari kawasan kuari. Semua ini *discharge* dalam satu *bottleneck of discharge point* dan juga pada hari itu kita semua tau hujan sangat lebat, air sangat banyak dan air dari kuari dia *surface running water* sangat cepat, dia turun sampai sana, sungai itu dia tak boleh tampung dan berlakulah *over flow* dan jadinya banjir kilat dan banjir kilat itu bukan sahaja di atas jalan biasa tapi sudah masuk ke flat tingkat bawah A,B,C di tepi jalan.

Jadi, sampai saya rasa mungkin empat (4) kaki lah. 30 rumah terlibat, memang kita telah di bawa tingkat bawah LMC atau *low cost*, dia rumah tak tinggi, air sampai sini so semua barang tak sempat diselamatkan. Tilam, bantal, televisyen, banyaklah perabot sudah rosak. So ini adalah satu kerugian harta orang ramai di kawasan saya. Ini banjir kilat bukan pada saya juga, pandangan saya saja, tapi pada penduduk-penduduk setempat. Ini memang disebabkan pembangunan di tapak itu dan juga *design* longkang yang pelik dan *concretize* sungai yang menyebabkan banjir kilat di situ.

#### **Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):**

Mohon tanya. Maknanya *concretize* sungai adalah satu yang menyebabkan banjir lagi teruk ke daripada *natural*? Sungai konkrit. Tadi Yang Berhormat kata sungai konkrit itu menyebabkan.... (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Sungai di *concretize*, dia sudah jadi satu longkang besar. Seharusnya air mengalir dengan cepatlah. Kalau dia *natural* punya sungai, dia *absorb as sponge act reaction slow down your water*. *But this one the* longkang *concrete also part of it and also the outlet that discharge together, make the bottleneck and all the selut also come down plus of course you have some rubbish to make a blockage*. So, *this is what happen in our place* Lembah Permai, Lintang Lembah Permai 1 dan kita dapat bantahan daripada penduduk. Saya dapat di sini bantahan lebih kurang 100 orang supaya pertimbangkan pembangunan di lereng bukit itu atau sesuatu perlu dibuat dan satu pampasan yang adil diadakan oleh pemaju.

Saya juga rasa kesal bahawa dalam satu (1) atau satu (1) hari banjir kilat itu dan tiga (3) hari atau empat (4) hari untuk pembersihan itu, pemaju pun tak datang bantu memberi satu CSR bantuan, bersihkan jalan, keluarkan selut dan sebagainya. Tetapi, mereka cuma bersihkan selut di depan pintu mereka. Itulah tidak patut. Saya harap Kerajaan Negeri boleh ambil maklum dan bila dalam siasatan, boleh bagi satu tindakan yang sewajar atau pampasan kepada penduduk atau kita berbincang dengan penduduk tentang ketetapan kerajaan tentang projek itu.

Satu kes lagi saya fikir adalah kes disebabkan pembangunan. *Landslide* di Bukit Bendera. Semalam saya, ada Yang Berhormat-Yang Berhormat tunjukkan *Star* di mana ada runtuhannya di antara masjid dan Bel Retiro dan juga ini berlaku dekat, saya dimaklumkan dekat Projek Habitat. Ini memang disebabkan, setahu saya, kerana saya sangat *familiar* juga di kawasan sini, saya ada di sana banyak kali. Ada Yang Berhormat yang pernah juga duduk sana, faham keadaan di sana. Di mana di belakang masjid, di belakang kuil hindu, kemudian di belakang Bel Retiro terus sampai *the other end* lebih kurang 10, satu (1) atau dua (2) kilometer, dia ada satu *monsoon drain*. *Monsoon drain* itu 30 tahun, setahu saya 30 tahun pun tak ada masalah kerana di sebelah sini, hutan di belakang masjid atau Bel Retiro ini adalah hutan simpanan. Dan merujuk kepada foto ini saya boleh ..saya tahu ini kawasan hutan simpan di mana bila kawan saya bawa saya ke sini, dia tunjukkan saya. *Monsoon drain* ini tak boleh di *touch...* (dengan izin) tak boleh diubah atau dikacau. Selagi dikacau, akan jadi teruk. Berlaku *landslide* macam ini. Kalau kita mau lebih faham keadaan yang sebenarnya, lebih baik kita lawat ke tapak. Itu ada satu bukti yang lebih tepat dan kekal kalau kita lawat tapak. Kalau kita di sini bising-bising tak guna kerana kita tau sana tempat ini dari gambar runtuhannya yang besar ini memang sesuatu tidak betul, gangguan telah diadakan. Memang Habitat adalah satu projek di atas kawasan sini. Saya harap juga satu *royal commission* diadakan, siasatkan tanah runtuh ini supaya satu maklumat yang betul, laporan yang sebenarnya dikemukakan dalam Dewan ini atau PAC boleh adakan satu siasatan. Dan memang kalau pokok-pokok tidak dikacau, eko pengaliran air tidak akan terjejas dan membawa keadaan macam ini.

**Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):**

Soalan ya. PAC sudah buat laporan di Bukit Bendera?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Ini tanah runtuh baru kan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):**

Di Bukit Bendera juga. Tapi, dari kajian orang *local*, sebab PAC masa buat laporan Bukit Bendera ini, kita tengok kepada tanah-tanah yang dibuka untuk pertanian. Maknanya, tanah-tanah tu besarlah dibuka untuk pertanian. Bolehkah tanah-tanah pertanian itu menyebabkan tanah runtuh ataupun ini disebabkan macam tadilah, sebut pasal *monsoon drain* dan macam-macam lagi.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Ini ada dua kawasan mungkin YB. Penanti kurang jelas. Ini tanah runtuh ini, ini Bukit Bendera, di sebelah sini ada *Funicular Train*, ini dapat semua pertanian di sini. Di bahagian sini semua tidak dibuka. Bahagian sana, sini sampai Teluk Bahang...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti YB. Tanjong Bunga bawa YB. Penanti pergi.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Hutan simpan dan satu *catchment* area...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lawatan tapak, *you can't imagine*.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Jadi saya kata semua kes ini lebih baik kita yang berminat lawat tapak. Kita faham itu memang satu hakikat kalau dituduh buka bukit atau lereng bukit pembangunan, kita faham kalau kita bincang di sini, bising-bising sini, tak ada guna. Saya cuma nak *proof*, buktikan dengan apa yang saya ada kes-kes ketiga itu memang terlibat pembangunan dan di lereng bukit dan saya juga dapat satu..saya juga dapat satu jawapan daripada soalan saya bahawa *special project* definisi tak jelas tetapi *special project* dipakai guna ke tanah bukit atas 76 meter atau 250 kaki sahaja. Tetapi saya dapat satu maklum balas daripada surat khabar kata dikeluarkan oleh pejabat MBPP bahawa tanah runtuh Tanjong Bunga ini adalah satu *special project* jadi saya mahu penjelasan sama ada *special project* ini semua untuk pembangunan bukit dari 250 kaki ke atas atau untuk ke bawah juga....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

*Special area project* or as it SP, jelas kan.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

*Special project* bukan *special area project*, antara polisi-polisi Kerajaan Negeri menangani isu tanah runtuh adalah seperti berikut mengekalkan, *sorry*. Pembangunan pertama mengekalkan kawasan yang berada di aras 76 meter atau 250 kaki dan ke atas sebagai kawasan berbukit, kawasan alam semulajadi, termasuk tanah-tanah yang diwartakan di dalam akta pemulihan tanah 1960 Warta Tanah Bukit, pembangunan secara terhad bagi projek istimewa *special project*, dikawasan aras tanah ketinggian 96 meter, 250 kaki atau lebih memerlukan kawalan ketat dengan mematuhi garis panduan pembangunan tanah tinggi dan mana-mana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan dan mendapatkan kelulusan EIA serta mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Jadi pada saya, projek istimewa ada di kawasan aras tanah ketinggian 96 meter atau lebih, tapi saya dapat maklum balas dari surat khabar dikeluarkan *statement* katakan, projek tanah runtuh itu adalah *special* projek jadi saya minta penjelasan daripada kerajaan mengapa itu boleh dikategorikan dibenarkan sebagai *special* projek.

YB. Dato' Speaker, satu lagi saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa arahan 20 di bawah mungkin Jawatankuasa Keselamatan ini adalah satu jawatankuasa menangani bencana seperti banjir, taufan, gempa bumi, tsunami, tanah runtuh, kemarau dan kebakaran

hutan rimba kalau malapetaka oleh manusia iaitu letupan kimia, pencemaran kimia, letupan keruntuhan bangunan atau pencemaran udara dan juga *terrorism* keganasan, Jawatankuasa Keselamatan di bawahnya adanya Jawatankuasa Keselamatan Negeri ahli-ahlinya mengandungi Menteri Besar atau Ketua Menteri ahlinya adalah wakil dari PDRM Negeri, Tentera Dalam Negeri, Kewangan Negeri, BOMBA, Jabatan Kesihatan, Pertahanan Awam, Jabatan Laut, JPS, DO lebih kurang 24 orang ahli. Kalau ini tak salah maksud saya dalam sektor ini Ketua Menteri atau Menteri Besar adalah komando yang satu-satunya yang berkuasa semasa *emergency* berlaku atau berlakunya sebarang bencana, setahu saya komando adalah seorang yang sangat berkuasa langsung dia pun mengarahkan memang dia jalankan SOP penyelamatan, penyelarasan dan pengagihan dan lain-lain.

Dia seorang komando dia boleh berkuasa mengarahkan wakil wakil daripada jabatan tersebut termasuk Tentera Negeri supaya menjalankan satu tugas selepas perbincangan. Saya fikir, maksud saya di sini saya nak kongsi satu pengetahuan atau pandangan saya bahawa pada masa depan kalau berlakunya juga lagi, *Insha-Allah* tak berlaku, komando yang tertinggi sekali, harus lebih hati-hati menggunakan kuasanya dan menggunakan semua *human resources*...(dengan izin) sama semua agensi termasuk PDRM, Tentera untuk maksud tersebutlah. Jadi ini harus tidak berniat tapi kita kongsi satu pengetahuan. Saya harap ini betul kalau tak betul harap dibetulkan informasi ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Penjelasan. Ini betul tapi tiap-tiap kali kena ada *drill*, *under this skill*, tiap-tiap kali *emergency response plan* you kena ada *drill*, *so I'm surprise* di Pulau Pinang tak ada *drill* macam ini.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

*Thank you for your information.* YB. Dato' Speaker, peruntukan RM100 juta yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk pemulihan keperluan asas mangsa-mangsa banjir kilat ini memang perlu dan sangat tepat untuk masa pendek, saya harap saya juga harap selain daripada ini satu peruntukan yang lebih besar diadakan supaya satu *plan* pada masa panjang untuk *flood fighting*, *flood protection* supaya kita betul betul jalankan satu *plan* yang berkesan untuk mengurangkan banjir kilat walaupun kita tahu kita ada 50 *hotspot* banjir kilat itu adalah *hotspot* mungkin pada masa biasa tapi hari itu iklim cuaca yang luar biasa sikat dan oleh banjir kilat November 4 itu menunjukkan satu mungkin kita faham satu perubahan iklim yang akan membawa lagi lebih banyak *possibility* kita akan hadapi bencana sebegini ini dan harap satu peruntukan besar untuk *flood protection precautionary action* diadakan...(dengan izin) dan bagaimana air boleh diuruskan dengan air banjir, air hujan boleh uruskan dengan lebih berkesan supaya air hujan yang lebih banyak itu boleh disalurkan ke satu tempat disimpan sebagai satu air simpanan untuk boleh juga kalau diproses untuk air minuman masa depan. Mungkin projek ini sangat besar tapi harap boleh diambil maklum atau dipertimbangkan. Mungkin *proposal*, cadangan ini mungkin difikirkan satu projek yang tidak mungkin tapi saya fikir dia boleh jadi. Memang sudah dilaksanakan di suatu tempat iaitu membina satu *dam* di tepi laut. Misalnya di antara Bayan Lepas dan Pulau Jerejak. Dua (2) bahagian ditutup akan dengan tambakan dalamnya ada satu *dam* besar, air berdekatan air Sungai Pinang atau Sungai Krian dimasukkan ke dalam disalurkan ke dalam *dam* ini dan jadi satu simpanan.

Air sungai boleh pakai untuk BOMBA ka atau cuci atau kalau untuk bukan minuman pun boleh. Diproseskan jadi air minum, minuman pun boleh kerana proses membersihkan air itu mungkin kosnya lebih rendah daripada proseskan air laut jadikan air laut minuman. Saya harap ini satu cadangan atau satu impian boleh di kajikan oleh PBA, dan saya harap, kita...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Berapa lama lagi? Saya sudah bagi masa yang terlalu panjang, pendekkan, cerita tengah-tengah itu kalau boleh pendekkan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Okey, kita dua (2), tiga (3) hari ini kita semua bincangkan banjir kilat macam mana tolong mereka dan bantu mereka dan satu tabung bantuan banjir telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri dibawah Bendahari Negeri Pulau Pinang, supaya orang ramai boleh dermakan sedikit sebanyak ke dalam tabung ini. Saya harap Yang Berhormat yang mana kita di sini juga sangat prihatin tentang banjir kilat ini mungkin kita juga boleh buat satu derma dengan kemampuan sendiri menunjukkan kita juga *walk the top*, *we also* buat derma kepada tabung ini.

Tentang SOP penyelamatan dan penyelarasan memang ada kelemahan yang banyak perlu dinaik tarafkan. Saya fikir Pejabat Daerah terutamanya JKKK memang memainkan peranan yang mustahak pada masa kejadian bencana berlaku *the instant time of happening...* (dengan izin) JKKK, perlu *alert* dan bekerjasama dengan penghulu, penghulu adalah pengantara yang penting yang akan menghubungkan semua agensi setelah dilaporkan JKKK tempatan pada masa yang terawal supaya memulakan operasi atau *back up* pada masa tahap sebaik saja berlakunya sesuatu bencana. Memang selepas laporan dan data-data diterima dari JKKK atau pihak yang melaporkan kepada operasi penyelamatan kemudian operasi penyelamatan boleh di *handover...* (dengan izin) kepada bilik tindakan bencana.

Penghulu adalah seorang yang penting dalam satu kawasan untuk menguruskan keselamatan tempatan. Mujurlah kawasan saya terdapat empat (4) orang penghulu bagi perkhidmatan dari 2009, saya ada Penghulu Wan, Penghulu Daud tapi Penghulu Daud meninggal dunia sekarang Penghulu Asri. Semua penghulu ini memang saya mengucapkan berterima kasih kepada mereka kerana memang mereka memberi perkhidmatan bekerjasama dengan pejabat saya supaya kes yang dilaporkan diuruskan dengan cepat. Macam kes kebakaran, kes AES, kes banjir kilat, kes tanah runtuh dan juga lain-lain kes kita boleh jadikan ini satu *link* yang berkesan melalui *whatsapp group* bila berlakunya sesuatu bencana atau sesuatu *incidents*, dalam *whatsapp group* kita sama-sama *exchange information*. Kemudian dipantau. Kemudian Penghulu-penghulu dia dapat informasi dia akan uruskan dengan agensi yang berkenaan seperti JKM atau Bomba turun ke padang dengan secepat mungkin. Saya harap JKKK dan penghulu dan juga pejabat khidmat KADUN setempat boleh lebih *pledge together information from this kind of whatsapp group* dan *exchange information* supaya satu *incident* boleh ditangani dengan lebih cepat lebih berkesan.

Ini adalah satu *experience* di mana sepanjang 10 tahun ini bersama-sama bekerja dengan Penghulu. Maksud saya Penghulu itu adalah seorang yang penting dan sangat berpengalaman di kawasan, dia juga ada *connection* dengan agensi-agensinya yang lain supaya satu tindakan boleh diadakan dengan segera. Saya juga mohon Kerajaan Negeri mengkaji semula mempertimbangkan aduan atau permintaan penduduk supaya kalau boleh projek yang dibantahkan mereka ada yang sekeras-kerasnya tetapi projek masih dijalankan. Walaupun dijalankan kerana *all* syarat-syarat *complied*, saya fikir itu satu alasan yang tidak memuaskan bahawa kita kena bagi kelulusan kerana *all conditions complied*. Sekurang-kurangnya bantahan atau aduan daripada penduduk kejiranan itu tidak di *comply* kerana ada bantahan, itu satu syarat tidak dipatuhi kerana ada bantahan. Ada bantahan bermaksud bukan semua sudah *complied*. Bantahan itu juga satu syarat di mana kalau ada bantahan tidak boleh *complied*, tidak *complied* mesti selesaikan bantahan sepenuhnya-penuhnya sebelum diluluskan Kebenaran Merancang dan lain-lainnya. Misalnya projek Fairview Residents, VS Group, VSG di kawasan lereng bukit di Sungai Ara telah disenaraihitam oleh Ketua Menteri tetapi kerja masih dijalankan.

Ini satu aduan daripada penduduk-penduduk kejiranan dan sampaikan emel kepada saya supaya sesuatu boleh diadakan supaya menangani isu ini dan menyelesaikan kebimbangan mereka dan juga berkemungkinan berlaku lagi bencana atau tanah runtuh berulang lagi di kawasan mereka yang mereka tidak ingin ianya berlaku. Satu lagi projek Marlim Jaya di Batu Feringghi, penduduk-penduduk kejiranan iaitu Miami Green memang membawa pandangan mereka atau ulasan-ulasan mereka yang bimbang akan terjadinya bencana, malapetaka atau tanah runtuh di kawasan tersebut pada masa depan kalau pembangunan di lereng bukit dijalankan, dibenarkan dan diluluskan.

## **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis?

## **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Kita kena kongsi informasi di sini. Saya di sini bukan mahu gaduh dengan sesiapa, cakap yang bukan-bukan, saya cuma hendak masukkan informasi kongsi di sini. Satu lagi ramai juga Yang Berhormat kluar tentang *Post Disasters Disease Prevention Security Guide* iaitu bila berlakunya banjir kilat, lepas itu *disaster disease*, bakteria yang mungkin berlaku. Kita harus ada satu (1) SOP tentang *prevention as security guide* untuk *disaster disease* ini. Misalnya selain daripada tikus atau *Ecoli Coliform*, mungkin kalau kerapnya berlaku banjir kilat, mangsa banjir kilat yang selalu berada dalam air itu, selain daripada itu mungkin ada *flash eating bacteria*. *Flash eating bacteria*, kita tidak tahu datang dari mana dan boleh dibawa oleh air ke kawasan kita dengan tidak diketahui kita ada *contact* dengan kulit kita, kita akan jadi mangsa *flash eating bacteria*.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Hari ini adakah apa-apa penemuan atau *any information up to date by the State Government regarding this issue*. Semalam saya sudah *raised* isu ini sehingga hari ini *still don't see any information on this part of state*.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Tidak kira agensi mana, *state* atau kesihatan, tetapi kita sebagai *backbenchers* Kerajaan Negeri, kita sampaikan maklumat ini kepada Kerajaan Negeri supaya eksekutif boleh sampaikan maklumat ini kepada agensi-agensi yang tertentu, atau MMK buat satu *paper*, adakan satu *guideline* untuk *Post Disasters Disease Prevention Security Guide*. Ini memang berlaku semasa *hurricane destruction* di Amerika Syarikat, ada kes kematian disebabkan *flash eating bacteria*. Memandangkan kita akan selalu dilanda banjir kilat, jadi ini adalah satu *prevention*. Saya harap ini boleh diambil maklum dan satu kajian diadakan.

YB. Dato' Speaker, saya sini juga hendak *remind*...(dengan izin), tentang peranan NGO terutamanya kebelakangan ini Kerajaan Negeri nampaknya bermusuhan dengan NGO terutamanya Penang Forum. Saya hendak kongsi di sini bahawa apa-apa yang dicadangkan oleh atau forum yang diadakan oleh Penang Forum, NGO itu yang mengandungi lebih kurang 20 NGO mungkin mereka ada kepakaran atau ada profesional dalam NGO itu. Berkongsi informasi dengan mereka saya fikir bukan masalah, masalahnya minda manusia yang sempit, hati yang tidak terbuka, jadi tidak kira pandangan atau cadangan NGO bagaimana kita kena terima. Jika kita sebagai kerajaan pentadbiran harus menerima semua cadangan yang kita selalu katakan kita *open*. Sesiapa boleh bagi kata *freedom of speech*, itu pun satu pendeklamasian di Dewan ini, tidak perlu kita kritikan NGO seperti Penang Forum yang menjalankan tugas mereka. Saya fikir kita kena sesuaikan semula kita sendiri hubungan dengan NGO terutamanya Penang Forum. Kita harus hadapi masalah, misalnya YB. Pantai Jerejak, semasa kita berunding dengan beberapa pihak tertentu di Kampong Mutiara, UMNO ada, PAS ada, NGO ada, kita perlu hadapi, berunding dan cari satu (1) jalan keluar. Sama juga dengan Kampong Tanjung Tokong, bila YB. Timbalan Ketua Menteri I dulu, YB. Mansor dan kemudian YB Pantai Jerejak juga kita turun padang berhadapan dengan NGO, penduduk dan termasuk parti lain, UMNO, PAS dan lain-lain. Kita boleh bincang, itu mungkin satu cara yang lebih baik. NGO pun tidak ada niat jahat pandangan saya. Ada pun biarlah mereka, apa hendak takut. Saya harap kita boleh *be friendly again*...(dengan izin), selalunya kita sangat *friendly* dengan NGO.

Sebelum 2008, DAP, PKR bila kita jadi pembangkang kita bersama-sama dengan NGO mengadakan forum menangani banyak isu, itu pun sebelum 2008. Mungkin selepas itu mungkin ada tetapi kebelakangan ini, *divert* sikit...(dengan izin). Saya fikir kita kena fikir masak-masak. Misalnya pembantahan pembangunan di Bukit Bendera pada tahun 80'an di mana masa itu saudara YB. Lim Kit Siang juga bekerjasama dengan NGO, mungkin Malaysian National Society untuk membantah pembangunan di Bukit Bendera dan mereka berjaya menahan atau menolak projek yang raksasa pembangunan itu. Sekarang terbalik sikit, kita ada *Penang Hill Corporation*, wujudnya *Corporation* ini sudah mula ada pembangunan sedikit-sedikit ada pembangunan diadakan terutamanya habitat ini, yang saya fikir kena hati-hati sikit.

Dan mengikut soalan Bukit Bendera kepada saya, ada banyak lagi projek yang akan diadakan oleh *Penang Hill Corporation*. Saya harap *Penang Hill Corporation* boleh juga mendengar *feedback-feedback* atau pandangan, cadangan daripada NGO oleh sebab 80'an hingga hari ini, memang *Penang Hill* ditolak pembangunan dan sampai hari ini *Penang Hill* masih kekalkan keindahan, kehijauan sekarang. Tetapi mulai dengan Koperasi *Corporation*, saya harap Jawatankuasa atau Kerajaan Negeri atau MMK atau Dewan ini, kena pantau sedalam boleh tentang Koperasi yang ditubuhkan misalnya *Penang Hill Corporate* atau *George Town Heritage Corporate* supaya mereka tidak jalan ke arah *commercialization* dan misal yang kedua sebelum.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Yang Berhormat, berapa lama lagi?

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Tidak banyak.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya memang hadkan masa untuk Yang Berhormat, *I give you another five (5) minute to end up*.

### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

*Five (5) minute. Okay, I try lah. Thank you very much.* Kita juga berjaya membatalkan projek PGCC. PGCC itu satu projek raksasa ada 38 bangunan bertingkat mungkin pada masa itu, 28 tingkat di kawasan dekat Lumba Kuda, Batu Gantung. Jadi ini kita dapat bekerjasama dengan NGO, supaya satu kejayaan tercapai. Dan juga pada masa itu isu PORR. PORR kita juga bekerjasama dengan NGO memberi pandangan dan cadangan, dan juga sedikit sebanyak dapat menolakan projek ini. Dan juga *sore tump* di Tanjong Bunga di mana tambakan laut yang haram dengan kerjasama dengan NGO *Tanjong Bunga Resident's Association*, kita dapat berjaya menahankan projek haram itu.

Dan juga isu pengangkutan awam pada masa itu sangat juga *hot, hot topic*. Kita juga dapat memberi pandangan dan sokongan daripada NGO, supaya projek atau pelan pengangkutan awam pada masa itu dapat dikaji semula atau dilambatkan oleh kerajaan pada masa itulah. Dan saya harap bila kita ada begitu banyak pengalaman dengan NGO, kita boleh jadikan NGO rakan kita yang boleh memberi satu pandangan, cadangan yang lain *that is the other, the other information* atau *the other information meanslah...*(dengan izin).

Jadi NGO memang berperanan tersendiri agar *check and balance* atau sebagai *watch stop* berfungsi demi kepentingan orang awam juga. Saya fikir tidak salahlah mendengar suara NGO, NGO pun dari marhaen rakyat. Jadi kita sebagai ahli politik selalunya selepas mendapati *sad to said* kuasa pentadbiran atau kejayaan, janganlah kita dikaburkan ketamakkan, apa itu kuasa yang dimandatkan. Kita kena ingat juga *power corrupt, absolute power absolute corruption* lah, *corrupt* di sini saya fikir maksud bukan *corruption* yang sahajalah. Tapi gila kuasa juga dimaksudkanlah.

Bajet. Bajet 2018 ini saya fikir juga bersetuju dengan Yang Berhormat yang lain bahawa pertanian telah dipinggirkan. Saya harap *organic farming* boleh diambil, ambil, diambil kira kerana terdapat ramai pemuda pemudi yang berminat menjadi petani generasi baru meneroka nak meneroka aspek *organic farming*. Tetapi tidak dapat tanah yang cukup, yang luas dan juga atau sederhana ada yang sesuai untuk mereka menjalankan *organic farming*. Biasanya tanah persendirian juga terhad, atau tidak sesuai kerana tanah persendirian yang pertanian tanah persendirian, pertanian persendirian selalunya telah lama dicemari baja kimia tidak sesuai untuk menjalankan *organic farming*.

Petani *organic* pemuda pemudi baru, saya fikir memerlukan tanah baru terutamanya kerajaan untuk maksud tersebut. Misalnya eko-pertanian di Relau, itu adalah satu tapak yang sesuai untuk mereka dan mereka sedang adakan aktiviti disana tetapi, mereka khawatir ia akan dijual atau dibangunkan masa depan. Maka harap mereka adalah supaya eko-pertanian itu dikekalkan supaya usaha mereka tidak terjejas, dan impian mereka juga terjejas juga. Dan diharap kerajaan mempertimbangkan satu polisi menjamin usaha mereka tidak tersia-sialah. Kalau mereka guna tanah persendirian dengan sewa, kontrak sewa itu biasanya tidak dapat dipanjangkan kerana tanah tuan tanah kadang-kadang ambil balik tanah dan usaha-usaha mereka yang ada semua habis sahaja.

YB. Dato Speaker, tentang penuaan. Isu penuaan semakin *serious* dalam Negeri Pulau Pinang kita ini. Warga emas adalah kita tahu golongan yang bersara, tidak bekerja, selalu sakit, miskin dan ada juga tinggal seorang. Jadi warga emas saya fikir adalah warganegara kita sendiri, dan pernah menyumbangkan masyarakat kepada masyarakat. Kalau bolehlah, saya mohon YB. Datok Keramat sebagai MMK Perancang Desa Dan Bandar, bolehkah Yang Berhormat Datok Keramat pertimbangkan satu projek perancangan perumahan sebagai satu *rest station* untuk warga emas yang perlu satu tempat berehat atau dijaga, semasa keluarga mereka terpaksa keluar negara atau pergi kerja kena tinggal orang tua yang berseorangan itu dirumah. Atau warga emas tersebut boleh duduk atau berehat di *station* itu, atau pusat itu buat sementara, sementara masa yang pendek mungkin ada yang sehari ada yang dua (2), tiga (3) hari.

Ini supaya keluarga yang bekerja boleh pergi kerja dengan sepenuh hati, dan tidak terganggu. Dan kalau boleh pusat itu di *design*, dibina bersama-sama dengan pusat anak yatim atau tadika. Anak yatim kerana dengan pusat anak yatim kerana bila warga emas ada di pusat itu, dia boleh mungkin juga bercampur dengan anak yatim atau juga yang kalau yang sihat mungkin boleh jaga anak yatim atau mengajar mereka berbagai-bagai *tricks* atau bagikan pengetahuan, pengalaman kepada mereka. Ini juga akan memberi satu *sense of love to the* anak yatim, supaya mereka boleh juga menikmati *mother love or father cares*. Jadi saya harap YB. Datok Keramat dalam MMKnya boleh pertimbangkan.

### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, pilih satu tajuk yang terakhir untuk tamatkan bahas.



**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya pilih, okey, satu lagi isu. Saya harap saya ada satu soalan tentang perbelanjaan bajet RM707.6 juta daripada RM1.45 bilion iaitu 48% daripada bajet keseluruhannya yang disalurkan ke Pejabat Ketua Menteri untuk tahun 2017. Perbelanjaan yang saya dapati, ada beberapa peruntukan yang tidak dipakai guna mungkin adakan ia akan jadi satu *waste stage*. Saya harap kalau begitu banyak peruntukan, kalau ada dibawah P01 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan tidak dapat dipakai guna, kalau boleh disalurkan peruntukan ini kepada terutamanya alam sekitar. Alam sekitar mungkin lebih munasabah, dan lebih berguna. Saya harap peruntukan 2018 itu, jangan ulangi *government waste* ini, *government waste* sebegini, kerana kalau tidak dipakai ada jadikan satu *waste* dan juga kutipan *fee hotel* mengapa, mengapa mengikut jawapan mengapa digunakan perbelanjaan ke luar negara sampai hari ini tak ada projek-projek yang munasabah dan mempertingkatkan semua utiliti-utiliti atau apa itu *tourist spot* atau *basic* utiliti atau *new products* pelancongan diadakan dengan kutipan *fee hotel* ini.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey Tanjung Bunga nyatakan pendirian dan tamatkan.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

*Last* itu ada tentang keampuan, keinsafan, kesimpulan. Kita, saya fikir sebagai manusia yang bertamadun kita perlu belajar daripada sesuatu kesalahan yang kita perlu bertanggungjawab dan sebagai pemimpin dan pentadbir yang CAT kita juga perlu ada keinsafan terhadap kesalahan dan kita buat dan kita kalau kita boleh akui memang dan memohon ampun, memang ini akan juga dapat ampun dari rakyat, juga saya fikir sebagai pentadbir pada masa ini kita berhutang satu ampun kepada rakyat mungkin atas beberapa kecuaiian yang mengakibatkan bencana ke atau *incident* yang tidak Tanah Runtuh atau yang lain-lain yang berlaku ke atas kita dalam masa kebelakangan ini saya fikir ini adalah patut diadakan dengan itu saya mohon menyokong.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Tanjung Bunga, Ahli-ahli Yang Berhormat saya nak tangguhkan Dewan dan kita akan bersidang semula pada 13 November 2017 Hari Isnin 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 malam***